



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2023



MEREALISASIKAN KESEDIAAN BERSAMA

Ilustrasi muka depan menggambarkan kiub dalam pelbagai warna, mewakili PIDM, pihak berkepentingan kami dan komponen lain yang penting dalam melaksanakan resolusi, dengan kiub hijau melambangkan komitmen kami terhadap kelestarian. Kiub-kiub ini membentuk struktur yang bersatu, melambangkan usaha PIDM dalam menggabungkan komponen-komponen ini untuk bersama merealisasikan kesedlaan resolusi.



PDF interaktif ini membolehkan anda mendapat maklumat dengan mudah mencari benda tertentu atau menavigasi antara halaman, bahagian dan penghubung ke muka surat

Senarai Kandungan

Pautan

Carian

< Halaman Sebelum

> Halaman Seterus



PERATURAN DAN GARIS PANDUAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Reporting Standard – MFRS). Penyediaannya juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standard – IFRS). Kami merujuk kepada International Integrated Reporting Framework, yang diterbitkan oleh International Integrated Reporting Council ketika menyediakan Laporan Tahunan ini. Lembaga Pengarah PIDM telah menyemak dan meluluskan Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini. Perakuan dan jaminan kawalan dalam dan risiko juga telah diperoleh daripada pihak pengurusan untuk memastikan bahawa Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini menggambarkan prestasi dan hal ehwal PIDM secara menyeluruh. Lembaga Pengarah juga telah memantau pengenalpastian dan penilaian perkara-perkara material dalam perwujudan nilai-nilai PIDM.

Sebarang maklum balas tentang Laporan Tahunan ini boleh disalurkan ke info@pidm.gov.my.

DALAM LAPORANINI

Daripada Kepimpinan Kami

02

BAHAGIAN I: PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM Melindungi Deposit dan Manfaat Takaful dan Insurans	05
PIDM Mewujudkan Kesedaran dan Memperkuatkukan Keyakinan	07
PIDM Menyediakan Insentif kepada Institusi Ahli untuk Kekal Selamat, Kukuh dan Boleh Diselesaikan (<i>Resolvable</i>)	08
PIDM Memastikan Resolusi Efektif bagi Institusi Ahli	09
PIDM Mempertingkatkan Kesediaan untuk Mendepani Krisis	11
<i>Pengajaran Utama daripada Peristiwa Kegagalan Bank Musim Bunga 2023</i>	13

BAHAGIAN II: TUGAS KAMI@PIDM

Tadbir Urus	17
Pihak Berkepentingan	33
Perkara-Perkara Material	36
Prestasi	44
<i>Simposium Resolusi Kebangsaan 2023</i>	56
<i>PIDM dan Kelestarian</i>	57

BAHAGIAN III: MARA KE HADAPAN

Strategi	61
Rancangan Korporat 2024	62

BAHAGIAN IV: PENYATA KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah	67
Pernyataan Pengarah	72
Akuan Berkanun	73
Sijil Ketua Audit Negara	74
Penyata Kedudukan Kewangan	78
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain	79
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab	80
Penyata Aliran Tunai	81
Nota kepada Penyata Kewangan	82

Glosari Istilah

162

Rujuk www.pidm.gov.my untuk Rujukan Teknikal

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI



RAFIZ AZUAN ABDULLAH
Ketua Pegawai Eksekutif

Tahun 2023 menyaksikan beberapa bencana alam yang tidak dijangka, seperti banjir besar di Libya, kebakaran liar di Pulau Maui, dan corak cuaca di luar ramalan. Gelombang haba yang tiba awal pada musim bunga bukanlah satu-satunya kejadian yang tidak dapat diramal, malah peristiwa kejatuhan bank di Amerika Syarikat (AS) dan Switzerland turut menggegar dunia kewangan pada ketika itu. Adalah jelas bahawa kita berhadapan dengan peristiwa ketidaktentuan, ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran (*volatile, uncertain, complex and ambiguous – VUCA*) yang berlaku dengan pantas, kerap, dan secara tiba-tiba. Ini adalah realiti baharu di mana ruang masa untuk bertindak terhadap peristiwa sebegini makin sempit. Oleh itu, apakah respons yang perlu daripada PIDM sebagai pengawal selia yang diberi mandat menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara untuk mendepani realiti baharu ini?

GERAK BALAS TERHADAP KETIDAKPASTIAN

Ada satu pepatah menyebut, "Saat angin perubahan bertiup, sekumpulan orang membina tembok dan sekumpulan yang lain membina kincir angin". Pepatah ini memberi gambaran bagaimana kita harus tangkas dalam menangani dunia VUCA yang tidak dapat diramal. Daripada bertahan sahaja, adalah lebih baik jika kita dapat menyesuaikan diri dan mengambil manfaat daripada situasi yang melanda supaya dapat memberi kelebihan kepada kita. Malah, sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi, kami perlu membina kedua-duanya sekali; "tembok yang melindungi" dan "kincir angin yang produktif", dan kami percaya bahawa struktur ini perlu dibina seawal mungkin.

Sebagai pengawal selia, kami perlu sentiasa mengamalkan pemikiran "siap-sedia", dan bukan hanya sikap dan pendekatan "tepat pada masanya". Kami tidak boleh mula membina tembok atau kincir angin hanya apabila angin mula bertiup kerana pada ketika itu, ia mungkin sudah terlambat. Kami perlu mempunyai sistem dan infrastruktur yang sudah tersedia untuk menghadapi sebarang ribut yang muncul secara tiba-tiba. Dengan pendekatan inilah kami telah mengharungi cabaran dan ketidaktentuan pada tahun 2023.



DATU SRI (DR) ZUKRI BIN SAMAT
Pengerusi

MEREALISASIKAN KESEDIAAN

Dengan keadaan landskap kewangan yang sentiasa berkembang, kami menumpukan usaha terhadap kesediaan resolusi dan pengurusan krisis. Garis panduan perancangan resolusi untuk bank-bank ahli yang diterbitkan pada bulan September 2023 menghendaki pihak bank membangunkan keupayaan tertentu untuk menyokong resolusi yang teratur apabila perlu. Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) yang julung kali diadakan, bertemakan "Memperkasa Daya Tahan Melalui Perancangan Resolusi" menyediakan platform untuk kolaborasi dan pertukaran pengetahuan serta kemahiran dalam kalangan pakar kawal selia dan peserta industri. Kami merancang untuk menganjurkan simposium ini setiap tahun untuk terus memupuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan pihak berkepentingan ke arah mempertingkatkan daya tahan sistem kewangan Malaysia. Selain itu, terbitan Kajian Kes Resolusi (*Resolution Case Studies*) yang dilancarkan semasa simposium tersebut memberi pandangan dan perspektif daripada pengalaman global masa lalu yang boleh menjadi iktibar dalam persediaan untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih baik.

Kami meneruskan latihan simulasi dan usaha sama antara agensi bagi meningkatkan kesediaan kami mendepani krisis dan menyemak semula Peraturan Sistem Premium Berbeza untuk menambah baik insentif kepada institusi ahli bagi tujuan pelaksanaan resolusi yang teratur. Kami juga telah memeterai Memorandum Persefahaman dengan pihak berkuasa kawal selia dari rantaun lain untuk meningkatkan lagi kerjasama rentas sempadan dan menggalakkan perkongsian amalan terbaik dan kepakaran dalam resolusi.

MENINGKATKAN KEYAKINAN

Dalam landskap kewangan global yang bergolak-galik, meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap sistem perlindungan serta keupayaan kami untuk melaksanakan mandat yang diamanahkan menjadi semakin penting. Pada tahun 2023, kami meningkatkan penggunaan platform media sosial dan digital serta memperhebatkan penglibatan dan kolaborasi kami dengan pihak berkepentingan tertentu. Kami berbangga dengan pencapaian tahap kesedaran awam yang kini mencapai tahap 86%, menjadikannya tahap pencapaian 80% ke atas untuk tiga tahun berturut-turut. Ini adalah hasil tinjauan kesedaran awam tahunan yang dijalankan di seluruh negara. Usaha komunikasi dan penglibatan kami juga telah meningkatkan tahap pemahaman orang awam mengenai peranan PIDM dalam sistem kewangan.

PIDM juga menyokong agenda literasi kewangan negara melalui program celik kewangan kami yang merangkumi kempen #SediaPayungKewangan, serta menerusi kerjasama kami dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network – FEN*) dan ahli-ahli FEN yang lain. Kami juga menjalankan kaji selidik tingkah laku yang telah memberikan input dan pandangan berharga mengenai sikap konsumen kewangan ketika krisis, yang membolehkan kami memperbaiki strategi komunikasi, amalan penglibatan bersama pihak berkepentingan dan polisi awam yang berkaitan untuk lebih efektif pada masa depan.

BERSEDAIA UNTUK MASA DEPAN

Tumpuan kami terhadap keberkesanan organisasi dan transformasi digital menyaksikan kemajuan yang ketara. Kami melaksanakan rangka kerja pembelajaran dan pembangunan dalam usaha kami membina tenaga kerja yang bersedia untuk menerusi masa depan dan melaksanakan resolusi melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula.

Penyerapan masuk kumpulan perintis Pelatih Resolusi ke dalam tenaga kerja kami dan pelaksanaan latihan kumpulan kedua menekankan dedikasi kami untuk membina asas yang kuat dalam bidang resolusi. Pada masa yang sama, kami terus mengukuhkan nilai korporat kami melalui pelbagai program penglibatan kakitangan PIDM.

Kami terus mengorak langkah dalam usaha transformasi digital dan memodenkan infrastruktur kami ke arah persediaan untuk menerusi masa depan. Memandangkan landskap digital semakin rumit, polisi keselamatan siber kami telah diperkuuhkan untuk memastikan daya tahananya menerusi ujian keberkesanan sistem dan tahap kesedaran kakitangan kami berkenaan keselamatan siber. Kami juga mengekalkan komitmen kami ke arah kelestarian dan tanggungjawab sosial korporat dengan menjalankan inisiatif berkaitan kitar semula serta menggabungkan elemen kelestarian alam sekitar dalam aktiviti korporat kami.

Mengimbang kembali kepada pencapaian dan cabaran tahun 2023, kami akan terus berpegang teguh kepada komitmen kami untuk merealisasikan kesediaan, menjadikan cabaran sebagai suatu peluang untuk memperkuuhkan organisasi kami. Atas segala pencapaian kami, ribuan terima kasih diucapkan kepada Lembaga Pengarah yang sentiasa menyokong kami dan kakitangan PIDM yang penuh dedikasi. Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengerusi kami, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff, atas kepimpinan bijaksana dan bimbingan beliau, serta kepada Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus dan Puan Suhara Husni, mantan pengarah kami, atas kepakaran dan pandangan mereka yang amat berharga.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan pengawal selia, pihak berkepentingan dan rakan kongsi strategik kami. Dalam menghadapi ketidakpastian yang semakin mencabar, kita semua perlu terus bekerjasama dan menyokong antara satu sama lain. Sesungguhnya, daya tahan yang tinggi dan kolektif adalah benteng yang paling kukuh untuk menghadapi sebarang risiko masa depan yang belum kita kenali lagi.

Biar pun angin perubahan terus bertiup kencang dan kehangatan cabaran mungkin tiada henti, begitu juga kesungguhan kami untuk melindungi konsumen kewangan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara. Kami mempunyai mandat yang mulia dan sangat bermakna, maka kami tidak boleh memandang remeh dan mengambil sikap sambil lewa, apatah lagi dalam mendepani realiti baharu dunia kini.

DATU SRI (DR) ZUKRI BIN SAMAT

RAFIZ AZUAN ABDULLAH

BAHAGIAN I

PERLINDUNGAN PIDM

BAGI KONSUMER

KEWANGAN

PIDM Melindungi Deposit dan Manfaat Takaful dan Insurans

PIDM Mewujudkan Kesedaran dan Memperkuatkannya

PIDM Menyediakan Incentif kepada Institusi Ahli untuk Kekal Selamat, Kukuh dan Boleh Diselesaikan (Resolvable)

PIDM Memastikan Resolusi Efektif bagi Institusi Ahli

PIDM Mempertingkatkan Kesediaan untuk Mendepani Krisis


Pengajaran Utama daripada Peristiwa Kegagalan Bank Musim Bunga 2023



PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia¹ (Akta PIDM).² PIDM, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan peserta jaringan keselamatan kewangan Malaysia.

Dalam memenuhi mandat kami, PIDM melaksanakan dua peranan utama – sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan pihak berkuasa resolusi.



1 PIDM MELINDUNGI DEPOSIT DAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

PIDM melindungi deposit serta manfaat takaful dan insurans **konsumen kewangan** sekiranya sebuah institusi ahli gagal. Perlindungan ini adalah automatik dan tiada bayaran dikenakan kepada konsumen kewangan. PIDM mempunyai 45 bank ahli³ dan 48 ahli penginsurans.

Perlindungan PIDM Bagi Pendeposit di Bank Ahli

PIDM melindungi deposit sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli. PIDM juga melindungi deposit konvensional dan Islam yang dipegang oleh individu, pemilik bersama, perniagaan tunggal, pemegang amanah, perniagaan perkongsian dan syarikat secara bersasingan.

PIDM melindungi 97% pendeposit dengan sepenuhnya. Skop dan had perlindungan deposit PIDM kekal tinggi dan melebihi tahap yang disyorkan dalam Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems oleh **International Association of Deposit Insurers (IADI)**.⁴ IADI mengesyorkan perlindungan insurans deposit sekurang-kurangnya berada pada tahap 80% daripada jumlah pendeposit dan sebanyak 20% – 30% daripada nilai jumlah deposit.



SIAPAKAH KONSUMER KEWANGAN?

Mereka ialah pelanggan institusi ahli PIDM yang:

- mendeposit (menyimpan wang) di bank ahli; dan
- memiliki sijil takaful dan polisi insurans oleh ahli penginsurans di Malaysia

APA ITU IADI?

IADI ialah badan penetapan standard global dengan lebih 120 ahli yang terdiri daripada penginsurans deposit, peserta jaringan keselamatan kewangan lain dan organisasi antarabangsa yang bekerjasama untuk menggalakkan amalan terbaik dalam bidang perlindungan pendeposit, resolusi bank dan kestabilan kewangan. IADI telah menerbitkan Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems, sebagai penanda aras penting untuk kegunaan pelbagai negara dalam mewujudkan atau memperbaharui sistem insurans deposit.

PIDM merupakan ahli IADI yang aktif.


¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005

² Akta terkini mengikut pelbagai pindaan ialah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011

³ Data sehingga 27 Februari 2024. Ini termasuk bank digital yang dilesenkan oleh BNM yang sudah mula beroperasi

⁴ Rujuk laman web IADI di www.iadi.org


PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN



Perlindungan PIDM untuk Pemilik Sijil Takaful dan Polisi Insurans oleh Ahli Penginsurans

PIDM melindungi hampir kesemua jenis manfaat di bawah sijil dan polisi yang layak sehingga RM500,000 (tertakluk kepada syarat dan had yang dinyatakan dalam kontrak takaful dan polisi masing-masing).⁷

Perlindungan ini meliputi 96% daripada pemilik sijil takaful am dan polisi insurans am, dan 99% daripada pemilik sijil takaful keluarga dan polisi insurans hayat, sepenuhnya. Perlindungan berasingan juga diberikan kepada sijil takaful dan polisi insurans yang dimiliki individu dan kumpulan, serta tuntutan bagi pihak diri sendiri dan pihak ketiga.



Sumber: PIDM

⁵ Asas pengiraan mengambil kira definisi "deposit" dalam Akta PIDM yang terkini

⁶ Deposit tidak layak diinsuranskan termasuk penempatan pasaran wang antara bank dan instrumen deposit boleh niaga atau instrumen boleh niaga Islam. Rujuk laman web PIDM & untuk maklumat lanjut

⁷ Manfaat takaful dan insurans yang tidak layak untuk perlindungan termasuk manfaat sijil takaful dan polisi insurans dalam mata wang asing. Rujuk laman web PIDM & untuk maklumat lanjut mengenai manfaat yang layak dilindungi dan had perlindungan

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN


2 PIDM MEWUJUDKAN KESEDARAN DAN MEMPERKUKUHKAN KEYAKINAN

Meningkatkan Kesedaran dan Keyakinan

Keyakinan dan kepercayaan orang ramai dan pihak berkepentingan utama adalah penting dalam melaksanakan peranan kami dan mentadbir sistem perlindungan secara efektif. Sejak PIDM ditubuhkan, kami memberi tumpuan kepada membina tahap kesedaran dan pemahaman yang tinggi tentang PIDM, peranan kami, dan sistem perlindungan yang disediakan. Selama ini, PIDM telah menggunakan pelbagai saluran komunikasi dan media serta program penglibatan untuk menyampaikan kandungan dan naratif berkenaan sistem perlindungan kami kepada orang awam, termasuk kandungan dan program literasi kewangan. Kami juga memberi tumpuan dalam menyampaikan lebih banyak naratif mengenai fungsi PIDM, termasuk peranan sebagai pihak berkuasa resolusi untuk institusi ahli kami.

Kesedaran Mengenai PIDM dan Sistem Perlindungannya

PIDM mencapai tahap kesedaran awam di paras 86% pada tahun 2023, menjadikan ia tahap pencapaian 80% ke atas untuk tiga tahun berturut-turut. Ini adalah hasil dari peningkatan usaha kami dalam memanfaatkan platform media digital dan sosial, serta melalui program penglibatan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan yang bersasar termasuk rakan media dan penerbit dalam talian. Usaha komunikasi dan penglibatan kami turut meningkatkan tahap pemahaman orang awam tentang peranan dan cara sistem perlindungan kami berfungsi.



Literasi Kewangan untuk Mengukuhkan Daya Tahan Konsumen Kewangan

PIDM menyokong agenda literasi kewangan negara melalui program celik kewangan, serta bekerjasama dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network – FEN*) sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kepercayaan terhadap PIDM dan sistem perlindungan kami. Sejak 2021, PIDM telah melaksanakan kempen teras daya tahan kewangan iaitu #SediaPayungKewangan yang mencapai jangkauan keseluruhan sebanyak 18.9 juta pada tahun 2023. Kandungan dan aktiviti menarik yang disampaikan sepenuhnya melalui platform media digital dan sosial telah menyumbang kepada pencapaian tersebut. Program literasi kewangan kami, berserta dengan usaha komunikasi dan program penglibatan lain telah meningkatkan tahap advokasi PIDM kepada 62% (2022: 59%).

Meningkatkan Kefahaman Mengenai PIDM dan Peranannya

PIDM akan terus mempergiat usaha komunikasi dan program penglibatan dengan mengutamakan platform media digital dan sosial serta mengadakan lebih banyak sesi penglibatan bersasar dengan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan. Inisiatif dan usaha tersebut dipercayai akan terus mengekalkan pencapaian tahap kesedaran awam yang tinggi dan akan meningkatkan lagi tahap kefahaman terhadap peranan PIDM, sebagai sebahagian daripada objektif kesediaan resolusi kami.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

3 PIDM MENYEDIAKAN INSENTIF KEPADA INSTITUSI AHLI UNTUK KEKAL SELAMAT, KUKUH DAN BOLEH DISELESAIKAN (RESOLVABLE)

PIDM menyokong kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan serta menggalakkan keselamatan dan kekuahan institusi ahli kami dengan memberikan insentif bagi pelaksanaan pengurusan risiko yang wajar. Ini dilaksanakan melalui rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful.

Bank ahli membayar premium dan ahli penginsurans membayar levi kepada PIDM setiap tahun, berdasarkan profil risiko mereka di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful. Pembayaran premium dan levi ini adalah berdasarkan mekanisme pendanaan ex-ante.


Insentif Lebih Baik untuk Menggalakkan Daya Tahan

Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful telah melalui pelbagai peringkat kematangan dan dipertingkatkan secara progresif untuk kekal efektif dan relevan. Pengenalan Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli pada 2008, Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans pada 2013 dan Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful pada 2016 membolehkan kutipan premium dan levi berbeza dilaksanakan berdasarkan profil risiko setiap institusi ahli.

Institusi ahli yang mempunyai profil risiko lebih tinggi, perlu membayar premium atau levi pada kadar yang lebih tinggi berbanding institusi ahli dengan profil risiko yang lebih rendah. Rangka kerja ini memberi insentif kepada institusi ahli untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko, sekali gus meningkatkan daya tahan masing-masing dan pada masa yang sama menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan.

Penambahbaikan untuk Menggalakkan Resolusi Secara Teratur

Bagi tujuan penyesuaian dengan perubahan persekitaran operasi dan landskap kawal selia, PIDM menambah baik rangka kerja Sistem Premium Berbeza, yang akan berkuat kuasa pada Tahun Taksiran 2025.⁸ Penambahbaikan ini dijangka terus menggalakkan amalan pengurusan risiko yang kukuh merentasi sistem kewangan, dan pada masa yang sama menyediakan insentif yang bermakna ke arah mewujudkan proses resolusi teratur bagi institusi ahli. Kajian semula penambahbaikan Sistem Levi Berbeza untuk ahli penginsurans dan Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful sedang dijalankan. Akhir sekali, penambahbaikan pada masa depan dijangka akan menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan.



⁸ Rujuk Kertas Perundingan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza yang Disemak Semula, Maklum Balas kepada Kertas Perundingan, dan Nota Panduan Mengenai Pelaporan Tempoh Peralihan di www.pidm.gov.my untuk butiran lanjut

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

4 PIDM MEMASTIKAN RESOLUSI EFEKTIF BAGI INSTITUSI AHLI

“ Continuous improvement is better than delayed perfection – Mark Twain ”

Sebagai pihak berkuasa resolusi, PIDM berperanan melaksanakan resolusi terhadap institusi ahli apabila ia tidak lagi dapat meneruskan perniagaan dan operasinya. Proses resolusi akan dilaksanakan secara segera dan efektif, di samping meminimumkan kos dan gangguan kepada sistem kewangan, serta memelihara kestabilan sistem kewangan. Oleh itu, PIDM mempunyai strategi serampang tiga mata⁹ yang menggariskan tiga komponen kesediaan utama – PIDM-Bersedia, industri-Bersedia, dan jaringan keselamatan kewangan-Bersedia. Matlamatnya adalah untuk ketiga-tiga komponen tersebut bersedia untuk melaksanakan resolusi dengan mengenal pasti dan mendepani sebarang halangan kepada proses resolusi di peringkat awal, serta mempersiapkan keupayaan yang diperlukan untuk melaksanakan resolusi dengan segera dan efektif apabila perlu.



PIDM-Bersedia


Di bawah Akta PIDM, PIDM mempunyai pelbagai pendekatan tersedia untuk melaksanakan resolusi terhadap institusi ahli kami dengan efektif dan teratur. Pendekatan tersebut digunakan untuk melaksanakan resolusi berdasarkan kepada kaedah resolusi pendekatan urus niaga yang berterusan (*going-concern*) atau resolusi pendekatan pembubaran (*gone-concern*).

PIDM telah mencapai peningkatan yang ketara ke arah persediaan resolusi dalam yang lebih tinggi. Ini termasuk mempersiapkan polisi dan prosedur yang diperlukan, infrastruktur, pendanaan, serta kapasiti dan keupayaan operasi yang lain untuk melaksanakan resolusi dengan segera dan efektif.

Bagi resolusi pendekatan pembubaran yang melibatkan pembayaran balik deposit diinsuranskan, PIDM mempunyai sistem bersepadan yang membolehkan pemprosesan yang cekap, pengiraan yang tepat dan pembayaran yang segera. Sistem pembayaran balik kami mesra pengguna dan menawarkan fungsi pengurusan permintaan pendeposit yang mantap untuk menyediakan status terkini mengenai pembayaran balik deposit, serta memudahkan komunikasi yang efektif berkaitan pembayaran balik. Melangkah ke hadapan, PIDM akan terus menguji dan mempertingkatkan sistem pembayaran balik dengan mengambil kira persekitaran operasi semasa termasuk perubahan keperluan dan jangkaan pendeposit, serta kemajuan teknologi pembayaran.

Berkeraan dengan kesediaan PIDM untuk resolusi pendekatan urus niaga berterusan, PIDM akan meneruskan inisiatif sedia ada termasuk penglibatan dengan industri, iaitu bank ahli kami, dan bekerjasama dengan mereka untuk membina keupayaan resolusi melalui perancangan resolusi (rujuk “Industri-Bersedia” di halaman seterusnya).

⁹ Rujuk “Ringkasan Rancangan Korporat 2023 – 2025” PIDM di www.pidm.gov.my untuk maklumat lanjut




PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Industri-Bersedia

Kesediaan resolusi institusi ahli adalah elemen penting di bawah strategi industri-bersedia, dan akan dicapai melalui perancangan resolusi. Pada asasnya, perancangan resolusi merupakan pendekatan perancangan awal untuk membangunkan pelan hala tuju atau pelan resolusi khusus untuk setiap institusi ahli dengan menggariskan strategi dan pelan pelaksanaan untuk menguruskan sebuah institusi ahli sekiranya ia gagal.

Pada September 2023, PIDM menerbitkan Garis Panduan Perancangan Resolusi untuk Anggota Penerima Deposit. Garis Panduan Perancangan Resolusi tersebut merangkumi hasil daripada pelaksanaan program rintis perancangan resolusi pada tahun 2020 dan maklum balas yang diterima daripada proses perundingan industri oleh PIDM pada tahun 2022. Bermula pada tahun 2024, PIDM akan melibatkan bank ahli secara berfasa mengikut urutan pelaksanaan perancangan pemulihan BNM.



PIDM akan bekerjasama dengan bank ahli untuk membangunkan pelan resolusi melalui pendekatan tiga peringkat:

- Peringkat 1: Memahami hubung kait bank ahli dengan sistem kewangan.** PIDM akan mengenal pasti, antara lain, fungsi atau perkhidmatan penting yang ditawarkan oleh bank ahli serta kebergantungannya, termasuk perkara-perkara lain yang penting bagi operasinya. Pemahaman ini dapat membantu PIDM dalam memutuskan cara terbaik untuk menguruskan kegagalan bank ahli dengan pantas dan efektif.
- Peringkat 2: Kenal pasti jurang, tingkatkan daya tahan operasi, dan pastikan pelan resolusi dapat dilaksanakan.** PIDM akan mengenal pasti dan menangani isu yang boleh menghalang pelaksanaan resolusi yang efektif. Bank ahli boleh mengambil langkah dan menyediakan keupayaan untuk mengurangkan potensi risiko pelaksanaan pelan resolusi. Secara kolektif, ini juga dikenali sebagai penilaian kebolehselesaian.
- Peringkat 3: Mengekalkan kesediaan dengan menguji dan menambah baik pelan resolusi secara berterusan.** PIDM bersama-sama bank ahli akan memastikan pelan resolusi boleh dilaksanakan dengan menguji dan menambah baik pelan secara berterusan.

Hasil utama perancangan resolusi adalah dengan memastikan semua bank ahli dalam keadaan "sedia-pindah" atau *transfer-ready*, untuk menyokong resolusi efektif oleh PIDM. Strategi pemindahan lebih diutamakan kerana ia memastikan kesinambungan fungsi kritikal, memminimumkan gangguan dan memudahkan pemeliharaan nilai francais bank ahli yang lebih baik.

Perancangan resolusi meningkatkan daya tahan operasi bank ahli dan tidak seharusnya dianggap sebagai ciri pematuhan semata-mata. Ia menggalakkan bank ahli untuk menyemak semula operasi, struktur perniagaan dan kebergantungannya, serta menilai keupayaan untuk menyokong resolusi yang efektif. Contohnya, perancangan resolusi boleh membantu bank ahli memperincikan peranan dan tanggungjawab, sekali gus mengukuhkan tadbir urus, mempertingkatkan pemantauan risiko dan memperbaiki sistem pengurusan maklumat untuk memudahkan proses membuat keputusan semasa beroperasi seperti biasa dan juga ketika krisis.



APAKAH MAKSUD "SEDIA-PINDAH"?

Bank ahli dianggap sebagai "sedia-pindah" apabila ia telah membangunkan keupayaan kewangan, undang-undang dan operasi yang diperlukan untuk menyokong pelaksanaan pemindahan segera dan efektif bagi kesemua atau sebahagian perniagaan, urusan, aset, liabiliti atau saham bank.

Contoh bidang pembangunan utama yang akan menyumbang kepada kesediaan bank untuk menyokong strategi pemindahan mungkin termasuk kemantapan Sistem Maklumat Pengurusan bank yang menyokong penyediaan data untuk usaha wajar (*due diligence*) dan penilaian tepat pada masa; pengaturan undang-undang dan kontrak tersedia untuk resolusi, serta pengaturan tenaga kerja dan sumber lain untuk menyokong kesinambungan operasi semasa resolusi.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Melangkah ke hadapan, PIDM akan mempergiatkan inisiatif penglibatan dengan bank ahli untuk memastikan mereka memahami keperluan dan hasil yang dihasratkan bagi perancangan resolusi. Kami juga akan membangunkan rangka kerja penilaian kebolehselesaian pada tahun 2024 untuk membantu proses perancangan resolusi. PIDM akan terus melibatkan penyedia perkhidmatan (seperti firma perkhidmatan profesional, firma guaman, penilai dan lain-lain) untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mereka tentang pendekatan resolusi PIDM agar mereka bersedia untuk menyokong PIDM atau bank ahli kami ketika resolusi.

Walaupun PIDM telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan Resolusi untuk bank ahli pada tahun 2023, pelaksanaan perancangan resolusi untuk ahli penginsurans akan dimaklumkan berdasarkan perkembangan antarabangsa yang dipacu oleh Financial Stability Board dan International Association of Insurance Supervisors. PIDM akan terus memantau perkembangan ini dengan teliti. Dalam apa jua keadaan, PIDM mempunyai kuasa yang luas di bawah Akta PIDM untuk menyelesaikan ahli penginsurans kami sekiranya berlaku kegagalan.

5 PIDM MEMPERTINGKATKAN KESEDIAAN UNTUK MENDEPANI KRISIS

Jaringan Keselamatan Kewangan-Bersedia

Kesediaan peserta jaringan keselamatan kewangan merupakan komponen utama ketiga ke arah merealisasikan kesediaan. Pengaturan antara agensi dengan peserta jaringan keselamatan kewangan lain, iaitu BNM dan Kementerian Kewangan, penting untuk memastikan krisis diurus dengan efektif. Oleh itu, pengaturan ini terus diperkuuh dan diuji melalui latihan simulan bersama antara agensi. Selain pengaturan domestik, PIDM juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa negara lain untuk memudahkan kerjasama dan penyelarasaran rentas sempadan bagi pengurusan krisis dan resolusi.

Latihan simulan krisis pertama antara agensi telah dilaksanakan pada tahun 2021 dan semenjak itu kemajuan telah dicapai dalam menetapkan asas usaha sama dalam meneruskan dan memperkuuh persediaan krisis antara agensi. Pada tahun 2023, dua latihan simulan krisis telah diadakan yang merangkumi senario yang membawa kepada tindakan intervensi awal, asas bagi menetapkan pemilihan keputusan tidak berdaya maju dan pilihan resolusi.

- Pertama, latihan simulan dalam telah diadakan dengan melibatkan Lembaga Pengarah PIDM dan bertumpukan kepada aliran maklumat dan titik interaksi.
- Kedua, latihan simulan telah diadakan bersama BNM untuk menguji penyelarasan dan kerjasama antara agensi dalam melaksanakan tindakan intervensi atau resolusi ketika krisis.

Melalui latihan-latihan ini, PIDM telah mencapai tahap kesediaan operasi yang lebih tinggi dan memperkuuh keberkesanan rangka kerja resolusi. Melangkah ke hadapan, PIDM akan terus memajukan persediaan krisis antara agensi melalui usaha sama dan pembelajaran hasil latihan simulan yang dijalankan serta membuat perancangan untuk bidang yang akan diuji pada masa akan datang.

Selain itu, *interagency crisis preparedness binder* yang dihasilkan pada tahun 2022 telah selesai menjalani fasa pencirianya. *Interagency crisis preparedness binder* tersebut menyediakan gambaran menyeluruh tentang tindakan yang perlu diambil ketika krisis. Melalui pelaksanaan bengkel melibatkan PIDM dan BNM pada tahun 2023 untuk memudahkan penyepadan antara kedua-dua agensi berkaitan penyelarasan dan kerjasama ketika intervensi dan resolusi, hasilnya turut menyumbang kepada kandungan dokumen tersebut. Penghasilan dokumen ini akan diteruskan pada tahun 2024 dan akan menggabungkan hasil pembelajaran daripada latihan simulan yang dijalankan dengan BNM pada tahun ini. Ia juga memerlukan perbincangan dalaman dan antara agensi dengan lebih lanjut untuk mempertimbangkan perkara berkaitan polisi utama.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PERSEKITARAN OPERASI TERUS KONDUSIF BAGI PERANCANGAN RESOLUSI DAN PERSEDIAAN KRISIS KERANA INSTITUSI AHLI KEKAL BERDAYA TAHAN

Institusi ahli kami kekal berdaya tahan untuk menyokong aktiviti pengantaraan kewangan walaupun di waktu tekanan meningkat dalam sektor perbankan Amerika Syarikat dan Switzerland.¹⁰

BANK AHLI	
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 14.6% (2022: 15.2%)	Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih 1.1% (2022: 1.1%)
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai 161% (2022: 151%)	Nisbah Rizab Kerugian Pinjaman Dilindungi 128.3% (2022: 126.9%)
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih 118% (2022: 118.1%)	Pulangan Aset Berwajarn Risiko 2.47% (2022: 2.72%)

Sumber: PIDM, BNM

AHLI PENGINSURANS		
Nisbah Kecukupan Modal	Syarikat Insurans 220.4% (2022: 225.2%)	Pengendali Takaful 224.4% (2022: 229.8%)
Pertumbuhan Jumlah Aset	Syarikat Insurans 6.2% (2022: 1.1%)	Pengendali Takaful 11.6% (2022: 8.9%)
Pertumbuhan Premium Bersih	Insurans Hayat dan Takaful Keluarga 3.5% (2022: 4.0%)	
Pertumbuhan Premium Kasar	Insurans Am dan Takaful Am 9.6% (2022: 11.7%)	

Sumber: PIDM, BNM

Memandang ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang — membolehkan persekitaran yang kondusif untuk institusi ahli kami. Walau bagaimanapun, tinjauan pertumbuhan kekal terdedah kepada tekanan global yang menimbulkan potensi risiko penurunan. Volatiliti yang meningkat dalam pasaran kewangan mungkin memberi tekanan kepada hasil pelaburan dan pendapatan perbendaharaan institusi ahli. Cabaran utama lain dalam tinjauan kami untuk bank ahli termasuk risiko kredit daripada peminjam yang terjejas dan tekanan kos pendanaan daripada persaingan deposit. Bagi ahli penginsurans, kami akan memantau prospek pertumbuhan perniagaan dalam keadaan jangkaan dan kemampuan konsumen yang sering berubah.

Namun begitu, institusi ahli berada pada kedudukan yang baik untuk mendepani cabaran yang mungkin tiba, berdasarkan asas yang kukuh dan penampang yang mencukupi. Ujian tekanan kami menyimpulkan bahawa institusi ahli kekal berdaya tahan di bawah simulasi kejutan makroekonomi, kredit, pasaran dan kejutan mudah tunai yang teruk. Perancangan resolusi dan inisiatif persediaan krisis bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kesediaan resolusi pengoperasian sebagai persiapan mendepani sebarang kemungkinan atau krisis kewangan.

¹⁰ Rujuk artikel "Pengajaran Utama daripada Peristiwa Kegagalan Bank Musim Bunga 2023" di Bahagian ini ↗

PENGAJARAN UTAMA DARIPADA PERISTIWA KEGAGALAN BANK MUSIM BUNGA 2023

Pada Mac 2023, Silicon Valley Bank (SVB) yang merupakan antara bank utama di Amerika Syarikat (AS) tumbang hanya dalam masa 48 jam selepas empat dekad beroperasi. Manakala di rantau Eropah, Credit Suisse (CS) yang berusia 167 tahun dan sebuah 'bank penting dari segi sistemik sedunia' (*global systemically important bank* – G-SIB) telah diambil alih oleh G-SIB lain berikut masalah yang berlarutan dan beberapa situasi tekanan kecairan yang melampaui.

Siri kegagalan bank-bank utama ini diberi gelaran "Kegagalan Bank Musim Bunga 2023" (*Spring 2023 Bank Failures*), dan telah mencetuskan kejutan bergema merentas landskap kewangan global. Bagaimanapun di Malaysia bank-bank ahli kami masih kekal teguh dan berdaya tahan, disokong oleh asas kukuh dan penampang yang padu.¹¹

Peristiwa kegagalan bank pada musim bunga 2023 menunjukkan bahawa kegagalan institusi perbankan boleh berlaku dengan pantas, tanpa diduga, berpotensi menular (boleh merebak kepada bank lain merentasi sistem kewangan) dan mengakibatkan kerugian besar.

• Ciri kegagalan yang tidak dijangka

Kegagalan boleh berlaku pada bila-bila masa, walaupun sesebuah bank itu kelihatan kukuh. Masalah yang dihadapi SVB dan CS menunjukkan bahawa walaupun kedudukan kewangan bank kelihatan teguh, namun ia masih boleh mengalami krisis keyakinan yang mengakibatkan pengeluaran deposit secara besar-besaran dalam tempoh yang singkat dan pantas.

• Kesan yang merugikan

Apabila kegagalan bank bertukar menjadi krisis, sokongan dan sumber yang besar amat diperlukan untuk menstabilkan sistem kewangan. Sumber ini termasuklah dana insurans deposit atau resolusi, sokongan pengukuhan kerajaan dan penyediaan sokongan seluruh pasaran untuk menstabilkan sistem kewangan ketika krisis.

• Dinamik yang pantas

Dalam era digital, media sosial dan kecenderungan tingkah laku kawanan (*herd behaviour bias*) semasa, pengeluaran deposit besar-besaran berlaku pada kadar yang belum pernah berlaku sebelum ini. Dalam kes SVB, 25% dari jumlah deposit dikeluarkan semalam dan 62% dijangka dikeluarkan pada hari berikutnya. Ini berbeza dengan aliran keluar deposit sebanyak 10% dalam tempoh dua minggu sebelum kegagalan yang paling besar sebelum ini, iaitu Washington Mutual semasa Krisis Kewangan Global 2008.

• Impak penularan

Kes di AS menunjukkan bahawa kegagalan SVB telah menular ke bank serantau lain yang telah mencatatkan prestasi baik. Salah satu aspek utama penularan itu adalah pengeluaran deposit daripada bank kukuh bersaiz sederhana untuk dipindahkan ke bank yang lebih besar, lalu mengakibatkan bank bersaiz sederhana tersebut berdepan dengan masalah kecairan. Ini seterusnya memerlukan intervensi segera daripada pihak berkuasa AS. Ada pihak yang turut beranggapan bahawa kegagalan SVB yang menular mungkin telah mencetuskan kegagalan CS.

Mengapa SVB gagal?

- Pertumbuhan pesat dan pengurusan risiko model perniagaan dan strategi lembaran imbangan yang lemah.
- Pengeluaran deposit besar-besaran disebabkan kehilangan keyakinan dalam kalangan pendeposit, mengakibatkan penjualan sekuriti 'tersedia untuk dijual' SVB mengalami kerugian.

Bagaimana SVB diselesaikan?

- Federal Deposit Insurance Corporation (FDIC) pada mulanya menubuhkan Deposit Insurance National Bank of Santa Clara untuk mengambil alih dan membayar balik deposit yang diinsuranskan di SVB.
- Disebabkan krisis keyakinan yang meningkat, FDIC menggunakan 'pengecualian risiko sistemik' dan memindahkan sebahagian besar aset SVB dan beberapa liabiliti, termasuk semua deposit ke bank perantara, sebelum menjualnya kepada First Citizens Bank & Trust Company pada 26 Mac 2023.

Bagi maklumat lanjut mengenai kegagalan SVB dan kajian kes lain, sila rujuk terbitan Kajian Kes Resolusi PIDM di www.pidm.gov.my ↗

Mengapa CS gagal?

CS terjejas akibat siri peristiwa sepanjang tempoh dua dekad yang lalu, termasuk dakwaan pengubahan wang haram, rasuah dan pengelakan cukai. Kegagalan SVB, penerbitan penyata kewangan CS yang tertangguh dan penghebatan kenyataan secara meluas oleh pemegang saham utama telah menimbulkan kebimbangan terhadap francais CS, sekali gus mencetuskan krisis keyakinan. CS mengalami aliran keluar kecairan yang serius bermula pertengahan Mac 2023.

Bagaimana CS diselesaikan?

CS telah diambil alih oleh G-SIB lain, UBS Group AG, di bawah transaksi kontrak persendirian dengan bantuan pihak berkuasa Switzerland (termasuk sokongan pengukuhan kecairan awam dan jaminan kerugian daripada kerajaan Switzerland). Nilai pemegang bon Tahap 1 tambahan CS telah hapus kira sebagai sebahagian daripada transaksi tersebut.

PENGAJARAN UTAMA

Peristiwa kegagalan bank musim bunga 2023 mencetuskan perbincangan di peringkat badan penetapan standard antarabangsa mengenai kesan kegagalan dan bidang yang perlu dikaji semula dalam mengukuhkan ciri-ciri sistem insurans deposit dan rejim resolusi. Kes-kes kegagalan ini juga menunjukkan bahawa disiplin kawal selia daripada pengawalan dan penyeliaan yang berhemat, tahap perlindungan insurans deposit yang sesuai dan rejim resolusi yang efektif merupakan elemen-elemen penting untuk memperkuatkukan kestabilan sistem kewangan dan perlindungan bagi pendeposit.

Secara amnya, peristiwa ini memberi pengajaran mengenai kepentingan insurans deposit dan rejim resolusi yang efektif serta persediaan krisis – yang sentiasa menjadi fokus utama bagi PIDM. Dalam konteks PIDM, terdapat beberapa perkara penting yang dipelajari daripada kes-kes kegagalan perbankan ini.

1. Persiapan awal menerusi perancangan resolusi bagi semua bank ahli menyumbang kepada persediaan krisis dan kesediaan resolusi.

Sebagai pihak berkuasa resolusi, PIDM mempunyai pendekatan komprehensif yang membolehkannya mengambil langkah awal dan tindakan resolusi. Bagaimanapun, kes baru-baru ini menunjukkan bahawa kegagalan bank boleh berlaku dengan sangat pantas dan langkah persediaan yang diambil hanya semasa krisis berlaku mungkin tidak mencukupi. Persediaan lebih awal melalui perancangan resolusi dapat membantu meminimumkan gangguan dan mengekalkan kestabilan sistem kewangan ketika berlakunya kegagalan bank. Melalui perancangan resolusi, pihak berkuasa resolusi akan dapat: (i) memahami bank dengan lebih mendalam (contohnya, komponen bank yang berbeza dan kesalinghubungan dengan sistem kewangan) untuk memastikan perkhidmatan perbankan kritikal dapat diteruskan semasa tindakan resolusi; dan (ii) bekerjasama dengan bank untuk membangunkan keupayaan resolusi ketika beroperasi seperti biasa (contohnya, keupayaan menjana maklumat untuk penilaian dan mengekalkan keupayaan kesinambungan operasi lain semasa pelaksanaan resolusi).

Dalam kes CS, perancangan resolusi membantu pihak berkuasa memahami lebih mendalam tentang bank tersebut serta memberikan fleksibiliti dan pilihan kepada mereka untuk menguruskannya, seperti memudahkan strategi pemindahan yang sesuai dengan bank tersebut semasa krisis berbanding dengan strategi jaminan (*bail-in*) seperti yang dirancang terdahulu. Susulan daripada peristiwa yang melanda SVB, jelas bahawa sekiranya perancangan resolusi dilaksanakan dengan lebih awal dan teratur sebelum krisis berlaku, proses pembidaan dan penjualan SVB boleh diselesaikan dengan lebih pantas oleh FDIC.² Justeru, ia menunjukkan bahawa pelaksanaan perancangan resolusi untuk setiap bank, tanpa mengambil kira had ambang aset, membawa manfaat yang besar. Peristiwa kegagalan ini menyokong pendekatan perancangan resolusi PIDM untuk Malaysia yang akan dilaksanakan bagi kesemua bank ahli PIDM. Perancangan resolusi akan meningkatkan kredibiliti dan kebolehlaksanaan tindakan resolusi serta menyediakan pilihan untuk menangani krisis dalam persekitaran operasi pantas yang dipacu teknologi.

2. Mengambil pendekatan “sedia-pindah” sebagai strategi resolusi pilihan.

Di Malaysia, strategi resolusi pilihan yang dipertimbangkan untuk semua bank ahli ialah strategi pemindahan. Strategi pemindahan menjadi pilihan kerana ia bertujuan untuk mencapai objektif resolusi PIDM, iaitu untuk: (i) memastikan kesinambungan fungsi-fungsi utama bank semasa pelaksanaan resolusi; (ii) meminimumkan kerugian dan gangguan kepada sistem kewangan; (iii) melindungi pendeposit (contohnya, dengan memastikan deposit diinsuranskan dan yang tidak diinsuranskan terus dapat diakses); (iv) mengekalkan keyakinan pihak awam; dan (v) memelihara kestabilan sistem kewangan. Ia juga berfungsi sebagai penyelesaian melibatkan sektor swasta di mana bank yang gagal akan diambil alih oleh bank atau institusi kukuh yang lain. Ini akan meminimumkan risiko bahaya moral (*moral hazard*) dengan mengelak penggunaan dana awam untuk mengurus dan menyelamatkan bank yang gagal. Melangkah ke hadapan, PIDM akan bekerjasama rapat dengan bank ahli menerusi perancangan resolusi bagi memastikan mereka berada dalam keadaan “sedia-pindah” dan memiliki keupayaan operasi untuk menyokong PIDM melaksanakan pemindahan dengan segera dan efektif semasa pelaksanaan resolusi.

Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza yang dipertingkatkan membuka jalan bagi resolusi efektif bank-bank ahli

Pada tahun 2025, PIDM akan melaksanakan rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang dipertingkatkan, dengan menggabungkan kriteria kebolehselesaian untuk memberi insentif bagi pelaksanaan resolusi bank ahli yang teratur. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang dipertingkatkan telah menambahkan kriteria “komposisi dana teras” baharu yang bertujuan untuk menangani risiko berkaitan dengan asas deposit yang kurang stabil apabila perkadaran deposit yang tidak diinsuranskan lebih tinggi. Kes-kes kegagalan ini memberi peluang kepada PIDM untuk menguji kewajaran kriteria tersebut dengan pemerhatian yang positif, di mana penyelesaian sektor swasta yang pantas dapat dicapai bagi sesebuah institusi yang mempunyai dana yang lebih stabil.

3. Meningkatkan kesediaan antara agensi bagi memastikan persediaan menghadapi krisis.

Seperti yang kita pelajari daripada kes-kes kegagalan bank ini, usaha untuk memperkuatkukan persediaan krisis adalah penting dan merupakan bidang yang diakui di peringkat antarabangsa, perlu sentiasa diperkuat untuk mencapai tindakan bersama yang efektif bagi semua komponen jaringan keselamatan. Dalam konteks PIDM, ini merangkumi persediaan, proses dan infrastruktur yang optimum untuk membolehkan PIDM menguruskan krisis dengan efektif, termasuk memperkuatkukan kerjasama dan kesediaan jaringan keselamatan kewangan.

Dalam usaha kami untuk terus meningkatkan kesediaan, PIDM telah menjalankan pelbagai latihan simulasi dalaman dan antara agensi untuk menguji tindakan membuat keputusan dan penyelaras dengan peserta jaringan keselamatan. Latihan simulasi memberikan kami persekitaran yang selamat untuk berlatih, belajar daripada kesilapan dan mengenal pasti jurang untuk penambahbaikan seterusnya. Selain latihan simulasi, kami juga membangunkan *interagency crisis preparedness binder* secara bersama yang bertujuan untuk mendokumenkan kerjasama antara agensi dan membantu kami dalam membuat keputusan ketika krisis. Kami juga akan terus menguji penggunaan dan memperhalusi intipati dokumen tersebut pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Kegagalan bank boleh berlaku tanpa diduga dan sangat sukar untuk ditangani apabila ia mula menular. Apabila kegagalan berlaku dengan pantas, masa untuk bertindak adalah amat singkat. Sekiranya ia tidak ditangani segera, keadaan akan menjadi tidak terkawal dan seterusnya membawa kepada kegagalan. Impak penularan tidak boleh dipandang ringan. Namun begitu, hikmahnya adalah usaha mantap boleh dilakukan ketika beroperasi seperti biasa bagi mengelak daripada tindakan tergesa-gesa untuk mencari penyelesaian ketika krisis. Dengan melakukan intervensi awal dan menangani masalah dengan kepastian, sebahagian kos berkaitan kegagalan boleh dielakkan. Persediaan untuk senario yang lebih buruk adalah penting, tidak kira betapa teguh sesebuah institusi itu – seiring dengan pendekatan “siap-sedia” PIDM.

² Kenyataan oleh Naib Pengerusi FDIC, Travis Hill, di Bipartisan Policy Center mengenai Recent Bank Failures and the Path Ahead, 12 April 2023

BAHAGIAN II

TUGAS KAMI@PIDM

Tadbir Urus

Pihak Berkepentingan

Perkara-Perkara Material

Prestasi

Simposium Resolusi Kebangsaan 2023

PIDM dan Kelestarian

TADBIR URUS

TINJAUAN TADBIR URUS, PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PIDM komited terhadap amalan tadbir urus yang baik, dengan matlamat untuk menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti. Ini akan meningkatkan lagi keupayaan untuk mencipta nilai kepada pihak berkepentingan kami. Objektif berkanun PIDM dinyatakan dengan jelas di dalam seksyen 4 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

MANDAT PIDM			
Mentadbir dua sistem perlindungan konsumen kewangan	Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan	Menyediakan insentif kepada institusi ahli bagi memastikan kekuahan pengurusan risiko dalam sistem kewangan	Menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan
A Sistem Insurans Deposit	A deposit dalam bank ahli		
B Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	B manfaat takaful atau insurans oleh ahli penginsurans		
<i>Perlindungan disediakan secara automatik – tiada permohonan diperlukan</i>			

Lembaga Pengarah


Lembaga Pengarah kami memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh, khususnya berkaitan etika, budaya dan standard tingkah laku.

Ditadbir oleh sembilan ahli Lembaga Pengarah, PIDM melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. Daripada sembilan pengarah PIDM, dua ialah pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Ahli Lembaga Pengarah yang selebihnya adalah daripada sektor awam dan swasta, yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

Dato Sri (Dr) Zukri Samat ialah Pengurus PIDM yang dilantik pada November 2023, menggantikan Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff yang bersara pada Ogos 2023 selepas enam tahun memegang jawatan sebagai Pengurus Lembaga Pengarah.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan semasa, Datuk Johan Mahmood Merican, dan Gabenor BNM, Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour, masing-masing telah dilantik sebagai pengarah *ex officio* pada Februari 2023 dan Julai 2023. Pada September 2023, Dato' Nor Eni Ismail dilantik sebagai pengarah sektor awam.

Pengarah *ex officio* diberi kebenaran untuk melantik pengarah silih ganti dari dalam organisasi mereka, iaitu dari BNM dan Kementerian Kewangan, untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah apabila pengarah *ex officio* tidak dapat hadir. Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Gabenor BNM telah melantik pengarah silih ganti masing-masing, dan maklumat lanjut terdapat di Bahagian ini.




TADBIR URUS

TADBIR URUS

Rangka Kerja Tadbir Urus

PIDM secara sukarela menanda aras amalan tadbir urus kami dengan amalan-amalan terbaik. Ini termasuk amalan Good Governance in the Public Sector oleh International Federation of Accountants dan Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems oleh International Association of Deposit Insurers.

PIDM melapor berpandukan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, yang menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan berkenaan dengan tadbir urus korporat. Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah ditanda aras terhadap amalan terbaik yang terpaktai dan berfungsi untuk menyatakan jangkaan Lembaga Pengarah terhadap Pengurusan, dan peranan Lembaga Pengarah dalam menetapkan hala tuju dan kawalan PIDM.



Pada tahun 2023, kami menyemak semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah untuk memastikan kesesuaian dengan keadaan dan keperluan PIDM. Laporan prestasi berdasarkan standard dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dikeluarkan pada setiap tahun dan boleh didapati dalam Penyata Tadbir Urus di www.pidm.gov.my.⁹

Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah

Pada tahun 2023, tujuh mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Kehadiran mesyuarat				
	Lembaga Pengarah ¹	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran	Jawatankuasa Perancangan Penggantian
Dato Sri (Dr) Zukri Samat ²	1/1	-	-	-	-
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff ³	4/4	-	2/2	-	-
Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour ⁴	3/3 ⁵	-	-	-	-
Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus ⁶	4/4 ⁷	-	-	-	-
Datuk Johan Mahmood Merican ⁸	5/5 ⁹	-	-	-	-

¹ Tujuh mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2023. Dato Sri (Dr) Zukri Samat menghadiri satu mesyuarat Lembaga Pengarah (selepas pelantikannya pada November 2023) dan Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff menghadiri empat mesyuarat Lembaga Pengarah (sebelum persaraannya pada Ogos 2023). Seorang Pengarah sektor swasta mempengerusikan dua mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada bulan September 2023, sebelum pelantikan Dato Sri (Dr) Zukri Samat

² Dato Sri (Dr) Zukri Samat dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 1 November 2023

³ Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff bersara daripada Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2023

⁴ Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 1 Julai 2023. Pengarah silih gantinya ialah Datuk Jessica Chew Cheng Lian

⁵ Datuk Jessica Chew Cheng Lian menghadiri dua mesyuarat Lembaga Pengarah sebagai pengarah silih ganti

⁶ Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus bersara daripada Lembaga Pengarah pada 30 Jun 2023. Pengarah silih gantinya ialah Datuk Jessica Chew Cheng Lian

⁷ Datuk Jessica Chew Cheng Lian menghadiri dua mesyuarat Lembaga Pengarah sebagai pengarah silih ganti

⁸ Datuk Johan Mahmood Merican dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2023

⁹ Encik Ashadi Ramly dilantik pada 1 Mac 2023 dan Encik Abdillah Azizudin, dilantik pada 15 September 2023, masing-masing menghadiri 3 dan 2 mesyuarat Lembaga Pengarah sebagai pengarah silih ganti

Ahli Lembaga Pengarah	Kehadiran mesyuarat				
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran	Jawatankuasa Perancangan Penggantian
Datuk Dr. Yacob Mustafa	7/7	5/6	-	-	-
Puan Suhara Husni ¹⁰	4/4	-	1/1	-	-
Dato' Nor Eni Ismail ¹¹	1/2	-	-	-	-
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	6/7	-	2/2	2/2	1/1
Dato' Dr. Gan Wee Beng	7/7	6/6	-	2/2	1/1
Puan Gloria Goh Ewe Gim	7/7	5/6	2/2	-	1/1
Encik Lee Kong Eng	7/7	6/6	-	2/2	-

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pada tahun 2023, komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran	Jawatankuasa Perancangan Penggantian
Jumlah mesyuarat 6	Jumlah mesyuarat 2	Jumlah mesyuarat 2	Jumlah mesyuarat 1
Pengerusi Puan Gloria Goh Ewe Gim	Pengerusi Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	Pengerusi Dato' Dr. Gan Wee Beng	Pengerusi Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood
Ahli-ahli	Ahli-ahli	Ahli-ahli	Ahli-ahli
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Lee Kong Eng (Naib Pengerusi) • Datuk Dr. Yacob Mustafa • Dato' Dr. Gan Wee Beng 	<ul style="list-style-type: none"> • Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff¹² • Puan Gloria Goh Ewe Gim • Puan Suhara Husni¹³ • Dato' Nor Eni Ismail¹⁴ 	<ul style="list-style-type: none"> • Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood • Encik Lee Kong Eng 	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Gloria Goh Ewe Gim • Dato' Dr. Gan Wee Beng

TADBIR URUS

TADBIR URUS

Perkara-perkara utama yang dipertimbangkan dan disyorkan oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing kepada Lembaga Pengarah pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA AUDIT

Disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah:

- Penyata Kewangan 2022 and Laporan Tahunan 2022
- Rancangan Korporat 2024
- Penambahbaikan kepada Polisi Pelaburan
- Polisi keluar untuk pegangan sekuriti hutang swasta
- Polisi Pengurusan Tunai Operasi
- Laporan Risiko Lembaga Pengarah – Penilaian Pengurusan Risiko Organisasi
- Perancangan Jabatan Audit dan Khidmat Perundingan 2024 – 2025
- Piagam Jawatankuasa Audit

Dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit:

- Pematuhan terhadap undang-undang
- Pelan audit dalaman dan laporan audit dalaman
- Laporan mengenai perbelanjaan, pelaburan dan pengurusan tunai
- Rangka Kerja Perakaunan Resolusi
- Kemas kini mengenai rancangan korporat dan rancangan kewangan serta laporan mengenai perolehan

JAWATANKUASA TADBIR URUS

Disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah:

- Pendedahan tadbir urus korporat
- Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Perancangan penggantian Pengerusi
- Perancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif

Dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus:

- Kod Konflik Kepentingan untuk Pengarah
- Pendekatan tadbir urus PIDM
- Laporan keputusan prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Program biasiswa sarjana muda
- Program pendidikan Lembaga Pengarah

JAWATANKUASA MODAL INSAN DAN GANJARAN

Disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah:

- Piagam Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran
- Polisi Ganjaran dan Manfaat
- Perkara berkaitan imbuhan kakitangan
- Petunjuk prestasi utama Ketua Pegawai Eksekutif untuk tahun 2024

Dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran:

- Inisiatif utama modal insan termasuk Keutamaan Strategik Modal Insan, Latihan dan Pembangunan Keupayaan 2024 – 2026
- Pematuhan terhadap polisi dan keperluan perundangan modal insan
- Laporan mengenai program biasiswa PIDM

JAWATANKUASA PERANCANGAN PENGGANTIAN

Disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah:

- Piagam Jawatankuasa Perancangan Penggantian
- Deskripsi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif
- Profil calon Ketua Pegawai Eksekutif

Diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Penggantian:

- Penilaian dan pelantikan perunding berkenaan perancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif

Pengurusan Risiko

PIDM memperakui bahawa pengurusan risiko yang efektif dan sistem kawalan dalaman yang kukuh adalah bahagian penting dalam operasi sehari-hari dan proses membuat keputusan strategik dan operasi kami. Lembaga Pengarah dan Pengurusan memastikan rangka kerja pengurusan risiko, melalui amalan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM, dicerap ke dalam budaya, proses dan struktur kami. PIDM telah mewujudkan polisi dan prosedur yang komprehensif, serta kawalan dalaman untuk mengurangkan risiko utama yang boleh menghalang daripada mencapai mandat dan objektif kami. Pengurusan risiko memacu pengenalpastian dan pelaksanaan strategi korporat PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah komited sepenuhnya terhadap PIDM untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh, serta menyemak kecukupan, integriti dan keberkesanannya. Pengurusan PIDM, yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, telah mewujudkan proses dan kawalan untuk memastikan tahap tadbir urus yang tinggi dalam organisasi.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM membantu dalam mengurus risiko secara bersepada, merangkumi seluruh organisasi dan menyokong pengenalpastian proaktif dan pengurusan risiko yang boleh menghalang atau mengalih perhatian PIDM daripada mencapai misi, matlamat dan objektif kami. Ini memastikan bahawa aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan menurut selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIDM.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM ditanda aras oleh Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission's Enterprise Risk Management – Integrated Framework and International Organization for Standardization 31000:2018 (Risk Management – Guidelines). Dalam melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi, PIDM menggunakan pakai model pertahanan tiga baris dalam pengurusan dan pemantauan risiko kami.

Pihak pengurusan membentuk barisan pertahanan pertama dan bertanggungjawab untuk mengekalkan kawalan dalaman yang efektif dan untuk melaksanakan pengurusan risiko dan prosedur kawalan harian. Jabatan Pengurusan Risiko Organisasi, Jabatan Pengurusan Maklumat dan Keselamatan dan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus PIDM membentuk barisan pertahanan kedua untuk menyediakan pengawasan serta membina dan memantau kawalan pertahanan barisan pertama. Fungsi audit dalaman PIDM membentuk barisan pertahanan ketiga dengan memberikan jaminan tentang keberkesanannya tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman, termasuk cara barisan pertahanan pertama dan kedua mencapai pengurusan risiko dan objektif kawalan.

PIDM mengakui bahawa semua risiko tidak dapat ditangani sepenuhnya. Dalam menguruskan risiko, PIDM beroperasi dalam sempadan tahap selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah kami dan mempertimbangkan dengan teliti kos, manfaat dan keseimbangan lain dalam menguruskan risiko utama yang berkaitan dengan bidang-bidang berikut:

- (a) membuat persediaan dan melaksanakan intervensi atau resolusi kegagalan;
- (b) mengekalkan imej dan reputasi yang boleh dipercayai; dan
- (c) memastikan tahap keupayaan dan keberkesanannya operasi yang tinggi.

Risiko PIDM dikenal pasti melalui kedua-dua pendekatan *bottom-up* dan *top-down*. Laporan tahunan Risiko Lembaga Pengarah yang mengandungi penilaian tahunan terperinci tentang risiko dan pelan tindakan PIDM dipertimbangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit khas yang memberi tumpuan kepada risiko, sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

Faktor-faktor risiko dipertimbangkan dalam pelbagai kategori risiko dan risiko yang lebih ketara diteliti bagi memastikan pelan tindakan memberi tumpuan untuk menangani risiko dan sejajar dengan strategi dan inisiatif korporat. Faktor-faktor risiko tersebut dijelaskan dalam seksyen Perkara-Perkara Material ⚖ di Bahagian ini.

TADBIR URUS

TADBIR URUS

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah memastikan bahawa terdapat persekitaran kawalan yang kukuh untuk menyokong operasi PIDM dan mengurus risiko-risiko utama.

Ketua Audit Dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Fungsi audit dalaman yang bebas memberikan jaminan yang munasabah bahawa kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko adalah efektif. Bagi memastikan fungsi dan aktiviti audit dalaman terus mematuhi keperluan Institute of Internal Auditors' International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing, Semakan Penilaian Kualiti luaran dan dalaman dijalankan secara berkala untuk menilai keberkesanan aktiviti audit dalaman yang dilaksanakan. Ini membantu PIDM meningkatkan keberkesanan, kualiti dan nilai yang diterima daripada fungsi audit dalaman. Bagi tahun 2023, Semakan Penilaian Kualiti dalaman telah dijalankan dalam bidang berkaitan pengurusan audit dalaman.

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, mempertimbangkan laporan audit dalaman daripada Jabatan Audit dan Khidmat Perundingan secara tetap. Laporan ini memberikan Jawatankuasa Audit jaminan yang munasabah berhubung pemantauan dan pematuhan terhadap kawalan dalaman, integriti sistem dan tindakan sewajarnya diambil untuk menangani sebarang kelemahan atau kerosakan ketara yang dikenal pasti.

Kawalan dalaman PIDM diterapkan dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sistem perlindungan yang ditadbir oleh PIDM. Ini termasuk kod etika, keperluan deklarasi konflik kepentingan dan aset, dasar pendedahan maklumat, serta dasar dan prosedur untuk proses-proses utama.

Dari segi pengurusan maklumat dan keselamatan siber, kedudukan keselamatan siber PIDM dinilai melalui Penilaian Kematangan Keselamatan Siber. Berdasarkan penilaian tersebut, PIDM mencapai tahap kematangan sasaran dan dinilai pada tahap ditetapkan (tahap 3).¹⁵ Ini merupakan peningkatan daripada penilaian terakhir yang dijalankan pada tahun 2020. PIDM terus mengekalkan pensijilan Information Security Management Systems (ISMS) ISO/IEC 27001,¹⁶ yang menunjukkan komitmen kami untuk mengekalkan standard tertinggi dalam keselamatan maklumat, memastikan kerahsiaan dan integriti data yang sensitif, serta bertindak secara proaktif mengatasi potensi ancaman siber.

Scara keseluruhannya, tiada sebarang insiden kelemahan atau kekurangan yang ketara dilaporkan dalam kecukupan dan integriti kawalan dalaman dan pengurusan risiko dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM. Untuk kerja-kerja yang dijalankan berhubung dengan kawalan dalaman, sila rujuk kepada laporan ringkas bidang tugas utama Jawatankuasa Audit dalam Penyata Tadbir Urus di www.pidm.gov.my.

Transaksi Dengan Pihak Berkaitan

PIDM mempunyai proses dalaman yang mengenal pasti pihak berkaitan dan memantau transaksinya. Kami mengekalkan senarai individu dan entiti yang dianggap sebagai pihak yang berkaitan bagi tujuan mengenal pasti transaksi berkenaan. Sebagai peraturan, transaksi pihak berkaitan mestilah merupakan urus niaga biasa PIDM, dan berdasarkan urus niaga yang tulus. Sekiranya transaksi pihak berkaitan bukan merupakan urus niaga biasa atau tidak tulus, perkara ini akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan keputusan. Ahli Lembaga Pengarah perlu terkecuali dalam kelulusan membuat keputusan jika mereka atau pihak yang berkaitan dengan mereka adalah pihak yang terlibat dalam sebarang urus niaga pihak berkenaan. Kami mematuhi keperluan di bawah Piawaiyan Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) berkenaan dengan pelaporan dan kewajipan pendedahan khusus mengenai urus niaga pihak berkaitan. Fungsi audit dalaman PIDM menyemak semua urus niaga pihak berkaitan, dan laporan audit kami dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Rujuk Nota 20(a) pada Penyata Kewangan untuk butiran.

Audit Luaran

Penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Audit 1957. Lembaga Pengarah PIDM akan meluluskan penyerahan penyata kewangan yang belum diaudit kepada Jabatan Audit Negara, yang memeriksa penyata kewangan tersebut menurut Piawaiyan Pengauditan yang Diluluskan di Malaysia dan International Standards of Supreme Audit Institutions bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember pada setiap tahun. Wakil daripada Jabatan Audit Negara dijemput hadir ke semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan semua dokumen berkaitan dikemukakan kepada mereka sebelum mesyuarat berkenaan diadakan.

Modal Insan

Lembaga Pengarah memastikan strategi modal insan adalah sejajar dengan objektif korporat dan menyokong kemampuan jangka panjang PIDM. Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran menyokong Lembaga Pengarah dan memantau strategi utama modal insan serta keadaan keseluruhan modal insan PIDM. Strategi modal insan utama dan polisi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dipertimbangkan secara terperinci untuk menyelaraskan keperluan PIDM dan trend luaran. Ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan polisi dan strategi yang kukuh serta efektif untuk menyokong kesediaan masa depan kerja PIDM, daya saing pampasan, keberkesanan kepimpinan, peningkatan penglibatan, pembangunan produktiviti dan keupayaan serta kesejahteraan kakitangan kami secara keseluruhan.

Penglibatan Pihak Berkepentingan dalam Membuat Keputusan yang Efektif

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penglibatan pihak berkepentingan amat penting demi mencapai objektif PIDM. Kami terus menerima pakai proses-proses untuk memastikan pertimbangan sejawarnya diberikan terhadap pandangan pihak berkepentingan terutamanya dalam pembangunan dasar-dasar pengawalseliaan yang efektif. Sebagai contoh, kertas perundingan dikeluarkan untuk mendapat maklum balas pihak berkepentingan yang berkaitan sebelum penerbitan atau semakan semula garis panduan atau rangka kerja. Pada tahun 2023, PIDM mengeluarkan kertas perundingan mengenai cadangan rangka kerja Sistem Levi Berbeza yang disemak semula.

Pendekatan kepada Kepelbagai dan Keterangkuman

PIDM berpegang kepada prinsip kepelbagai dan keterangkuman serta mengiktiraf kelebihan mempunyai tenaga kerja yang terdiri daripada pelbagai budaya dan disiplin kepada organisasi kami. PIDM menghormati dan mengharga perbezaan budaya, jantina, agama dan keunikan semua pihak. Prinsip-prinsip ini terkandung dan dinyatakan dalam Kod Tatalaku dan Etika Urusan Pengarah dan Kakitangan.

Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada sektor awam dan swasta serta mempunyai gabungan pelbagai kemahiran dan pengalaman.

Komposisi Lembaga Pengarah
(pada 31 Disember 2023)



Gabungan Pelbagai Kemahiran dan Pengalaman
(pada 31 Disember 2023)



Tenaga kerja PIDM terdiri daripada mereka yang berbeza budaya dan bidang serta kakitangan berkeperluan khas. Pengurusan kanan kami pada 31 Disember 2023 terdiri daripada 45% wanita dan 55% lelaki, dan purata umur kakitangan kami ialah 42 tahun.

Pendekatan Tadbir Urus dan Akauntabiliti

Ketelusan berkaitan kemajuan PIDM terhadap inisiatif yang dirancang membolehkan pihak berkepentingan utama membuat penilaian bermaklumat tentang prestasi dan kemampuan PIDM dalam memenuhi tanggungjawab berkanun. Rancangan korporat PIDM dan laporan mengenai kemajuan kami berbanding dengan rancangan korporat terdapat dalam laporan tahunan kami. Selain membina modal sosial dan intelektual yang penting, penerapan amalan tadbir urus PIDM juga penting dalam memastikan akauntabiliti ketika pelaksanaan intervensi dan resolusi kegagalan.

¹⁵ Penerangan penarafan tahap 3 dalam Model Keupayaan Siber yang sejajar dengan standard Integrasi Model Kematangan Keupayaan -> Keupayaan didokumenkan secara rasmi,

dengan pemilikan dan skop yang dipersetujui, dan ia digunakan di sebahagian besar organisasi dengan tahap standard pelaksanaan


¹⁶ International Organisation for Standardisation (ISO)/ International Electrotechnical Commission (IEC)

TADBIR URUS


TADBIR URUS

Pengaturan Tadbir Urus Syariah

PIDM tertakluk kepada pematuhan Syariah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami yang berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful. PIDM juga bertanggungjawab untuk melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan yang segera bagi institusi ahli kewangan Islam. Bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah semasa mengurus dan mengendalikan sistem-sistem perlindungan ini, PIDM berpandukan kepada ketetapan Majlis Penasihat Syariah BNM. Pengaturan tadbir urus Syariah PIDM dijelaskan dalam gambar rajah berikut.



STRUKTUR ORGANISASI



TADBIR URUS

TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

DATO SRI (DR) ZUKRI SAMAT

Pengerusi



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
November 2023

DILANTIK SEBAGAI PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH:
November 2023

KEAHlian JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH
Tiada

KELAYAKAN

- Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Hull, United Kingdom
- Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kewangan dan Perbankan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Perbankan dan kewangan

PENGALAMAN

- Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Tabung Haji
- Pengarah Urusan, Bank Islam Malaysia Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, BIMB Holdings Berhad
- Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Pengarah Urusan, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad

DATUK SHAIK ABDUL RASHEED GHAFFOUR

Pengarah Ex Officio



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
Julai 2023

KEAHlian JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH
Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Saïd Business School, University of Oxford, United Kingdom

BIDANG KEMAHIRAN

- Kewangan dan perakaunan, pengawalseliaan perbankan dan perkhidmatan kewangan, pengurusan krisis, ekonomi, insurans, pengurusan sumber manusia

LANTIKAN SEMASA

- Gabenor, Bank Negara Malaysia

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi, Lembaga Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Latihan, South East Asian Central Banks (SEACEN)
- Ahli, Lembaga Gabenor, SEACEN

PENGALAMAN

- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Eksekutif Silih Ganti, South East Asia Voting Group bagi Lembaga Eksekutif International Monetary Fund

DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Pengarah Ex Officio



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
Februari 2023

KEAHlian JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH
Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Ekonomi, University of Cambridge, United Kingdom

KEAHlian PROFESIONAL

- Institute of Chartered Accountants in England and Wales

BIDANG KEMAHIRAN

- Perakaunan dan kewangan, pengurusan sumber manusia, dan ekonomi

LANTIKAN SEMASA

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah, Petroliam Nasional Berhad
- Pengarah, Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah, Govco Holdings Berhad
- Pengarah, MyDIGITAL Corporation
- Pengarah, TRX City Sdn Bhd
- Pengarah, Pembinaan PFI Sdn Bhd
- Pengerusi, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

PENGALAMAN

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan), Unit Perancang Ekonomi
- Ketua Pegawai Eksekutif, Talent Corporation Malaysia

DATUK DR. YACOB MUSTAFA

Pengarah Sektor Awam



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
November 2019¹⁷

KEAHlian JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Ahli Jawatankuasa Audit

KELAYAKAN

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya, Malaysia

KEAHlian PROFESIONAL

- FCPA Australia
- The Chartered Institute of Public Finance & Accountancy, United Kingdom
- Institut Aktauntan Malaysian

BIDANG KEMAHIRAN

- Ekonomi, perakaunan

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah, MIF Investment Ltd (MIFIL)
- Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pengarah, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengarah, Prasarana Berhad
- Pengarah, DanaInfra Nasional Berhad

PENGALAMAN

- Akauntan Negara Malaysia
- Timbalan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

TADBIR URUS

TADBIR URUS

DATO' NOR ENI ISMAIL

Pengarah Sektor Awam



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
November 2023

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Kewangan awam

LANTIKAN SEMASA

- Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
- Pengarah, Pelaburan Hartanah Berhad
- Pengarah, Talent Corporation Malaysia Berhad

PENGALAMAN

- Penolong Pengarah, Kementerian Perdagangan dan Industri
- Timbalan Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- Penolong Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Ketua Penolong Pengarah, Kementerian Kewangan
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan) / Pengarah, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Perak
- Timbalan Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan

DATO DR. NIK RAMLAH MAHMOOD

Pengarah Sektor Swasta



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
Ogos 2016

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus
- Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Penggantian
- Ahli Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran

KELAYAKAN

- Ijazah Doktor Falsafah, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Undang-Undang, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Malaya, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Perundungan, pengawalseliaan pasaran modal dan perkhidmatan kewangan, tadbir urus korporat

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah, Institute Capital Market Research
- Pengarah, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) University
- Pengarah, Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah, Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Axiata Group Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, United Malacca Berhad
- Pengerusi, EDOTCO Group Sdn Bhd

PENGALAMAN

- Timbalan Ketua Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Profesor Madya, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Malaysia

DATO' DR. GAN WEE BENG

Pengarah Sektor Swasta



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
Ogos 2016

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Perancangan Penggantian
- Ahli Jawatankuasa Audit

KELAYAKAN

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Ekonomi, pengurusan risiko, perbankan komersial

PENGALAMAN

- Ahli Luar Jawatankuasa Dasar Monetari, Bank Negara Malaysia
- Penasihat, Kumpulan CIMB
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan CIMB
- Pengarah Eksekutif, CIMB Bank
- Penasihat Kanan, Jabatan Ekonomi, Monetary Authority of Singapore
- Perunding kepada Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Bank Negara Malaysia
- Pengerusi, KWEST Sdn Bhd
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)

PUAN GLORIA GOH EWE GIM

Pengarah Sektor Swasta



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
Februari 2017

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Perancangan Penggantian
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), University of Melbourne, Australia

KEAHLIAN PROFESSIONAL

- Felo, CPA Australia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Institut Akauntan Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Audit, kewangan dan perakaunan, pengurusan risiko, ekonomi, perkhidmatan kewangan termasuk perbankan komersial, insurans nyawa dan am

LANTIKAN SEMASA

- Ahli, Lembaga Penasihat, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, University of Melbourne, Australia

PENGALAMAN

- Rakan Kongsi, Ernst & Young, Malaysia
- Ahli Majlis, Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Majlis, ASEAN Federation of Accountants

TADBIR URUS

TADBIR URUS

ENCIK LEE KONG ENG

Pengarah Sektor Swasta



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
Februari 2021

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Naib Pengurus Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), University of Lancaster, United Kingdom

KEAHLIAN PROFESSIONAL

- Ahli Bersekutu, Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Institut Akauntan Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Audit, kewangan dan perakaunan, penstrukturkan semula korporat, penggabungan dan pengambilalihan

PENGALAMAN

- Rakan Kongsi, Ernst & Young, Malaysia

DATUK JESSICA CHEW CHENG LIAN

Pengarah silih ganti kepada Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
September 2023

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dengan pengkhususan dalam perakaunan dan kewangan, University of Melbourne, Australia

KEAHLIAN PROFESSIONAL

- Chartered Banker, Chartered Banker Institute (Scotland)
- Felo, Chartered Banker, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)
- Ahli, CPA Australia

BIDANG KEMAHIRAN

- Perakaunan, kewangan, pengawalseliaan dan pengawasan sektor kewangan

LANTIKAN SEMASA

- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia

PENGALAMAN

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

ENCIK ABDILLAH AZIZUDIN

Pengarah silih ganti kepada Datuk Johan Mahmood Merican



DILANTIK MENGANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH:
September 2023

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, Singapura
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Pentadbiran awam

LANTIKAN SEMASA

- Ahli Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat, Ahli *ex officio* kepada Kementerian Kewangan Malaysia
- Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan Malaysia

PENGALAMAN

- Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
- Timbalan Pengarah, Bahagian Khidmat Ekspatriat, Jabatan Imigresen Malaysia
- Atase Imigresen, Pejabat Kedutaan Malaysia di Beijing, People's Republic of China, Jabatan Imigresen Malaysia
- Timbalan Pengarah, Pejabat Imigresen Selangor Darul Ehsan, Jabatan Imigresen Malaysia
- Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan, Projek Bangunan Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Penolong Setiausaha, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

TADBIR URUS

PIHAK BERKEPENTINGAN

JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Rafiz Azuan Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

Afiza Abdullah
Naib Presiden Eksekutif

Lee Yee Ming
Naib Presiden Eksekutif dan
Ketua Pegawai Transformasi

Wan Ahmad Ikram
Wan Ahmad Lotfi
Naib Presiden Eksekutif

PEGAWAI-PEGAWAI TADBIR URUS

Lim Lee Na
Setiausaha Korporat
dan Kaunsel Am

Jazimin Izzat
Wan Zoolkifli
Ketua Audit Dalaman

Zufar Suleiman
Abu Bakar
Ketua Pegawai Risiko

Alex Lesley
Balagurusamy
Ketua Pegawai Integriti dan
Tadbir Urus

PENGLIBATAN SECARA PROAKTIF UNTUK HASIL YANG EFEKTIF

PIDM mengambil pendekatan komprehensif ke arah membangun dan melaksanakan program penglibatan pihak berkepentingan sejak di peringkat awal, dan pada tahun 2023, usaha berkenaan kekal menjadi keutamaan kami. Usaha mendekati pihak berkepentingan dilakukan secara berterusan bagi memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang sistem PIDM dalam melindungi konsumen kewangan dan peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi, terutamanya untuk memberi kefahaman tentang strategi dan pendekatan yang diambil oleh PIDM untuk menyelesaikan institusi ahli yang bermasalah. Ini termasuklah peranan penting yang dimainkan oleh pihak berkepentingan kami iaitu pihak berkuasa jaringan keselamatan kewangan, institusi ahli, penyedia perkhidmatan strategik, media dan pihak-pihak lain dalam memastikan kesediaan kolektif untuk bertindak ketika krisis.

Di samping itu, kami mendapat peningkatan ketara dalam tahap minat terhadap sistem insurans deposit PIDM berikut siri Kegagalan Bank Musim Bunga 2023.¹ Sehubungan itu, kami mengambil peluang ini untuk meningkatkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dan menjelaskan peranan PIDM dalam menggalakkan kestabilan sistem kewangan serta berkongsi pengajaran utama yang diperoleh daripada peristiwa tersebut dalam konteks sistem kewangan Malaysia. Penglibatan ini disokong dengan penerbitan utama Kajian Kes Resolusi kami pada tahun 2023.

Matlamat strategik kami dalam berkomunikasi, berunding dan penglibatan dengan pelbagai pihak berkepentingan adalah untuk mengekalkan tahap kepercayaan dan keyakinan yang tinggi dalam sistem perlindungan PIDM serta keupayaan kami menyelesaikan institusi ahli secara teratur. Ini akan menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan Malaysia. Ringkasan penglibatan kami dengan kumpulan pihak berkepentingan utama adalah seperti di bawah:

Orang awam dan media

Mekanisme Penglibatan

- Tinjauan indeks kesedaran dan keyakinan
- Soal selidik atau kaji selidik
- Sesi penglibatan media termasuk bersama jurucakap media kami
- Kajian tingkah laku konsumen kewangan
- Program capaian komuniti

Strategi dan Hasil Kami

Orang ramai dan media mempunyai pemahaman yang baik tentang PIDM, termasuk peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi. Ini akan membantu mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan awam apabila PIDM melaksanakan tindakan intervensi dan resolusi semasa krisis

- Melibatkan pihak berkepentingan awam dalam topik kontemporari yang diminati, termasuk literasi kewangan dan daya tahan konsumen kewangan
- Meningkatkan penglibatan bersama pihak media sektor perniagaan tentang mandat resolusi dan strategi persediaan krisis PIDM pada tahun 2023
- Meluaskan program capaian serantau PIDM ke Sabah dan Sarawak pada tahun 2023
- Meningkatkan penggunaan platform media digital dan sosial
- Menyokong inisiatif Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network – FEN*)

Peserta jaringan keselamatan kewangan dan agensi Kerajaan

Mekanisme Penglibatan

- Jawatankuasa penyelaras dengan Kementerian Kewangan dan BNM
- Audit luaran oleh Jabatan Audit Negara
- Penglibatan dengan pegawai kanan dan di peringkat pasukan kerja Kerajaan, termasuk daripada pelbagai agensi

Strategi dan Hasil Kami

Pengaturan efektif dalam kalangan pihak berkuasa domestik utama bagi pengurusan krisis kewangan

- Melibatkan peserta jaringan keselamatan kewangan melalui latihan simulasi dua hala dan sesi perkongsian pengetahuan pada tahun 2023 tentang intervensi dan resolusi institusi ahli, penggubalan dasar baharu dan perkara-perkara berkaitan tadbir urus lain
- Mewujudkan pengaturan institusi, termasuk perwakilan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Gabenor BNM sebagai ahli Lembaga Pengarah *ex officio* PIDM, keahlian Ketua Pegawai Eksekutif kami dalam Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009, Perjanjian Kerjasama Strategik dengan BNM dan Majlis Penyelaras Strategik dengan Kementerian Kewangan
- Mengadakan taklimat kepada pelbagai agensi Kerajaan yang berminat untuk mengetahui tentang sistem perlindungan kami
- Peminjaman kakitangan PIDM kepada Kementerian Kewangan

PIHAK BERKEPENTINGAN



Institusi ahli dan persatuan industri

Mekanisme Penglibatan

- Perundingan dasar
- Sesi dialog, taklimat, mesyuarat teknikal, kumpulan fokus dan perbincangan dua hala dengan industri
- Acara industri
- Perjumpaan dengan pengurusan kanan institusi ahli dan persatuan industri

Strategi dan Hasil Kami

Perancangan awal institusi ahli untuk senario resolusi

- Berunding dan mengadakan penglibatan dengan industri bagi mendapatkan maklum balas dan penjelasan tentang dasar kami serta memaklumkan jangkaan kawal selia kami tentang keperluan baharu, terutamanya perancangan resolusi untuk institusi ahli PIDM pada tahun 2023
- Dialog strategik dengan industri yang bertujuan memudahkan pertukaran pandangan tentang perkembangan ekonomi dan kewangan, termasuk yang berkaitan dengan resolusi institusi kewangan
- Mengeluarkan artikel dan penerbitan untuk mendidik golongan profesional industri tentang kepentingan persediaan melalui perancangan resolusi untuk daya tahan operasi yang lebih baik
- Menganjurkan Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) yang pertama pada tahun 2023 sebagai platform wacana strategik tentang resolusi dan persediaan krisis



Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik

Mekanisme Penglibatan

- Rundingan meja bulat dan bengkel dengan penyedia perkhidmatan termasuk firma perkhidmatan profesional dan penglibatan pengendali sistem pembayaran
- Acara industri
- Penglibatan dengan pimpinan penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi

Strategi dan Hasil Kami

Kesediaan penyedia perkhidmatan untuk menyokong PIDM ketika resolusi

- Latihan ujian dengan pelbagai penyedia perkhidmatan khusus, termasuk firma guaman dan pengamal insolvensi pada tahun 2023
- Sesi berkongsi pengetahuan untuk memberi kefahaman mengenai perundangan, mandat, strategi dan proses kami berkaitan kesediaan resolusi
- Meluaskan penglibatan penyedia perkhidmatan strategik melalui acara industri seperti NRS



Rakan sejawat antarabangsa

Mekanisme Penglibatan

- Pelantikan dalam jawatankuasa eksekutif dan jawatankuasa lain bagi institusi antarabangsa
- Penyertaan dalam kumpulan pengurusan krisis dan mesyuarat berfokuskan resolusi
- Perjanjian dua hala dengan pihak berkuasa asing
- Pengajuran mesyuarat dua hala serantau
- Jemputan kepada pengurusan kanan untuk berucap di persidangan antarabangsa
- Bantuan teknikal dan sesi perkongsian pengetahuan

Strategi dan Hasil Kami

Mengerakkan hubungan antarabangsa bagi menambah baik dasar dan hasil strategik PIDM

- Menandatangani Perjanjian Kerjasama dengan European Union Single Resolution Board dan Memorandum Persefahaman dengan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia pada tahun 2023
- Mesyuarat dua hala dengan pihak berkuasa asing tentang penyelesaian resolusi rentas sempadan dan sistem perlindungan konsumen kami
- Jemputan untuk pimpinan kanan kami berucap di acara International Association of Deposit Insurers (IADI), Financial Stability Institute of the Bank for International Settlements (FSI), International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS), Executives' Meeting of the East Asia Pacific Central Banks (EMEAP), Bank Dunia dan pelbagai institusi pelbagai hala yang lain
- Mempengerusikan jawatankuasa teknikal penyelidikan bagi IADI rantau Asia Pasifik dan menyumbang kepada penyelidikan tentang teknologi kewangan, ujian pelan luar jangka dan insurans deposit Islam pada tahun 2023



Kakitangan

Mekanisme Penglibatan

- Tinjauan keterlibatan kakitangan
- Sesi town hall
- Inisiatif kesihatan, sukan, rekreasi, sosial dan acara capaian komuniti

Strategi dan Hasil Kami

Bakat, keupayaan dan budaya organisasi yang kuat

- Penglibatan kakitangan dalam pelbagai platform dan aktiviti, termasuk yang dianjurkan oleh Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM yang diterajui kakitangan kami
- Mengenal pasti dan melaksanakan pelan tindakan terhadap hasil tinjauan kepuasan kakitangan PIDM tahun 2022 melalui kumpulan fokus pada tahun 2023
- Membangunkan kemahiran menerajui masa depan dan resolusi untuk kakitangan kami termasuk program untuk pelatih resolusi

PERKARA-PERKARA MATERIAL



Perkara-perkara material merupakan isu-isu yang berpotensi memberi kesan ketara kepada pencapaian mandat dan objektif berkanun PIDM. Ini merangkumi isu-isu yang boleh memberi kesan kepada strategi kami, model pengurusan, serta sumber atau modal¹ kami, bagi jangka masa pendek, sederhana atau panjang. Perkara-perkara material juga timbul daripada penilaian ke atas risiko-risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM dan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah.

MANDAT DAN BATASAN

Pengenalan Kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)

"Bahwasanya kestabilan sistem kewangan ialah penentu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia:

Bahwasanya sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans melindungi pengguna kewangan sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi ahli dan PIDM hendaklah menjalankan fungsi yang dimandatkan dengan cepat dan berkesan; ... dan menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan dan mengukuhkan perlindungan pengguna kewangan"

Mandat dan Objektif Berkanun

- Melindungi pendeposit, pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli
- Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
- Menyediakan insentif untuk pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan
- Menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

Batasan Laporan

Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta PIDM, dan bagi tujuan kesediaan operasi, PIDM telah menubuhkan subsidiari yang akan berfungsi sebagai institusi perantara dan syarikat pengurusan aset. Subsidiari ini tidak akan beroperasi kecuali dalam situasi intervensi dan resolusi kegagalan. Rujuk Penyata Kewangan² mengenai amalan pelaporan kewangan berkaitan dengan subsidiari ini.

MENGURUS RISIKO PADA TAHUN 2023: MEMPERGIATKAN FOKUS KAMI TERHADAP KESEDIAAN DALAM ERA DIGITAL DAN PERUBAHAN PERSEKITARAN YANG DINAMIK

Walaupun ancaman dan kesan COVID-19 kini telah reda, kita masih berdepan dengan ketidakpastian yang semakin meningkat dan perubahan pesat dalam landskap ekonomi, kewangan dan geopolitik di seluruh dunia. Justeru, fokus utama PIDM, seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat 2023 – 2025, mencerminkan hasrat strategik kami untuk memberi lebih tumpuan terhadap kesediaan resolusi. Merealisasikan kesediaan memerlukan PIDM dan pihak berkepentingan utama kami untuk saling melengkapi dan memiliki kesediaan kolaboratif bagi melaksanakan resolusi efektif terhadap institusi ahli yang bermasalah.

Bagi memastikan keberkesanan tindakan intervensi atau resolusi, ia bukan hanya memerlukan pembangunan keupayaan dalaman, tetapi juga pemahaman mendalam dan kesediaan peserta jaringan keselamatan kewangan, industri, pihak berkepentingan lain serta orang awam.

Dalam memastikan objektif strategik ini tercapai dan dikekalkan, PIDM juga berusaha bagi menyediakan operasi kami untuk masa hadapan melalui fasa transformasi digital yang seterusnya, termasuk mempertingkatkan lagi keupayaan pengurusan data dan analistik kami. Pelan transformasi digital ini akan kekal sebagai salah satu bidang tumpuan utama dalam beberapa tahun akan datang.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Ringkasan risiko utama kami bagi tahun 2023 dibentangkan dalam jadual di bawah.

Risiko utama	Konteks
Merealisasikan Kesediaan Untuk Melaksanakan Mandat – Risiko Insurans	Risiko dan cabaran dalam persekitaran ekonomi global masih wujud, termasuk persekitaran kadar faedah yang tinggi dan kekangan kecairan di peringkat global, serta ketegangan geopolitik yang meningkat. Ini semuanya boleh memberi impak dan kejutan kepada rantai bekalan dan komoditi-komoditi utama. Malaysia masih terdedah kepada risiko yang berpunca daripada sentimen luaran yang tidak dijangka dan boleh menjelaskan prospek ekonomi Malaysia.
Peningkatan Ancaman Keselamatan Siber – Risiko Operasi	Serangan siber, termasuk percubaan untuk mengeluarkan data melalui penyusupan rangkaian, dijangka terus meningkat. Penjenayah siber diramal akan memanfaatkan kecerdasan buatan (<i>artificial intelligence</i>) dan pembelajaran mesin (<i>machine learning</i>) untuk mengautomasikan dan meningkatkan keupayaan mereka, menjadikan kaedah serangan mereka lebih canggih dan boleh suai.
Bersedia Untuk Masa Depan Dan Penyesuaian Terhadap Perubahan Persekitaran Digital Dan Cara Bekerja – Risiko Operasi	Ini adalah berkenaan risiko dalam mencapai tahap kualiti, prestasi dan keselamatan yang dikehendaki bagi sistem dan proses teknologi maklumat PIDM. Risiko ini terhasil di samping usaha PIDM untuk memodenkan infrastruktur dan keupayaan digital kami sebagai sebahagian daripada usaha transformasi digital.
Modal Insan Seiring Dengan Masa Depan – Risiko Kakitangan	Ini adalah berkenaan risiko kekangan kemahiran untuk menyesuaikan diri serta kekangan penetapan minda dalam kalangan kakitangan untuk menerima kemajuan dalam sistem dan alatan baharu yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada perjalanan transformasi digital kami.
Imej Dan Reputasi Terjejas – Risiko Reputasi	Ini adalah berkenaan risiko kemerosotan dalam persepsi imej atau nilai jenama kami, yang boleh mengakibatkan terjejasnya kredibiliti, kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan pihak berkepentingan terhadap PIDM. Ini seterusnya boleh memberi kesan kepada keberkesanan PIDM dalam melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan. Sokongan yang mencukupi daripada pihak berkepentingan utama adalah penting bagi PIDM dalam memenuhi inisiatif korporat dan mandat secara efektif.

Falsafah risiko PIDM secara asasnya tertumpu kepada menjangka dan memastikan kesediaan untuk meminimumkan risiko yang mengancam perlindungan kepada simpanan konsumen kewangan di Malaysia dan kestabilan sistem kewangan.

MENENTUKAN PERKARA-PERKARA MATERIAL


Perkara-perkara material dipertimbang berdasarkan kepada perspektif yang memacu nilai, keperluan pihak berkepentingan, faktor luaran dan dalaman, prestasi semasa, serta risiko utama dan modal kami. Kami kemudian menilai bagaimana semua faktor ini memberi kesan kepada keupayaan kami untuk mewujudkan nilai, sama ada ia meningkatkan atau mengubah sumber-sumber atau modal PIDM yang digunakan untuk melaksanakan peranan dan memenuhi mandatnya.

¹ Bahagian 2C Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa yang disemak semula (Januari 2021) mentakrifkan modal sebagai sumber atau "stok nilai" yang meningkat, menurun atau berubah melalui aktiviti dan output sesebuah organisasi. Sebagai contoh, modal kewangan organisasi meningkat apabila ia membuat keuntungan atau lebih, dan kualiti modal insannya bertambah baik apabila kakitangan menjadi lebih terlatih


PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

MODAL-MODAL KAMI DAN BAGAIMANA IA BERHUBUNG KAIT DAN DIBENTUK BAGI MENCAPAI MANDAT PIDM



Bagaimana Modal Kewangan Memberi Kesan kepada Modal-modal Lain bagi Mewujudkan Nilai untuk PIDN



Mandat

- *Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans*
 - *Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan di bank ahli serta manfaat takaful atau insurans oleh ahli penginsurans*
 - *Menyediakan insentif untuk pengurusan risiko yang wajar*
 - *Menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan*

Sebahagian besar kos operasi PIDM adalah berkait dengan modal insan. 'Nilai' atau model pengoperasian kami amat bergantung kepada aset tidak ketara (modal intelektual, serta modal sosial dan perhubungan). Oleh itu, nilai PIDM bergantung kepada kakitangan kami. Hanya dengan memiliki tenaga kerja yang sesuai, PIDM dapat memanfaatkan nilai pengetahuan aset tidak ketara dan membangunkan modal sosial dan perhubungan yang diperlukan untuk melaksanakan mandat dengan jayanya.

Pengetahuan, yang melibatkan pengalaman, penyelidikan dan pembelajaran, merupakan modal utama PIDM. Pengetahuan ini merupakan asas pembangunan modal intelektual kami.

Sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan, dan dalam memastikan PIDM dapat melaksanakan mandat terutamanya semasa intervensi dan resolusi kegagalan ahli, PIDM perlu membina hubungan yang relevan dengan pihak-pihak berkepentingan kami. Modal sosial dan perhubungan (reputasi dan imej) juga penting untuk kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM, dan bagi memastikan PIDM dapat menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan secara efektif. Reputasi dan imej ini bukan sahaja bergantung kepada kecekapan kakitangan kami, tetapi juga ditentukan oleh struktur tadbir urus, etika dan tingkah laku dalaman, serta komunikasi dan perhubungan awam yang sesuai.

Modal pembangunan, seperti infrastruktur teknologi maklumat adalah penting bagi keberkesanan dan kecekapan operasi. Kami juga telah mula menyediakan pelan transformasi digital untuk membantu pengurusan dan penggunaan data dan juga maklumat yang dikumpul (contohnya, daripada institusi ahli, BNM dan pihak berkuasa resolusi lain), serta menjalankan lebih banyak penyelidikan, khususnya mengenai data dan maklumat yang boleh dianalisis dan digunakan oleh PIDM dan pihak lain, bagi tujuan pewujudan nilai untuk masyarakat.

Sumber modal kewangan

Sumber modal kewangan utama PIDM adalah daripada premium atau levi yang dikenakan ke atas institusi ahli, dan pendapatan pelaburan yang dijana daripada dana-dana perlindungan. Kadar premium dan levi diputuskan oleh Menteri Kewangan atas cadangan PIDM.

Pengumpulan dana daripada industri sebelum berlaku sesuatu kegagalan (atau dirujuk sebagai pendanaan *ex-ante*) merupakan ciri utama sistem insurans deposit menurut Principle 9 of the Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems – Sources and Uses of Funds oleh International Association of Deposit Insurers (IADI). Ciri pendanaan *ex-ante* yang sama juga digunakan untuk Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Pengumpulan dana *ex-ante* daripada institusi ahli oleh PIDM tidak bertujuan untuk melindungi pendeposit sepenuhnya apabila berlaku kegagalan. Sebaliknya, PIDM menetapkan tahap rizab sasaran yang mencukupi untuk menampung kerugian bersih insurans, dengan sokongan sumber pendanaan kecairan luaran. Rizab sasaran ini dirujuk sebagai Dana Sasaran.


Bagi PIDM, Dana Sasaran ini bertujuan untuk menampung jangkaan kerugian bersih yang timbul daripada sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. PIDM menggunakan gabungan pendekatan statistik dan budi bicara dalam menentukan tahap dan jajaran Dana Sasaran.

Berikut semakan menyeluruh yang dijalankan pada 2022, jajaran Dana Sasaran yang disemak semula untuk Kumpulan Dana Insurans Deposit ialah 1.5% dan 1.8% daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan. PIDM juga telah menyemak semula jajaran Dana Sasaran untuk Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan mengagregatkan kerugian bersih semua dana perlindungan individu untuk mencapai jajaran yang digabungkan iaitu 0.3% dan 1.0% daripada jumlah liabiliti insurans atau takaful. Carta berikut menggambarkan tahap semasa Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans berbanding jajaran Dana Sasaran, dan terhadap pendedahan Jumlah Deposit Diinsuranskan² serta jumlah liabiliti insurans dan takaful³ masing-masing.

² Jumlah Deposit Diinsuranskan yang digambarkan ialah keseluruhan Jumlah Deposit Diinsuranskan industri pada 31 Disember 2022, selaras dengan penyerahan tahunan Pulangan Jumlah Deposit Diinsuranskan

³ Jumlah liabiliti insurans dan takaful ialah jumlah agregat industri pada 31 Disember 2022, menurut borang pelaporan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko BNM untuk Ahli Penginsurans dan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Pengendali Takaful

PERKARA-PERKARA MATERIAL




Rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans disemak semula setiap tahun untuk memastikan model dan andaian kekal relevan.

DALAM TINJAUAN: KOMPONEN DALAM MENTADBIR DANA INSURANS DEPOSIT DAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

PIDM menyemak semula secara berkala komponen dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi memastikan ia kekal efektif dalam mengekalkan keyakinan awam dan kestabilan sistem kewangan. Ringkasan hasil utama semakan semula terkini kami dan jangkaan masa hadapan diuraikan di bawah.

Rangka kerja dana sasaran. Pada tahun 2022, PIDM telah menyempurnakan semakan komprehensif ke atas rangka kerja dana sasaran dengan matlamat untuk memastikan kecukupan pendanaan *ex-ante* yang mencerminkan persekitaran operasi semasa.¹ Berdasarkan semakan tersebut, menenturk semula jajaran dana sasaran diperlukan untuk Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – jajaran sasaran yang lebih tinggi bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, dan penukan pendekatan dana sasaran kepada jajaran digabungkan bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Langkah kami seterusnya adalah untuk mengkaji semula kadar premium dan levi bagi membolehkan PIDM (i) mencapai jajaran sasaran Kumpulan Dana Insurans Deposit yang lebih tinggi dalam masa capaian dana (*time-to-fund*) yang munasabah, dan (ii) meletakkan pertimbangan strategik untuk Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans kerana jajaran sasaran yang digabungkan untuk Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans telah dicapai. PIDM akan menggunakan pendekatan berhati-hati untuk sebarang pelarasan kepada kadar premium atau levi.



Rangka kerja premium dan levi berbeza. Pengumpulan pendanaan *ex-ante* PIDM untuk mencapai tahap dana sasaran adalah berdasarkan kutipan premium di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk bank-bank ahli, rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk syarikat insurans dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful. Semakan terkini PIDM tertumpu kepada keterangkuman elemen kebolehselesaian dalam rangka kerja premium dan levi berbeza kami. Pada tahun 2025, PIDM akan melaksanakan rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang dipertingkatkan dengan menggabungkan kriteria kebolehselesaian untuk memberi insentif kepada bank-bank ahli agar lebih mudah diselesaikan sebagai tambahan kepada usaha kami untuk menggalakkan pengurusan risiko yang wajar. Rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful masih dalam kajian untuk menerapkan perubahan dalam perkembangan pelaporan kawal selia dan kewangan, serta elemen kebolehselesaian.



Skop dan had perlindungan. Kajian semula rangka kerja dana sasaran pada tahun 2022 menyelesaikan antara dana sasaran dan pendedahan PIDM serta mempertimbangkan pelbagai pendekatan resolusi untuk institusi ahli. Pada tahun 2021, PIDM mempertingkatkan perlindungan kami kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans selepas selesai mengkaji semula skop perlindungan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami kini melindungi hampir semua jenis manfaat di bawah sijil dan polisi yang layak (tertakluk kepada syarat dan had yang dinyatakan dalam polisi dan kontrak takaful masing-masing).² Bagi Sistem Insurans Deposit, tahap perlindungan deposit semasa PIDM kekal melebihi tahap perlindungan yang disyorkan oleh IADI. Berikutkan Kegagalan Bank Musim Bunga 2023,³ PIDM mengikuti dengan teliti perbincangan dalam kalangan badan penetapan standard antarabangsa dan penginsurans deposit di peringkat global mengenai perkara ini.

¹ Butiran lanjut terdapat di bahagian Dalam Tinjauan – Dana Sasaran, Laporan Tahunan PIDM 2022 ↗

² Manfaat takaful dan insurans yang tidak layak dilindungi termasuk manfaat di bawah sijil takaful dan polisi insurans yang didenominasi dalam mata wang asing. Rujuk kepada laman web PIDM ↗, untuk butiran lanjut

³ Rujuk artikel "Pengajaran Utama daripada Peristiwa Kegagalan Bank Musim Bunga 2023" di Bahagian I ↗

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL KEPADA PIDM

Seperti yang dinyatakan di bawah, perkara-perkara material termasuk kebimbangan berkaitan dengan beberapa risiko yang diterangkan di seksyen sebelum ini. Perkara-perkara material dibincangkan mengikut urutan keutamaan, dengan mengambil kira kesan terhadap keupayaan PIDM untuk melaksanakan fungsi berkanun kami, dan strategi-strategi yang telah diselaraskan dengan pelan tindakan seperti yang diuraikan dalam Rancangan Korporat PIDM bagi tahun 2023.

KESEDIAAN BAGI RESOLUSI DAN PENGURUSAN KRISIS

Definisi

Memastikan pelaksanaan tindakan intervensi atau resolusi yang efektif:

- Terus mempertingkatkan kesediaan dalam PIDM berkaitan intervensi dan resolusi;
- Melaksanakan perancangan resolusi secara efektif dan memastikan tindakan penyelarasian krisis yang mantap dalam kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan dan penyedia perkhidmatan;
- Memastikan institusi ahli jelas mengenai jangkaan kawal selia PIDM bagi menyokong pelaksanaan strategi resolusi PIDM; dan
- Memastikan perancangan pengurusan kecairan yang mantap, meliputi pengurusan krisis kecairan sebelum, ketika dan selepas peristiwa Pencetus Ketidakupayaan Berdaya Maju (*Non-Viability Trigger – NVT*).

Modal



Risiko utama

- Risiko insurans
- Risiko kakitangan
- Risiko reputasi
- Risiko operasi

Strategi

- KRA⁴ 1** - Terus mempertingkatkan kesediaan dalam PIDM bagi memastikan intervensi dan pelaksanaan resolusi yang mantap.
- KRA 2** - Membangunkan perancangan resolusi bagi institusi ahli dan memastikan penyedia perkhidmatan bersedia untuk bertindak segera dan menyokong PIDM untuk menyelesaikan institusi ahli bermasalah secara efektif.
- KRA 3** - Memperkuatkhan kesediaan peserta jaringan keselamatan kewangan melalui pengaturan pengurusan krisis yang efektif bersama dan dalam kalangan pihak berkepentingan utama.

KESEDARAN, KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN SERTA KOMUNIKASI SEMASA KRISIS

Definisi

Memastikan keyakinan pendeposit dan konsumen kewangan lain melalui komunikasi menyeluruh mengenai mandat PIDM, peranan kami, serta mentadbir sistem perlindungan yang efektif.

Mempunyai rancangan komprehensif untuk berkomunikasi dengan efektif sebelum dan semasa situasi krisis untuk mengelakkan atau mengurangkan tingkah laku panik.

Modal



Risiko utama

- Risiko reputasi
- Risiko insurans

Strategi

- KRA 4** - Memastikan kesediaan orang awam dan media dengan mengekalkan kesedaran, pemahaman dan advokasi PIDM yang kukuh dalam kalangan orang awam dan media.
- KRA 5** - Mempertingkatkan keberkesan dan kepentingan perlindungan serta peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan.

KEPIMPINAN, PENGLIBATAN DAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Definisi

Membolehkan kesediaan PIDM untuk melaksanakan mandat kami dengan berkesan melalui:

- Penglibatan kakitangan yang efektif;
- Peningkatan kemahiran yang berterusan untuk keperluan semasa dan masa depan;
- Memupuk budaya bertumpu digital dan kelestarian; dan
- Perancangan penggantian.

Modal



Risiko utama

- Risiko kakitangan
- Risiko operasi

Strategi

- KRA 6** - Memastikan keupayaan bakat yang mantap dan memperkuatkhan budaya PIDM bagi memenuhi hala tuju strategik kami, serta penjajaran terhadap keseluruhan persekitaran operasi yang sering berubah.

KESEDIAAN OPERASI UNTUK MASA DEPAN

Definisi

Menangani cabaran yang dibawa oleh kemajuan digital:

- Manfaatkan peningkatan pesat dalam kuasa pengkomputeran untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesan operasi PIDM;
- Beralih daripada keselamatan siber kepada daya tahan siber; dan
- Mempertingkatkan kolaborasi dan integrasi proses, sistem dan kakitangan.

Modal



Risiko utama

- Risiko operasi
- Risiko reputasi
- Risiko kakitangan
- Risiko strategik

Strategi

- KRA 7** - Memodenkan infrastruktur, proses dan keselamatan siber teknologi maklumat PIDM bagi mengukuhkan kesediaan masa depan bagi melaksanakan mandat PIDM dengan efektif.

- KRA 8** - Manfaatkan aplikasi dan analistik data untuk menambah baik kesediaan resolusi dan keberkesan operasi PIDM.

TADBIR URUS KORPORAT

Definisi

Komitmen terhadap ketelusan, akauntabiliti, integriti dan kelestarian, serta memastikan pengurusan strategik yang efektif dan amalan pengurusan yang berhemat.

Modal



Risiko utama

- Risiko operasi
- Risiko reputasi

Strategi

- KRA 9** - Menerapkan unsur-unsur alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance – ESG*) sebagai prinsip panduan meliputi seluruh operasi PIDM.

PRESTASI

PRESTASI


Rancangan Korporat 2023 – 2025 yang bertemakan “Merealisasikan Kesediaan”, mencerminkan hasrat strategik kami untuk mempergiatkan tumpuan terhadap kesediaan untuk melaksanakan resolusi dengan mempertingkatkan persediaan dalaman PIDM, serta kesediaan kolaborasi bersama pihak berkepentingan untuk menyelesaikan institusi ahli yang bermasalah secara efektif. Rancangan Korporat bagi tempoh tiga tahun ini berteraskan tiga tonggak strategik bertujuan untuk mempergiatkan tumpuan PIDM terhadap kesediaan resolusi, memastikan sistem perlindungan konsumen kewangan kami kekal efektif dan juga melaksanakan transformasi digital secara efektif. Berikut adalah sorotan pencapaian utama kami pada tahun 2023 berdasarkan tiga tonggak strategik tersebut.

TONGGAK STRATEGIK 1: MEREALISASIKAN KESEDIAAN RESOLUSI DAN PENGURUSAN KRISIS

Mempergiat dan meningkatkan keupayaan PIDM untuk melaksanakan intervensi dan resolusi institusi ahli dengan mempertingkatkan lagi kesediaan resolusi dalaman PIDM, serta memastikan pihak berkepentingan utama dapat sedia bertindak dan menyokong PIDM secara efektif dalam pelaksanaan strategi resolusi ketika situasi krisis.

Bidang Keputusan Utama

- Memudahcara tindakan intervensi dan resolusi yang mantap dan efektif oleh PIDM
- Memperkuuh kebolehselesaian institusi ahli dan mempertingkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan
- Pengaturan pengurusan krisis yang efektif dalam kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan



Pemacu Kos Utama

- Penghasilan *interagency crisis preparedness binder*
- Latihan simulasi krisis dan sesi perkongsian pengetahuan
- Rangka kerja kesediaan dengan penyedia perkhidmatan utama
- Simposium Resolusi Kebangsaan
- Inisiatif perancangan resolusi


Penambahbaikan kepada modal

- Modal insan
- Modal intelektual
- Modal pembangunan
- Modal sosial dan perhubungan

Mengetengahkan agenda perancangan resolusi dan kesediaan resolusi

Garis panduan perancangan resolusi. PIDM telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan Resolusi untuk Anggota Penerima Deposit pada bulan September 2023. Garis Panduan tersebut menetapkan pendekatan PIDM terhadap perancangan resolusi dan keperluan yang relevan kepada bank ahli. Perancangan resolusi menghendaki bank ahli membungkukan keupayaan yang diperlukan untuk menyokong pelaksanaan resolusi yang terutamanya ia tidak lagi berdaya maju. Pelaksanaan perancangan resolusi secara berfasa yang akan bermula pada tahun 2024, adalah selaras dengan pelaksanaan perancangan pemuliharaan yang diterajui oleh BNM. Pada tahun 2023, kami juga meneruskan sesi penglibatan dan taklimat mengenai perancangan resolusi.

Simposium Resolusi Kebangsaan yang pertama. Buat julung kalinya, kami telah berjaya menganjurkan Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) pada bulan Oktober 2023 yang bertemakan, “Memperkuuh Daya Tahan Melalui Perancangan Resolusi”. Simposium ini memaparkan beberapa sesi panel dan sesi *masterclass* yang dihadiri oleh 300 pakar kawal selia, pengamal industri (termasuk penyedia perkhidmatan) dan peserta industri dari dalam dan luar negara untuk berkongsi dan bertukar pandangan mengenai pengurusan resolusi dan perancangan resolusi institusi kewangan. Simposium ini telah mencapai objektif yang disasarkan untuk memudahcara wacana intelektual dan mendorong perbincangan tentang resolusi serta memupuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan pihak berkepentingan ke arah meningkatkan daya tahan sistem kewangan Malaysia melalui perancangan resolusi. Simposium ini juga bakal menjadi acara tahunan anjuran PIDM. Rujuk artikel Simposium Resolusi Kebangsaan 2023 di Bahagian ini untuk maklumat lanjut.



Meneruskan usaha untuk mempertingkatkan persediaan krisis dan koordinasi antara agensi

Latihan simulasi dan sesi perkongsian pengetahuan. Kami telah menyempurnakan satu latihan simulasi bersama Lembaga Pengarah PIDM berdasarkan senario kegagalan rentas sempadan. Latihan ini bertumpu kepada pengaturan pengurusan krisis antara Lembaga Pengarah dan barisan Pengurusan berkenaan aliran maklumat, dan bidang utama yang perlu dibentangkan untuk menentukan hala tuju atau keputusan. Kami juga telah melaksanakan satu latihan simulasi *tabletop* bersama BNM yang merangkumi situasi yang membawa kepada intervensi awal, syarat penetapan institusi ahli yang tidak lagi berdaya maju dan pilihan resolusi, dengan tumpuan kepada koordinasi antara kedua-dua agensi. Di samping itu, kami juga telah menganjurkan sesi perkongsian pengetahuan antara agensi yang dihadiri oleh kira-kira 120 peserta daripada Kementerian Kewangan, BNM dan PIDM. Sesi ini menghimpunkan pakar-pakar antarabangsa yang berpengalaman dalam pengurusan krisis perbankan, termasuk penggubalan dasar dan pengalaman praktikal, yang telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai kerjasama domestik dan rentas sempadan yang efektif. Kami juga meneruskan pembangunan dan pengemaskinian *interagency crisis preparedness binder* melalui bengkel dan pembelajaran daripada latihan simulasi.

Mewartakan Peraturan Sistem Premium Berbeza

Semakan Peraturan Sistem Premium Berbeza. Peraturan Sistem Premium Berbeza yang disemak semula telah diwartakan pada bulan Julai 2023. Berikut itu, aturan pelaporan peralihan telah dilaksanakan untuk memudahcara bank ahli memenuhi keperluan di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang dipertingkatkan sebelum ia berkuat kuasa pada tahun taksiran 2025. Nota Panduan Mengenai Pelaporan Peralihan di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula telah diterbitkan sebagai panduan kepada bank ahli mengenai pengumpulan maklumat untuk petunjuk baharu bertumpuan resolusi bagi tahun taksiran 2023 dan 2024.

Memperkuuh kerjasama rentas sempadan

Memorandum Persefahaman. Kami telah memeterai dua Memorandum Persefahaman dengan Single Resolution Board (SRB), pihak berkuasa resolusi European Banking Union, dan dengan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia. Kerjasama ini akan meningkatkan lagi operasi dan kerjasama rentas sempadan, serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dan kepakaran dalam bidang resolusi.



PRESTASI


PRESTASI

TONGGAK STRATEGIK 2: MENINGKATKAN KEYAKINAN TERHADAP SISTEM PERLINDUNGAN PIDM

Meluaskan pendekatan kesedaran awam PIDM dengan memanfaatkan tema literasi kewangan dan mengoptimumkan penggunaan saluran komunikasi digital PIDM untuk mempromosikan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan serta pihak berkuasa resolusi kebangsaan bagi institusi ahli PIDM.

Bidang Keputusan Utama

- Mengekalkan kesedaran, pemahaman dan advokasi yang kukuh dalam kalangan orang awam dan media
- Meningkatkan keberkesan dan kerelevan perlindungan dan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan



Pemacu Kos Utama


- Aktiviti pengiklanan diteruskan dengan tumpuan berterusan kepada platform media sosial dan digital dengan perbelanjaan yang lebih rendah
- Kempen daya tahan kewangan – #SediaPayungKewangan, kolaborasi bersama Jaringan Pendidikan Kewangan dan program capaian Sabah
- Kajian penyelidikan tingkah laku
- Penganjuran dan kehadiran di forum dua hala dan pelbagai hala

Penambahbaikan kepada modal

- Modal insan Modal intelektual Modal sosial dan perhubungan

Mempertingkatkan kesedaran dan advokasi orang awam terhadap PIDM

Pencapaian lebih tinggi bagi tahap kesedaran awam dan tahap advokasi. Kami telah menjalankan tinjauan kesedaran awam tahunan di seluruh negara melalui agensi penyelidikan bebas untuk menilai keberkesan dan tahap kejayaan inisiatif kesedaran awam kami. Antara lain, tinjauan ini menilai tahap kesedaran dan advokasi orang awam tentang PIDM dan sistem perlindungan konsumen kewangan kami. Pada tahun 2023, kami telah mencatat tahap kesedaran awam sebanyak 86% (2022: 80%) dan tahap advokasi sebanyak 62% (2022: 59%), melepas sasaran 75% dan 50% masing-masing bagi tahap kesedaran dan tahap advokasi.



Kempen #SediaPayungKewangan dan kolaborasi bersama Jaringan Pendidikan Kewangan. Kami meneruskan kempen teras #SediaPayungKewangan (SPK) dan telah menyampaikan kandungan SPK sepenuhnya melalui platform digital dan media sosial pada tahun 2023. Kami juga memanfaatkan kandungan SPK yang sedia ada dengan adaptasi kepada video dan artikel yang diterbitkan. Kami juga bekerjasama dengan penerbit dalam talian dan pempengaruh kewangan untuk menghasilkan kandungan literasi kewangan baharu. Dari tahun ke tahun, kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan pada tahun 2023, kami telah berjaya memperoleh 18.9 juta jangkauan terkumpul bagi kandungan SPK, jauh melebihi sasaran jangkauan terkumpul kami iaitu 10 juta. Kami juga telah menganjurkan Cabaran FinFit (Financial Fitness Challenge) 2023 sebagai sebahagian daripada program teras dalam talian untuk kempen Bulan Literasi Kewangan anjuran Jaringan Pendidikan Kewangan pada bulan Oktober 2023.

Program capaian Sabah. Pada tahun 2023, kami telah memperluaskan program capaian kami ke Sabah dengan kerjasama beberapa rakan kongsi Jaringan Pendidikan Kewangan. Dengan kerjasama BNM, kami telah mengadakan sesi penglibatan dengan institusi ahli di Sabah. Kami juga mengambil bahagian dalam program Perkhidmatan Komuniti Bergerak bersama Kementerian Kewangan Sabah di Tenom dan Kunak. Bersama-sama dengan BNM, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Sabah, kami juga telah mengadakan hari terbuka mini literasi kewangan dan ceramah kewangan untuk para pelajar Fakulti Perniagaan, Perakaunan dan Kewangan, dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah.



Meneruskan kajian semula sistem perlindungan PIDM

Kajian tingkah laku. Kami menjalankan kajian penyelidikan tingkah laku tentang sikap pendeposit Malaysia dan risiko pengeluaran deposit secara besar-besaran (*bank run*) serta kesan media sosial terhadap tingkah laku konsumen kewangan ketika sesuatu krisis. Hasil kajian penyelidikan ini akan diguna pakai untuk menambah baik pelan komunikasi dan penglibatan dengan pihak berkepentingan, serta dasar awam yang relevan untuk sistem perlindungan yang lebih efektif.

Manfaatkan hubungan antarabangsa untuk menambah baik pencapaian PIDM

Penglibatan dan penyertaan di peringkat antarabangsa. PIDM terus memainkan peranan aktif di peringkat antarabangsa dalam pelbagai forum bersama International Association of Deposit Insurers (IADI), International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS), Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP), dengan tumpuan khusus terhadap bidang resolusi. Pada bulan Julai 2023, kami telah menganjurkan mesyuarat dua hala bersama Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia termasuk pembaharuan Memorandum Persefahaman. Kami juga memainkan peranan aktif dalam menyumbang kepada wacana dasar global dan serantau berhubung topik insurans deposit, skim jaminan insurans, resolusi dan pengurusan krisis sebagai ahli panel jemputan. Di peringkat antarabangsa, kami mempengerusikan Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan di bawah naungan Asia Pacific Regional Committee (APRC) IADI.



PRESTASI


PRESTASI

TONGGAK STRATEGIK 3:
MENJAYAKAN KESEDIAAN PIDM
MELALUI KEBERKESANAN ORGANISASI,
TRANSFORMASI DIGITAL DAN TADBIR URUS
KUKUH

Membina asas yang kukuh untuk menghadapi perubahan dengan menerapkan asas budaya digital dan kelestarian dalam kalangan kakitangan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran menerajui masa depan, menggunakan analistik data untuk meraih keputusan yang baik, merekayasa semula (re-engineering) proses operasi teras dan infrastruktur teknologi, serta memodenkan aplikasi sistem kami dengan pengukuran keselamatan di samping mengekalkan tadbir urus yang kukuh dan operasi yang efektif.

Bidang Keputusan Utama

- Memastikan bakat dan keupayaan yang mantap serta memperkuatkannya
- Memodenkan infrastruktur, proses dan keselamatan teknologi maklumat PIDM untuk memastikan kesediaan masa depan dalam memenuhi mandat kami
- Manfaatkan aplikasi sistem dan analistik data untuk menambah baik kesediaan resolusi PIDM dan meningkatkan keberkesanannya
- Menerapkan ESG sebagai panduan dalam operasi PIDM

**Pemacu Kos Utama**

- Inisiatif keselamatan siber
- Penggunaan Microsoft 365 (M365)
- Penghasilan polisi tadbir urus dan pengurusan data
- Biasiswa pendidikan dan inisiatif kelestarian

Penambahbaikan kepada modal

Modal insan Modal intelektual Modal pembangunan Modal sosial dan perhubungan

Membina tenaga kerja yang bersedia menerajui masa depan

Peningkatan kemahiran dan latihan semula. Pada tahun 2023, kami meneruskan pelaksanaan rangka kerja pembelajaran dan pembangunan termasuk modul berkenaan kemahiran menerajui masa depan. Salah satu tumpuan utama bagi tahun 2023 adalah pendedahan kepada kaedah pemikiran tersusun (*design thinking*) untuk menggalakkan cara penyelesaian masalah secara inovatif. Pada masa yang sama, kami telah menjalankan program untuk meningkatkan tatacara celik digital dalam kalangan kakitangan dan kemahiran teknikal teknologi awan untuk kakitangan yang berkenaan. Program teknikal mengenai topik resolusi juga telah dianjurkan kepada seluruh kakitangan PIDM, untuk memastikan tenaga kerja yang siap-siaga untuk melaksanakan tindakan resolusi. Program kemasukan kakitangan baharu pula telah diperbaharui agar kakitangan baharu PIDM dapat menyesuaikan diri dan boleh menyumbang secara produktif. Di samping itu, kami juga meneruskan pelaksanaan program kepimpinan, tingkah laku dan kemahiran fungsian untuk kumpulan kakitangan yang dikenal pasti melalui platform berstruktur dan pembelajaran semasa kerja.

**Mengembangkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang resolusi**

Penyempurnaan latihan kumpulan perintis Program Pelatih Resolusi. Kumpulan perintis Pelatih Resolusi yang memulakan latihan mereka pada tahun 2021 telah menamatkan latihan pada tahun 2023 dan kini memegang jawatan sepenuh masa di PIDM. Kami juga telah mulakan Program Pelatih Resolusi kumpulan kedua untuk lima pelatih resolusi baharu pada 2023.

Meneruskan usaha transformasi digital

Tadbir urus teknologi digital. Kami telah membangunkan Rangka Kerja dan Polisi Penggunaan dan Tadbir Urus Awan yang menjadi panduan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif pemodenan berasaskan awan. Kami juga telah memulakan pembangunan polisi tadbir urus dan pengurusan data yang komprehensif untuk meningkatkan standard dan amalan untuk pengurusan, penggunaan dan perlindungan data seluruh organisasi.

Pemodenan infrastruktur. Dalam membangunkan infrastruktur demi menerajui masa depan, kami telah membangunkan pelan hala tuju, rangka tindakan dan strategi migrasi bagi infrastruktur dan sistem kami. Ini termasuk penyediaan prasyarat untuk pelaksanaan M365, Software-as-a-Services (SaaS) dan Platform-as-a-Services (PaaS) untuk aplikasi korporat dan pengurusan tertentu bagi PIDM. Kami juga telah memulakan usaha pemodenan sistem kami seperti sistem pengurusan modal insan, bagi mengukuhkan lagi operasi pentadbiran, keupayaan analistik yang lebih baik untuk pihak pengurusan, dan memberikan pengalaman yang lebih baik kepada kakitangan PIDM.

Memperkuuh kedudukan keselamatan siber PIDM

Kedudukan keselamatan siber. Kami meneruskan usaha untuk memastikan kedudukan keselamatan siber kami berdaya tahan dengan pelaksanaan kawalan keselamatan siber yang memuaskan sambil memastikan keberkesanannya. Kami mengekalkan Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 untuk tahun ketiga sejak 2021. Kami juga menjalankan latihan komprehensif seperti "Red Teaming", penilaian kerentanan, ujian penembusan, pancingan data e-mel dan latihan siber untuk menguji keberkesanannya. Panduan respons insiden keselamatan maklumat kami sepanjang tahun 2023. Polisi dan prosedur yang sedia ada juga telah disejajarkan dengan prinsip Zero Trust Architecture, berikut pengenalan penggunaan teknologi awan. Latihan-latihan tersebut telah dijalankan pada tahap yang lebih rumit dan sukar untuk meningkatkan kesedaran keselamatan siber dan keupayaan kakitangan kami. Susulan latihan-latihan ini, kami telah merangka pelan tindakan untuk menangani jurang yang dikenal pasti.

Meneruskan usaha untuk memperkuuh budaya dan nilai korporat PIDM

Penglibatan kakitangan. Usaha untuk memperkuuh nilai-nilai korporat telah diteruskan melalui program penglibatan kakitangan termasuk perhimpunan bulanan, sesi town hall suku tahunan, Hari Keluarga PIDM, Merdeka Discovery LRT Treasure Hunt, karnival kesihatan dan kesejahteraan, pelbagai acara anjuran Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM, serta ceramah motivasi dan latihan kesedaran seluruh organisasi. Program penglibatan ini telah disepadukan secara teliti dengan nilai-nilai teras, serta elemen digital dan kelestarian PIDM.



Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial Korporat. Pada tahun 2023, kami menjalankan aktiviti di peringkat dalaman dengan memberi tumpuan kepada tema kitar semula yang telah mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada kakitangan PIDM. Antara lain, kami menerapkan elemen kelestarian alam sekitar ketika Hari Keluarga PIDM, seperti sesi taklimat tentang kehidupan sifar sisa, demonstrasi fizikal tentang kitar semula plastik dan pengumpulan barang kitar semula daripada kalangan keluarga kakitangan. Kami juga menjalankan kempen dalaman untuk kakitangan menderma pakaian terpakai yang masih elok untuk dipakai semula atau dikitar semula dan berjaya mengumpul pakaian seberat 1,200kg. Satu kempen dalaman untuk kakitangan mengumpul sisa elektronik juga telah dijalankan bagi mewujudkan kesedaran dan memudahkan pelupusan jenis sisa tersebut dengan cara yang betul.

Rancangan Korporat 2023 – 2025: Melangkah ke Hadapan

Tahun 2024 merupakan titik tengah pencapaian Rancangan Korporat PIDM 2023 – 2025 tiga tahun dalam memastikan aspirasi untuk merealisasikan kesediaan pada tahun 2025 tercapai. Rujuk Bahagian III untuk tinjauan rancangan kami pada tahun 2024.

PRESTASI

PRESTASI

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN


PIDM kekal komited terhadap pengurusan kewangan berhemat dan bertanggungjawab bagi operasi harian serta bagi memenuhi mandat PIDM.



Gambaran Kewangan

Jumlah pendapatan komprehensif PIDM bagi tahun 2023 berjumlah RM730.6 juta (2022: RM646.0 juta) berikutan peningkatan hasil premium dan levi serta pendapatan pelaburan dan pulangan, dan selepas mengambil kira perbelanjaan operasi berjumlah RM111.6 juta (2022: RM102.0 juta). Jumlah keseluruhan Dana Perlindungan bagi tahun 2023 adalah RM6.6 bilion (2022: RM5.9 bilion). Pendapatan pelaburan dan pulangan PIDM kekal mampu menampung perbelanjaan operasi.

PIDM juga terus beroperasi dalam lingkungan bajet seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporatnya. 99.3% Dana Perlindungan PIDM terdiri daripada aset kewangan.




Hasil Premium dan Levi

Rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk bank ahli dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk ahli penginsurans dan pengendali takaful menyediakan insentif kepada institusi ahli untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko mereka melalui pengenaan kadar premium dan levi berdasarkan profil risiko mereka, bagi setiap tahun taksiran.

Premium tahunan yang dibayar oleh bank ahli dikira berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya manakala levi tahunan yang dikumpul daripada ahli penginsurans dikira berdasarkan Liabiliti Penilaian Aktuari serta premium dan sumbangan bersih.

Jumlah hasil premium dan levi pada tahun semasa adalah RM643.4 juta, iaitu peningkatan sebanyak 5.8% berbanding tahun sebelumnya. PIDM juga telah mengumpul premium pertama sebanyak RM250,000 daripada satu bank digital yang menjadi ahli PIDM pada Oktober 2023.

Kumpulan Dana Insurans Deposit – Hasil Premium



Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – Hasil Levi



Pendapatan Pelaburan dan Pulangan


Sejak dengan Polisi Pelaburan PIDM, sumber utama pendapatan pelaburan dan pulangan adalah daripada portfolio pelaburan pendapatan tetap yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities – MGS*) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (*Government Investment Issues – GII*), serta sekuriti pelaburan gred tinggi iaitu Sekuriti Hutang Swasta (*Private Debt Securities – PDS*) terpilih dengan penarafan AAA yang diterbitkan oleh entiti berkaitan Kerajaan.

Pendapatan pelaburan dan pulangan bertambah dengan ketara sebanyak 42.5% kepada RM198.9 juta berbanding tahun 2022. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan persekitaran kadar faedah tinggi yang berterusan serta lanjutan tempoh matang pelaburan.


Pulangan purata berwajaran atas pelaburan (*return on investments – ROI*) bagi keseluruhan portfolio pelaburan pendapatan tetap dan penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap telah meningkat kepada kadar 3.2% daripada kadar 2.5% bagi tahun sebelumnya.

Peningkatan pulangan purata berwajaran atas pelaburan bagi portfolio pelaburan pendapatan tetap boleh dikaitkan dengan pelaburan baharu dan pelaburan semula yang dibuat semasa tempoh persekitaran kadar faedah yang sedang meningkat, khususnya pada separuh kedua tahun 2022. Ianya juga boleh dikaitkan dengan lanjutan tempoh matang portfolio pelaburan.


Pendapatan Pelaburan serta Pulangan Purata Berwajaran atas Pelaburan



Komposisi Pelaburan



Penambahbaikan kepada modal



Modal kewangan

PRESTASI


PRESTASI

Portfolio pelaburan pada 31 Disember 2023

Pada akhir Disember 2023, 51.0% daripada portfolio pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti dengan kematangan melebihi tiga tahun berbanding hanya 34.0% pada tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, tempoh purata portfolio pelaburan telah dilanjutkan kepada 3.2 tahun pada akhir tahun 2023 berbanding 2.0 tahun pada tahun sebelumnya.

Ini juga telah menghasilkan peningkatan dalam pulangan purata portfolio pelaburan, yang menyaksikan kadar pulangan efektif purata berwajaran (*Weighted Average Effective Yield Rate – WAEYR*) meningkat daripada 2.9% pada akhir tahun 2022 kepada 3.5% pada akhir tahun 2023. Pada 31 Disember 2023, 83.0% daripada portfolio pelaburan memberi kadar pulangan melebihi 3.0% berbanding 41.0% daripada portfolio pelaburan pada tahun sebelumnya.


Nilai saksama portfolio pelaburan pada akhir tahun 2023 juga telah bertambah baik hasil daripada pengimbangan portfolio kepada sekuriti bertempoh lebih panjang. Peningkatan ini juga boleh dikaitkan dengan pengurangan dalam kadar pulangan pasaran bagi sekuriti bertempoh panjang menjelang akhir tahun 2023.



Perbelanjaan Operasi

Perbelanjaan operasi PIDM bagi tahun 2023 berjumlah RM111.6 juta, iaitu peningkatan sebanyak 9.4% berbanding RM102.0 juta bagi tahun 2022. Perbelanjaan berkaitan modal insan kekal sebagai perbelanjaan utama, mewakili 69.8% (2022: 68.3%) daripada jumlah perbelanjaan operasi, diikuti oleh perbelanjaan operasi dan pentadbiran pada 20.3% (2022: 19.0%) dan perbelanjaan berkaitan inisiatif pada 9.9% (2022: 12.7%).

Jumlah perbelanjaan operasi PIDM adalah RM15.1 juta atau 11.9% lebih rendah berbanding dengan bajet, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan pengurusan modal insan dan perbelanjaan berkaitan inisiatif yang lebih rendah.



Perbelanjaan Pengurusan Modal Insan

Perbelanjaan pengurusan modal insan yang terkandung di dalam Tonggak Strategik 3 terus menjadi pemacu kos utama perbelanjaan operasi PIDM. Bagi tahun 2023, peningkatan kos perbelanjaan pengurusan modal insan adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah kakitangan.

Tenaga kerja PIDM meningkat kepada 205 orang pada akhir tahun 2023, berbanding 190 orang pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kesan penambahan kos bagi kakitangan baharu dalam tahun 2023 hanya dapat dilihat sepenuhnya dalam tahun 2024.

Perbelanjaan lain berkaitan modal insan meningkat sebanyak RM1.3 juta, disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti penglibatan serta pembelajaran dan pembangunan kakitangan.


Penambahbaikan kepada modal

- Modal insan
- Modal intelektual

Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran bagi tahun 2023 mencerminkan usaha kami dalam membentuk semula operasi dan pentadbiran di masa hadapan. Sepanjang tahun 2023, perbelanjaan operasi dan pentadbiran telah meningkat sebanyak RM3.3 juta atau 16.8% daripada tahun sebelumnya. Langkah berhemat seperti rasionalisasi ruang kerja telah membawa kepada pengurangan dalam kos pajakan pejabat dan utiliti. Walau bagaimanapun, kesan positif ini telah diimbangi dengan peningkatan perbelanjaan berkaitan teknologi – yang merupakan satu langkah strategik yang selari dengan inisiatif transformasi digital PIDM.


Di samping itu, perbelanjaan susut nilai telah meningkat, didorong oleh penambahbaikan infrastruktur pada tahun sebelumnya dan kesan penuh susut nilai pejabat baharu. Perkembangan ini menzhirkan pendekatan proaktif kami ke arah pemodenan dan kecekapan, meletakkan kami ke arah ketangkasan operasi dan pertumbuhan yang mampan.



- Perbelanjaan sewa premis pejabat, penyelenggaraan, utiliti dan lain-lain kemudahan dan pengurusan bahan lain
- Perbelanjaan lesen dan penyelenggaraan sistem teknologi maklumat dan telekomunikasi
- Perbelanjaan pentadbiran pejabat
- Perbelanjaan berkaitan taidbir urus
- Perbelanjaan operasi dan pentadbiran lain

Penambahbaikan kepada modal

- Modal intelektual
- Modal pembangunan
- Modal sosial dan perhubungan



PRESTASI

PRESTASI

Perbelanjaan Berkaitan Inisiatif

Perbelanjaan dalam kategori ini adalah untuk menyokong pelaksanaan inisiatif korporat selaras dengan tonggak strategik dan bidang keputusan utama yang dirancang bagi tahun 2023 seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat.

Jumlah Perbelanjaan Berkaitan Inisiatif mengikut Tonggak Strategik



- Tonggak Strategik 1: Merealisasikan Kesediaan Resolusi dan Pengurusan Krisis
- Tonggak Strategik 2: Meningkatkan Keyakinan terhadap Sistem Perlindungan PIDM
- Tonggak Strategik 3: Menyajikan Kesediaan PIDM melalui Keberkesanan Organisasi, Transformasi Digital dan Tadbir Urus Kukuh


Penambahbaikan kepada modal

- Modal insan
- Modal intelektual
- Modal pembangunan
- Modal sosial dan perhubungan

Perbelanjaan Pembangunan

Pada 31 Disember 2023, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM4.4 juta atau 60.3% daripada bajet perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2023 sebanyak RM7.3 juta. Sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan adalah berkaitan dengan pembangunan aplikasi dan analitik data untuk kesediaan resolusi, di samping pelaburan dalam teknologi awan dan pembaharuan infrastruktur operasi.

Perbelanjaan Pembangunan



- Peralatan pejabat dan sistem teknologi maklumat
- Ubah suai pejabat
- Kenderaan bermotor


Penambahbaikan kepada modal

- Modal insan
- Modal intelektual
- Modal pembangunan
- Modal sosial dan perhubungan

Penyata Kedudukan Kewangan

Jumlah Dana Perlindungan PIDM pada 31 Disember 2023 adalah RM6.6 bilion, dengan jumlah aset sebanyak RM6.6 bilion dan liabiliti bersih sebanyak RM23.0 juta.


Dana Perlindungan




Aset-aset PIDM kekal cair, dengan aset kewangan terdiri daripada tunai, kesetaraan tunai, pelaburan dan pendapatan pelaburan belum terima. Kesemua aset kewangan ini berjumlah RM6.6 bilion, iaitu 99.3% daripada jumlah aset PIDM pada 31 Disember 2023. Aset bukan kewangan terdiri daripada hartanah dan peralatan berjumlah RM30.9 juta serta RM8.7 juta aset berkaitan hak penggunaan untuk pajakan premis pejabat.

Liabiliti pula merangkumi akaun belum bayar dan pajakan. Sebahagian besar akaun belum bayar adalah terdiri daripada liabiliti bukan kewangan untuk perbelanjaan berkaitan inisiatif, perbelanjaan operasi untuk barang dan perkhidmatan yang diterima oleh PIDM, serta peruntukan cuti yang tidak terambil dan peruntukan Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang PIDM. Liabiliti pajakan adalah berkaitan dengan pajakan bangunan pejabat dan peralatan pejabat.

Aset pada 31 Disember 2023



Liabiliti pada 31 Disember 2023



SIMPOSIUM RESOLUSI KEBANGSAAN 2023

Memupuk Kolaborasi dan Pemikiran Inovatif dalam Resolusi



Simposium Resolusi Kebangsaan (National Resolution Symposium – NRS) 2023 yang julung kali diadakan selama dua hari telah dianjurkan oleh PIDM pada 18 dan 19 Oktober 2023 di Hotel One World, Petaling Jaya.

Penganjurannya dirancang sebagai acara utama tahunan PIDM berikutan penerbitan Garis Panduan Perancangan Resolusi untuk Anggota Penerima Deposit oleh PIDM dan menandakan permulaan perjalanan perancangan resolusi di Malaysia. NRS bertujuan untuk menyediakan platform dan peluang kepada pihak berkepentingan dan pihak yang berminat untuk melibatkan diri dalam topik resolusi dan perancangan resolusi. NRS 2023 menghimpunkan kira-kira 300 peserta daripada pelbagai kumpulan pihak berkepentingan yang terdiri daripada pengawal selia, pihak berkuasa resolusi, peserta industri kewangan, pengamal firma profesional dan ahli akademik, dari dalam dan luar negara. NRS 2023 direka dengan mengambil kira keperluan pelbagai kumpulan berkepentingan dengan menampilkan pembentangan secara persidangan pleno dan perbincangan panel, serta sesi yang lebih mendalam melalui *masterclass* teknikal, untuk memberi pemahaman yang lebih komprehensif.

Bertemakan “**Memperkasa Daya Tahan Melalui Perancangan Resolusi**”, NRS 2023 memudahkan perkongsian pandangan dan pertukaran pendapat tentang pengurusan dan pelaksanaan resolusi kegagalan ke atas sesebuah institusi kewangan dalam persekitaran yang semakin tidak menentu. Simposium tersebut membincangkan tentang kegagalan Silicon Valley Bank, Signature Bank, dan Credit Suisse yang menjadi bukti pentingnya kesediaan resolusi dan krisis sebagai usaha berterusan dalam landskap yang sentiasa berubah-ubah. Sebagai pengajaran daripada krisis perbankan 2023, simposium tersebut juga menekankan kepentingan kerjasama secara kolaboratif antara semua pihak berkepentingan ke arah mencapai tahap kesedian kolektif, pada waktu operasi seperti biasa supaya dapat menguruskan sesuatu kegagalan atau krisis dengan lebih baik dan efektif.



Di simposium tersebut, PIDM turut melancarkan terbitan Kajian Kes Resolusi yang menampilkan 25 kegagalan institusi kewangan dan pengalaman global yang dikumpul daripada pelaksanaan resolusi mereka. Terbitan ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang resolusi dan perkara yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa resolusi apabila berhadapan dengan kegagalan sesebuah institusi kewangan.

Berpandukan pengalaman daripada pihak berkuasa rantau lain, penceramah jemputan daripada Federal Deposit Insurance Corporation (FDIC), Single Resolution Board (SRB), Hong Kong Monetary Authority (HKMA), International Association of Deposit Insurers (IADI) dan lain-lain membincangkan dengan lebih mendalam mengenai resolusi dan perancangan resolusi. Wakil daripada industri perbankan dan insurans turut berkongsi pengalaman mereka dalam melaksanakan perancangan pemulihan dan resolusi (*recovery and resolution planning – RRP*). Pada dasarnya, NRS 2023 menekankan kepentingan untuk PIDM bekerjasama rapat dengan institusi ahli kami sepanjang perjalanan perancangan resolusi. Natijahnya adalah untuk mencapai perlaksanaan resolusi yang segera dan teratur serta membina keupayaan resolusi pada masa depan melalui penglibatan bersama institusi. Jika dilaksanakan dengan betul, perancangan resolusi mampu menawarkan manfaat yang besar kepada institusi kewangan dan membantu meningkatkan kestabilan sistem kewangan. Perancangan resolusi meningkatkan daya tahan operasi dengan memperincikan peranan, menambah baik tadbir urus, meningkatkan pemantauan risiko, dan menyediakan sistem maklumat pengurusan yang lebih baik bagi membuat keputusan termaklum. NRS 2023 juga menekankan kebolehselesaian memerlukan masa untuk dijayakan dan kejayaan resolusi tersebut tidak terjadi secara kebetulan, sebaliknya memerlukan perancangan teliti.



Sejajar dengan usaha dan aspirasi kelestarian Kerajaan, PIDM komited untuk menjalankan urusan rasmi dan hal ehwal kawal selia kami dengan memenuhi tanggungjawab sosial dan kelestarian secara bermakna, dengan mengambil kira tadbir urus yang baik, alam sekitar dan masyarakat secara amnya. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli, mandat kami sememangnya melibatkan usaha untuk menangani keperluan sosial menerusi sistem perlindungan bagi konsumen kewangan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



INISIATIF KELESTARIAN 2023

Selain daripada aspek kelestarian yang terdapat dalam mandat dan fungsi PIDM, jadual di bawah mengetengahkan inisiatif utama khusus berkenaan kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang dijalankan sepanjang tahun.



KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Mengguna pakai amalan terbaik kelestarian alam sekitar dalam operasi harian PIDM

- Program pembudayaan kelestarian alam sekitar, melalui kempen kitar semula seperti pengumpulan pakaian terpakai dan sisa elektronik, peraduan video pendek mengenai kitar semula untuk anak-anak kakitangan, kempen matikan suis, sesi sumbang saran dan maklum balas kakitangan mengenai kelestarian dan penyediaan bahan maklumat
- Ciri-ciri kelestarian yang diketengahkan termasuk mengelakkan penggunaan bahan yang tidak lestari, memberi kesedaran dan mengadakan program ‘pokok angkat’ pada acara korporat PIDM, seperti di Simposium Resolusi Kebangsaan, Bintang Kewangan (pertandingan nyanyian dalam kalangan agensi di bawah naungan Kementerian Kewangan), majlis penganugerahan biasiswa dan aktiviti penglibatan kakitangan
- Penggantian lampu pendarflour kompak kepada lampu LED di pusat pemuliharaan bencana PIDM
- Pengiraan dan penilaian dalaman data pelepasan karbon daripada operasi PIDM
- Siri aktiviti berjalan (*trekking*) ke Taman Tugu di Kuala Lumpur bagi mendedahkan usaha pemuliharaan yang dikhushuskan kepada hutan sekunder serta menaja lima pokok angkat di rizab hutan Taman Tugu
- Menyambung penajaan lima ekor beruang matahari yang merupakan spesies haiwan terancam di Pusat Pemuliharaan Beruang Matahari Borneo



Dengan melindungi dan memulihara hidupan liar, kami memastikan generasi masa depan boleh menikmati alam semula jadi dan pelbagai spesis yang menghuninya.



Gambar ihsan Pusat Pemuliharaan Beruang Matahari Borneo



KELESTARIAN SOSIAL

PIDM komited untuk memajukan modal insan, menggalakkan kesejahteraan kakitangan, meningkatkan literasi kewangan awam dan menyediakan biasiswa untuk mencapai sasaran pembasmian kemiskinan



- Peningkatan kemahiran kakitangan terutamanya dalam bidang khusus seperti resolusi dan kemahiran digital
- Program penglibatan kakitangan, seperti Hari Keluarga PIDM, *Merdeka Discovery LRT Treasure Hunt*, sesi town hall suku tahunan dan aktiviti di bawah Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM
- Program kesejahteraan kakitangan, seperti kemudahan saringan kesihatan, karnival kesihatan dan kesejahteraan, langgaran Bookdoc dan program bantuan kakitangan
- Program literasi kewangan komuniti dengan menyokong inisiatif Jaringan Pendidikan Kewangan, mengadakan pertandingan *FinFit (Financial Fitness) Challenge* 2023 dalam kalangan milenial yang lebih muda, kandungan literasi kewangan, penglibatan dengan komuniti di Sabah, peraduan Kids Kumpul Coins, reruui pameran, seminar dan kaji selidik literasi kewangan
- Penganugerahan 20 biasiswa tahun ini di bawah Program Biasiswa Sarjana Muda sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat
- Program tanggungjawab sosial korporat dan pengagihan zakat kepada penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR)



KELESTARIAN TADBIR URUS

Menjunjung standard tadbir urus yang terbaik

- Aktiviti kesedaran dan penyempurnaan program Pegawai Integriti Bertauliah bagi integriti
- Kempen kesedaran, ujian dan kesinambungan Pensijilan Information Security Management Systems ISO/IEC 27001:2013 bagi keselamatan siber



Lembaga Pengarah dan Pengurusan kami akan terus memberi komitmen yang tinggi terhadap agenda kelestarian, dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti mandat, aspek operasi, dan ciri-ciri pejabat kami. Kami akan terus mengukuhkan budaya kelestarian alam sekitar dalam kalangan kakitangan. Berkenaan dengan kelestarian sosial, kami akan terus memberi nilai terutamanya kepada kakitangan dan komuniti dengan lebih berimpak. Fokus ini penting kerana ia seiring dengan mandat dan peranan kami sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli PIDM.

BAHAGIAN III

MARA KE HADAPAN

*Strategi**Rancangan Korporat 2024*

STRATEGI

Visi

Memperkuuhkan keyakinan dengan menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik

Misi

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangan kami

Strategi

Perkembangan PIDM Sehingga Kini

Sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005, kami menumpukan usaha untuk membina asas yang kukuh dalam tadbir urus dan operasi. Kami juga telah memastikan pelaksanaan ciri-ciri sistem insurans deposit yang sesuai dengan menanda arasnya dengan pengalaman di peringkat antarabangsa.

Berikut peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan pada tahun 2010, mandat PIDM telah diperluaskan melalui proses perundungan untuk menyediakan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Pada tahun 2016, kami memulakan usaha jangka panjang bersama-sama Bank Negara Malaysia (BNM) ke arah pelaksanaan rejim resolusi efektif untuk Malaysia. Memandangkan ini merupakan usaha jangka panjang, kami telah merangka strategi untuk jangka masa sederhana dan panjang untuk merealisasikan mandat, visi dan misi kami. Berikut menggambarkan fasa utama perkembangan PIDM ke arah keutamaan strategik jangka panjang kami.

**2005
Asas Penubuhan****Sistem Insurans Deposit**

Membina asas penubuhan yang kukuh menerusi pembentukan amalan, proses dan sistem tadbir urus korporat yang mantap, dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit

**2010
Pengiktirafan****Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans**

Mandat diperluaskan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Diiktiraf mematuhi standard antarabangsa untuk sistem insurans deposit yang efektif

**2016 dan seterusnya
Evolusi****Hala Tuju Strategik Jangka Panjang**

Mengukuhkan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi

STRATEGI


STRATEGI

RANCANGAN KORPORAT 2024

PIDM kekal teguh ke arah mencapai matlamat strategik kami. Tahun 2024 mendakan pertengahan dari tiga tahun perjalanan Rancangan Korporat 2023 – 2025 kami yang bertemakan "Merealisasikan Kesediaan".


Untuk mencapai hasil strategik kami, PIDM akan meningkatkan persediaan dalaman serta kesediaan pihak berkepentingan luar, termasuk peserta jaringan keselamatan kewangan, industri kewangan yang terdiri daripada institusi ahli dan penyedia perkhidmatan kami, serta media. Pihak berkepentingan akan bekerjasama rapat dengan PIDM dalam pengurusan krisis dan situasi resolusi mana-mana institusi ahli yang bermasalah bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan Malaysia.

PIDM akan terus melaksanakan pelan strategik kami yang diringkaskan di bawah dalam bentuk tiga tonggak strategik dan sembilan bidang keputusan utama (*key result area - KRA*).



Tonggak strategik ini bertujuan untuk memperdalamkan tumpuan PIDM terhadap kesediaan resolusi, mempertingkatkan sistem perlindungan konsumen kewangan, dan memastikan bahawa peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi untuk institusi ahli difahami dengan baik oleh pihak berkepentingan. Sasaran ini disokong oleh pemboleh dalaman yang penting, termasuk bakat dan keupayaan yang mantap, pelaksanaan transformasi digital yang berterusan termasuk infrastruktur moden dan keselamatan siber yang teguh, serta tadbir urus dan operasi yang efektif.

Peruntukan Bajet bagi Rancangan Korporat 2024 mengikut Tonggak Strategik (RM juta)



Untuk mencapai objektif strategik dalam pelan kewangan 2024, kami telah memperuntukkan bajet sebanyak RM135.4 juta yang terdiri daripada perbelanjaan operasi (*Operational Expenditure – OPEX*) sebanyak RM128.7 juta dan perbelanjaan pembangunan (*Capital Expenditure – CAPEX*) sebanyak RM6.7 juta. Bahagian berikut memperincikan inisiatif korporat utama kami dan peruntukan bajet untuk tahun 2024.

TONGGAK STRATEGIK 1: MEREALISASIKAN KESEDIAAN RESOLUSI DAN PENGURUSAN KRISIS

Tonggak Strategik 1 bertujuan untuk mencapai tahap kesediaan intervensi dan resolusi yang lebih tinggi merentas tiga dimensi, seperti berikut:

1. Kesediaan PIDM: Persediaan dalaman yang mantap untuk resolusi institusi ahli yang bermasalah berdasarkan pelbagai senario dan strategi untuk menangani cabaran berbeza yang mungkin dihadapi oleh PIDM.
2. Kesediaan industri: Merancang lebih awal senario resolusi termasuk pertimbangan rentas sempadan, dan memastikan penyedia perkhidmatan bersedia untuk segera bertindak dan menyokong PIDM untuk menyelesaikan institusi ahli yang bermasalah dengan efektif.
3. Kesediaan jaringan keselamatan kewangan: Pengaturan penyelaras pengurusan krisis yang jelas dan efektif bersama dan dalam kalangan pihak berkuasa utama domestik yang diuji dan diperkuuh secara berterusan melalui latihan simulas yang rapi.

Pada tahun 2024, inisiatif korporat utama kami terdiri daripada pelancaran perancangan resolusi ke atas institusi ahli, penumpuan kepada perkara berkaitan resolusi Syariah, kajian semula dan ujian kapasiti ke atas sistem pembayaran balik kami, usaha berterusan ke atas persediaan pendanaan dan pengurusan kecairan kami untuk resolusi, mempertingkatkan rangka kerja sistem premium dan levi berbeza berdasarkan risiko dengan elemen kebolehselesaian, dan memperkuuhkan penyelaras dan kerjasama krisis dalam kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan, termasuk persediaan untuk latihan simulas antara agensi yang komprehensif pada tahun 2025. Sejumlah RM7.5 juta diperuntukkan untuk Tonggak Strategik 1.

TONGGAK STRATEGIK 2: MENINGKATKAN KEYAKINAN TERHADAP SISTEM PERLINDUNGAN DAN MANDAT RESOLUSI PIDM

Di bawah Tonggak Strategik 2, kami berhasrat untuk meningkatkan keyakinan orang awam terhadap PIDM dan sistem kewangan secara amnya. Selama ini, kami telah berjaya mencapai tahap kesedaran awam dan advokasi yang tinggi terhadap PIDM. Pada tahun 2024, ini akan dipertingkatkan dengan penggunaan saluran komunikasi digital yang lebih meluas. Kami juga akan terus meningkatkan pendidikan "mengapa, apa dan bagaimana" berkaitan peranan PIDM dalam menyelesaikan institusi ahli yang bermasalah kepada orang awam dan pihak media. Ini merupakan asas yang penting dalam mendapatkan kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan awam terhadap peranan dan tindakan PIDM sekiranya berlaku intervensi atau resolusi.

Pada tahun 2024, inisiatif korporat utama yang menyokong tonggak strategik ini termasuk memanfaatkan literasi kewangan untuk meningkatkan kefahaman dan advokasi orang awam terhadap PIDM, meluaskan kesedaran dan pemahaman mengenai peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi untuk institusi ahli, memahami lebih lanjut tentang tingkah laku konsumen melalui penyelidikan tingkah laku, mengkaji semula polisi dan skop perlindungan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, serta mengekalkan hubungan erat dengan pihak berkepentingan antarabangsa kami. Sebanyak RM5.3 juta diperuntukkan untuk Tonggak Strategik 2.

STRATEGI

STRATEGI

TONGGAK STRATEGIK 3: MENJAYAKAN KESEDIAAN PIDM MELALUI KEBERKESANAN ORGANISASI, TRANSFORMASI DIGITAL DAN TADBIR URUS KUKUH

Matlamat Tonggak Strategik 3 adalah untuk meningkatkan kesediaan resolusi PIDM dengan menukar penetapan minda organisasi kami daripada “keadaan tetap” kepada ketangkasan dan kesediaan untuk mendepani perubahan, dengan mengambil kira risiko dan peluang daripada kemajuan teknologi, keselamatan siber, pengurusan perubahan, cara kerja baharu dan faktor luaran lain. Penggerak utama insan, teknologi maklumat, tadbir urus dan operasi adalah penting dalam menyokong objektif strategik PIDM, justeru memerlukan pelaburan berterusan dan perancangan proaktif untuk mempersiapkan PIDM bagi mendepani cabaran masa depan.

Inisiatif korporat utama untuk tahun 2024 di bawah tonggak ini termasuk meningkatkan kemahiran kakitangan PIDM untuk masa hadapan, memodenkan infrastruktur dan proses teknologi maklumat, memperkuatkannya keselamatan siber dengan pemantauan berterusan dan latihan simulasi, meningkatkan analisis data dan penggunaan teknologi untuk kesediaan resolusi dan keberkesanannya operasi, mematuhi standard tadbir urus yang teguh, dan melaksanakan operasi pejabat sepenuhnya di bangunan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB). Sebanyak RM122.6 juta diperuntukkan untuk Tonggak Strategik 3.

Di samping itu, rancangan PIDM pada masa hadapan mempertimbangkan kemajuan, peluang, cabaran, serta perkembangan baharu yang berlaku dalam persekitaran operasinya. Berdasarkan pengajaran utama daripada Kegagalan Bank Musim Bunga 2023,¹ kami akan mempertimbangkan cadangan polisi baharu untuk insurans deposit, resolusi bank dan pengurusan krisis kewangan dalam konteks sistem kewangan Malaysia. Kami juga akan mengkalibrasi semula strategi kami pada tahun 2024 untuk mencapai hasil yang lebih efektif dalam bidang seperti persediaan krisis, resolusi dan tadbir urus Syariah, komunikasi awam, serta transformasi digital dalam dan kecemerlangan operasi.

Secara ringkasnya, kami akan terus memastikan tahap kesediaan resolusi yang tinggi secara dalaman dan dengan kerjasama pihak berkepentingan luar, dan terus memupuk penglibatan awam, pemahaman serta keyakinan yang tinggi dalam sistem perlindungan dan mandat resolusi PIDM.


Sorotan Pelan Kewangan 2024

Fokus utama Pelan Kewangan 2024 adalah untuk menyokong penerusan strategi taktikal, inisiatif dan pencapaian kami seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat 2024. Perbelanjaan modal insan yang terkandung dalam Tonggak Strategik 3, kekal sebagai pemacu kos utama pelan kewangan kami.

Unjurian Pendapatan

Jumlah pendapatan diunjurkan sebanyak RM877.0 juta, iaitu merangkumi premium daripada bank ahli berjumlah RM540.0 juta dan levi daripada ahli penginsurans berjumlah RM105.0 juta serta pendapatan pelaburan dan pulangan sebanyak RM232.0 juta.

Pendapatan pelaburan dijangka akan terus meningkat dengan stabil apabila pelaburan dengan hasil rendah dilabur semula pada hasil yang lebih tinggi. Namun begitu, berdasarkan prospek global, kami menjangkakan kadar dan hasil akan menjadi sederhana dalam jangka masa terdekat atau akan datang. Oleh itu, kami akan kekal berhati-hati dan fleksibel dalam menguruskan portfolio pelaburan kami untuk bertindak balas terhadap perubahan dalam persekitaran pasaran dan makro-ekonomi.



Proforma yang menggambarkan unjurian pendapatan PIDM serta bajet operasi dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2024 adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Unjurian Pendapatan dan Bajet Perbelanjaan Operasi

	Bajet 2024		Bajet 2023	
	RM'000	%	RM'000	%
Pendapatan				
Hasil premium dan levi	645,000	74	620,000	79
Pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	232,000	26	168,000	21
Jumlah pendapatan	877,000	100	788,000	100
Perbelanjaan Operasi				
Perbelanjaan pengurusan modal insan	80,925	63	77,000	61
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	22,143	17	20,337	16
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17,748	14	23,363	18
Jumlah perbelanjaan operasi sebelum perbelanjaan bukan tunai	120,816	94	120,700	95
Perbelanjaan bukan tunai	7,900	6	6,000	5
Jumlah perbelanjaan operasi	128,716	100	126,700	100
Lebihan bersih	748,284		661,300	

Bajet Perbelanjaan Pembangunan

	Bajet 2024		Bajet 2023	
	RM'000	%	RM'000	%
Perbelanjaan Pembangunan				
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	4,000	60	250	3
Sistem komputer dan peralatan pejabat	2,679	40	6,750	93
Kenderaan bermotor	-	-	300	4
Jumlah	6,679	100	7,300	100

¹ Rujuk artikel "Pengajaran Utama daripada Peristiwa Kegagalan Bank Musim Bunga 2023" di Bahagian I ⚪

BAHAGIAN IV

PENYATA

KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah

Pernyataan Pengarah

Akuan Berkanun

Sijil Ketua Audit Negara

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain

Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab

Penyata Aliran Tunai

Nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit ("DIS") dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS"). PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) ("Akta PIDM").

DIS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala TIPS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk mengetengahkan dan menangani sebarang perkara berbangkit perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- i. Deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. Manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit ("DIFs") serta empat Dana Perlindungan berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPFs"). Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan yang berasingan tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi tahun kewangan:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit	566,788	531,639
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	163,836	114,396
	730,624	646,035

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab.

Para Pengarah berpendapat bahawa keputusan operasi PIDM sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh mana-mana item, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

KEPUTUSAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Jumlah Dana Perlindungan terkumpul pada akhir tahun kewangan ialah:

	2023 RM'000	2022 RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Dana Insurans Deposit Konvensional	3,396,257	2,991,960
Dana Insurans Deposit Islam	935,959	773,468
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	4,332,216	3,765,428
 Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Dana Perlindungan Insurans Am	1,429,889	1,386,739
Dana Perlindungan Insurans Hayat	677,448	580,767
Dana Perlindungan Takaful Am	46,207	39,099
Dana Perlindungan Takaful Keluarga	112,325	95,428
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	2,265,869	2,102,033

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 ialah:

Pengerusi Lembaga Pengarah

- Dato Sri (Dr) Zukri bin Samat (dilantik pada 1 November 2023)
- Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff (bersara pada 14 Ogos 2023)

Pengarah *ex officio*

- 1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
 - Datuk Johan Mahmood Merican¹ (dilantik pada 27 Februari 2023)
 - Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon² (bersara pada 3 Januari 2023)
- 2) Gabenor Bank Negara Malaysia
 - Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour³ (dilantik pada 1 Julai 2023)
 - Tan Sri Nor Shamsiah binti Mohd Yunus³ (bersara pada 30 Jun 2023)

PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

Pengarah

- Dato' Nor Eni binti Ismail
- Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
- Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
- Dato' Dr. Gan Wee Beng
- Puan Gloria Goh Ewe Gim
- Encik Lee Kong Eng
- Puan Suhara binti Husni

(dilantik pada 15 September 2023)

(bersara pada 31 Julai 2023)

Pengarah *ex officio* adalah Pengarah yang dilantik atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) (b) dan (c) Akta PIDM. Ahli-ahli Lembaga Pengarah PIDM selain daripada Pengarah *ex officio* telah dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 11(2) Akta PIDM.

Pengarah silih ganti kepada Pengarah *ex officio* telah dilantik di bawah seksyen 11(2B) Akta PIDM. Menurut seksyen 13(3) Akta PIDM, Pengarah silih ganti hendaklah, melainkan tugas itu dibatalkan lebih awal secara bertulis atau jawatan itu tidak lagi wujud, dihentikan dari menjadi Pengarah silih ganti apabila Pengarah prinsipal berhenti dari menjadi ahli Lembaga Pengarah.

MANFAAT PENGARAH

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, sebarang pengaturan yang melibatkan PIDM, di mana para Pengarah berkemungkinan menerima apa-apa manfaat menerusi perolehan saham atau debentur mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat daripada emolument diterima atau berbayar kepada para Pengarah, seperti mana dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

PENJEJASAN NILAI DAN KAEDAH PENILAIAN

Sebelum Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain serta Penyata Kedudukan Kewangan disediakan, para Pengarah telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan penjejasan nilai yang ketara perlu dibuat, dan para Pengarah juga tidak mengetahui akan apa-apa keadaan yang memerlukan penjejasan nilai yang perlu dibuat. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan lain yang akan memerlukan sebarang penjejasan nilai dalam penyata kewangan PIDM.

Para Pengarah juga telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menentukan nilai-nilai aset dan liabiliti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan PIDM. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

¹ Pengarah silih ganti: Encik Abdillah bin Azizudin; dahulunya Encik Ashadi bin Ramly

² Pengarah silih ganti: Dato' Shahrol Anuar bin Sarman

³ Pengarah silih ganti: Datuk Jessica Chew Cheng Lian

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

PERKARA YANG BERSIFAT LUAR BIASA

Tidak timbul dalam selang antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa, yang berkemungkinan besar menjelaskan keputusan operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa ketika laporan ini dibuat.

Pada tarikh laporan ini, tiada sebarang caj ke atas aset PIDM yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain.

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian dalam mengendali Sistem Perlindungan

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah DIS serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah TIPS. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Pada tarikh penyata kewangan, tiada peristiwa khusus yang melibatkan institusi ahli PIDM yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus dalam penyata kewangannya selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards - "MFRS"*) 137 Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets.

Sebagai sebahagian daripadanya, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk mengetengahkan dan menangani sebarang perkara berbangkit perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli. Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab di dalam setiap Dana Perlindungan menerusi pengumpulan lebihan bersih tahunan.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Dana Perlindungan bagi memenuhi obligasi untuk menampung kerugian bersih apabila berlaku. Seperti yang dibincangkan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi DIFs dan TIPFs untuk menentukan tahap dana yang mencukupi bagi memenuhi kerugian bersih yang dijangka daripada aktiviti-aktiviti intervensi dan resolusi kegagal.

Sekiranya sesuatu Dana Perlindungan tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi obligasinya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk membangunkan dana mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut, termasuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Lain-lain liabiliti luar jangka

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, para Pengarah berpendapat bahawa selain daripada hal ehwal yang dibincangkan di atas, tidak wujud:

- Sebarang liabiliti luar jangka selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- Sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan berkuat kuasa dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan ini, yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

PIDM telah memperbadankan lima subsidiari sebagai sebahagian daripada usaha PIDM bagi memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagal. Menurut seksyen 10, Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi menjalankan fungsi, kuasa dan obligasinya. Subsidiari tersebut diperbadankan awal sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi PIDM sebelum berlakunya sebarang kegagal institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dorman sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi dan resolusi kegagal yang perlu. Asas perakaunan serta butiran subsidiari-subsidiari dihuraikan dengan lanjut di Nota 2.2(b), Nota 3.1(a) dan Nota 7 kepada pernyata kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan MFRS dan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – "IFRS"*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2023, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah

Dato Sri (Dr) Zukri bin Samat
Pengerusi Lembaga Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
27 Februari 2024

Puan Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Dato Sri (Dr) Zukri bin Samat dan Puan Gloria Goh Ewe Gim, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan telah disediakan dan dibentangkan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) ("Akta PIDM") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards - "MFRS"*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards - "IFRS"*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2023, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah

Dato Sri (Dr) Zukri bin Samat
Pengerusi Lembaga Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
27 Februari 2024

Puan Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

AKUAN BERKANUN

OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) ("Akta PIDM") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards - "MFRS"*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards - "IFRS"*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2023, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan. Kepatuhan kepada sistem kawalan dan amalan disahkan oleh fungsi audit dalaman yang bebas yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkunun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang telah diluluskan pada 27 Februari 2024.

Kami, Rafiz Azuan bin Abdullah dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkunun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 27 Februari 2024

Rafiz Azuan bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Naib Presiden Eksekutif
CA (M) 24850

Di hadapan saya,
Pesuruhjaya Sumpah



Level 25, Menara Hong Leong,
No. 6, Jalan Damanlela Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Dana dan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 97.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Insurans Deposit Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjelaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 MAC 2024



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER

	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	103,144	68,563
Pelaburan	5	6,410,229	5,735,010
Aset lain	6	68,190	51,741
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	-*	-*
Hartanah dan peralatan	8	30,866	31,737
Aset berkaitan hak penggunaan	9	8,699	9,825
Jumlah Aset		6,621,128	5,896,876
LIABILITI			
Akaun belum bayar	11	13,518	18,511
Liabiliti pajakan	10	9,525	10,904
Jumlah Liabiliti		23,043	29,415
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
<i>Lebihan terkumpul</i>	12a	4,332,216	3,765,428
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
<i>Lebihan terkumpul</i>	12b	2,265,869	2,102,033
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		6,598,085	5,867,461
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		6,621,128	5,896,876

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran. Rujuk Nota 7 untuk butiran lanjut.

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000
Hasil premium dan levi	13	643,390	607,884
Pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	14	198,936	139,624
Pendapatan lain		63	68
Jumlah pendapatan		842,389	747,576
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	77,934	69,699
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	22,655	19,397
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	11,035	12,918
Jumlah perbelanjaan		111,624	102,014
Lebihan bersih bagi tahun semasa		730,765	645,562
Pendapatan komprehensif lain			
Pengukuran semula Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	11ii	(141)	473
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	21	730,624	646,035

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

	Nota	Dana Insurans Deposit Konvensional RM'000	Dana Insurans Deposit Islam RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
Lebihan terkumpul				
Pada 1 Januari 2022	12a	2,613,909	619,880	3,233,789
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		378,051	153,588	531,639
Pada 31 Disember 2022	12a	2,991,960	773,468	3,765,428
Pada 1 Januari 2023	12a	2,991,960	773,468	3,765,428
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		404,297	162,491	566,788
Pada 31 Disember 2023	12a	3,396,257	935,959	4,332,216

KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

	Nota	Dana Perlindungan Insurans Am RM'000	Dana Perlindungan Insurans Hayat RM'000	Dana Perlindungan Takaful Am RM'000	Dana Perlindungan Takaful Keluarga RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
Lebihan terkumpul						
Pada 1 Januari 2022	12b	1,357,402	517,212	33,372	79,651	1,987,637
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		29,337	63,555	5,727	15,777	114,396
Pada 31 Disember 2022	12b	1,386,739	580,767	39,099	95,428	2,102,033
Pada 1 Januari 2023	12b	1,386,739	580,767	39,099	95,428	2,102,033
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		43,150	96,681	7,108	16,897	163,836
Pada 31 Disember 2023	12b	1,429,889	677,448	46,207	112,325	2,265,869

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli		643,390	607,884
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(104,136)	(92,065)
Penerimaan pendapatan pelaburan dan pulangan		248,135	222,902
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		787,389	738,721
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada kematangan sekuriti pelaburan		2,365,560	1,680,986
Pembelian sekuriti pelaburan		(3,106,407)	(2,436,182)
Hasil daripada pelupusan harta tanah dan peralatan		65	-
Pembelian harta tanah dan peralatan		(7,434)	(4,432)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(748,216)	(759,628)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	10	(4,195)	(4,518)
Kos kewangan pajakan	9b	(397)	(404)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		(4,592)	(4,922)
Peningkatan/(penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		34,581	(25,829)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		68,563	94,392
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	103,144	68,563

Nota: Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit (*Deposit Insurance System – “DIS”*) dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (*Takaful and Insurance Benefits Protection System – “TIPS”*). PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) (“Akta PIDM”).

DIS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala TIPS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk mengetengahkan dan menangani sebarang perkara berbangkit perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- i. Deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. Manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit (*Deposit Insurance Funds – “DIFs”*) serta empat Dana Perlindungan berasingan bagi setiap segmen urusan dalam TIPS yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (*Takaful and Insurance Benefits Protection Funds – “TIPFs”*). Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan berasingan tersebut.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan ini melalui resolusinya pada 27 Februari 2024.

2. POLISI PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – “MFRS”*) yang berkaitan. Penyata kewangan ini juga mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – “IFRS”*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards Board – “IASB”*).

Asas-asas pengukuran yang digunakan, dan polisi perakaunan yang digunakan bagi penyediaan penyata kewangan diterangkan di dalam Nota 2.2. Penilaian dan anggaran perakaunan ketara diterangkan di dalam Nota 3.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua DIFs dan TIPFs oleh PIDM. Kumpulan Dana Perlindungan Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

PIDM membentangkan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut urutan kecairan. Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diimbangi dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, dan seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam polisi perakaunan PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (“RM’000”), kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan polisi perakaunan

(a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Kaedah pengukuran

Kos terlunas dan kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan

Kos terlunas ialah amaun di mana aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur ketika pengiktirafan awal, yang telah ditolak pembayaran balik prinsipal, serta dicampur atau ditolak pelunasan terkumpul yang dikira menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan untuk perbezaan di antara amaun permulaan dan amaun kematangan. Juga, bagi aset kewangan, ianya diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian. Amaun bawaan kasar suatu aset kewangan adalah kos terlunas suatu aset kewangan sebelum diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian.

Kaedah kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah satu kaedah untuk mengira kos terlunas suatu instrumen hutang dan memperuntukkan pendapatan faedah atau pulangan sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah kadar sebenar yang mendiskau penerimaan atau pembayaran tunai masa hadapan sepanjang jangkaan tempoh hayat aset kewangan atau liabiliti kewangan terhadap amaun bawaan kasar suatu aset kewangan (iaitu kos terlunasnya sebelum sebarang peruntukan penjejasan nilai) atau terhadap kos terlunas suatu liabiliti kewangan. Pengiraan tersebut tidak mengambil kira jangkaan kerugian kredit, dan termasuk kos urus niaga, premium atau diskau dan yuran serta perkara lain yang dibayar atau diterima yang ketara terhadap kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan, seperti yuran permulaan. Bagi aset kewangan yang dibeli atau asalnya terjejas kredit (“POCI”) iaitu aset kewangan yang terjejas kredit ketika pengiktirafan awal, PIDM mengira kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan yang diselaraskan kredit, yang berdasarkan kos terlunas aset kewangan tersebut dan bukan amaun bawaan kasarnya, dan yang telah mengambil kira impak jangkaan kerugian kredit bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap aman bawaan kasar aset kewangan, kecuali bagi:

- Aset kewangan POCI, yang mana kadar efektif asal bagi faedah atau pulangan yang telah diselaras kredit digunakan terhadap kos terlunas aset kewangan; atau
- Aset kewangan yang bukan POCI tetapi kemudiannya menjadi terjejas kredit [atau dikenali sebagai Peringkat 3 (rujuk kepada Penjejasan nilai aset kewangan)], di mana pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap kos terlunas berkenaan (iaitu selepas ditolak peruntukan bagi jangkaan kerugian kredit).

Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama ialah harga yang akan diterima untuk menjual suatu aset kewangan atau dibayar untuk memindahkan liabiliti kewangan dalam urus niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran nilai. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa urus niaga penjualan aset kewangan atau pemindahan liabiliti kewangan tersebut berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan; atau
- Jika tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah tersebut hendaklah boleh diakses oleh PIDM.

Nilai saksama bagi suatu aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dengan menggunakan andaian yang diguna oleh peserta pasaran bagi menetapkan harga aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak berdasarkan kepentingan ekonomi yang terbaik bagi mereka.

PIDM menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan yang mana data mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, dengan memaksimumkan input boleh diperhatikan yang relevan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama yang dinyatakan di bawah, berdasarkan input tahap terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 — Sebut harga pasaran yang tidak diubah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang serupa, yang diperoleh dari pasaran aktif.

Tahap 2 — Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 — Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)

PIDM menyediakan maklumat nilai saksama mengenai pelaburannya adalah bagi tujuan pendedahan pelaporan.

Bagi aset dan liabiliti kewangan yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, PIDM akan menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori yang digunakan (berdasarkan input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada asalnya diukur pada nilai saksama. Kos langsung transaksi terhadap perolehan atau terbitan aset kewangan dan liabiliti kewangan (selain daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) adalah ditambah kepada atau ditolak daripada nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan tersebut, sekiranya perlu, ketika pengiktirafan awal. Kos langsung transaksi terhadap perolehan aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf terus di dalam keuntungan atau kerugian.

Semua kaedah biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf berdasarkan tarikh dagangan, iaitu tarikh apabila PIDM terikat untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kaedah pembelian atau penjualan biasa merupakan pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen pasaran.

Klasifikasi dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan yang diiktiraf diukur seterusnya secara keseluruhan sama ada pada kos terlunas atau nilai saksama, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan tersebut.

Semua liabiliti kewangan diklasifikasi dan diukur seterusnya pada kos terlunas, melainkan ia dinyatakan sebaliknya.

Dalam menentukan klasifikasi aset kewangan, PIDM mempertimbangkan syarat-syarat berikut:

- Model urusniaga PIDM bagi mengurus aset kewangan tersebut; dan
- Ciri-ciri aliran tunai aset kewangan tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Model perniagaan

Model perniagaan menunjukkan bagaimana PIDM mengurus aset kewangannya untuk menghasilkan aliran tunai. Iaitu, sama ada objektif PIDM adalah hanya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak daripada aset atau untuk mengumpul kedua-dua aliran tunai berkontrak dan aliran tunai daripada penjualan aset. Sekiranya kedua-duanya tidak diguna pakai (contohnya aset kewangan yang dipegang bagi tujuan dagangan), aset kewangan tersebut diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada modal perniagaan ‘lain’ dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Model perniagaan PIDM tidak dinilai mengikut instrumen, tetapi pada peringkat tinggi atau peringkat portfolio beragregat dan berpandukan faktor-faktor seperti:

- Bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama PIDM; dan
- Risiko-risiko yang menjelaskan prestasi model perniagaan tersebut (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut) dan, khususnya, kaedah risiko-risiko ini diurus.

Penilaian model perniagaan adalah berdasarkan senario munasabah yang dijangkakan tanpa mengambil kira senario ‘kes terburuk’ atau ‘kes tekanan’. Sekiranya aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal, PIDM tidak mengubah klasifikasi aset kewangan selebihnya yang dipegang dalam model perniagaan tersebut, tetapi sebaliknya memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan terbitan baru atau yang baru dibeli, bagi tempoh kehadapan. Klasifikasi semula diambil kira dari bermulanya perubahan pertama tempoh pelaporan. Perubahan-perubahan ini dijangka jarang berlaku. Tiada perubahan ini berlaku dalam tempoh pelaporan.

Ujian ‘hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan’ (Solely payments of principal and interest or return – “SPPI”)

Sebagai langkah kedua proses klasifikasi, PIDM menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi ujian SPPI.

‘Prinsipal’ untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada peringkat pengiktirafan awal dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya, sekiranya pembayaran semula prinsipal atau pelunasan premium atau diskuan dibuat).

Dalam membuat penilaian ini, PIDM mempertimbangkan sama ada aliran tunai berkontrak adalah selaras dengan aturan peminjaman asas iaitu faedah atau pulangan hanya termasuk pertimbangan untuk nilai tunai hadapan, risiko kredit, risiko peminjaman asas lain dan margin keuntungan, yang selaras dengan aturan peminjaman asas. Sekiranya terma kontrak memperkenalkan pendedahan kepada risiko atau turun naik yang tidak konsisten dengan aturan peminjaman asas, aset kewangan berkenaan diklasifikasikan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Aset kewangan yang terbabit dengan derivatif adalah dikira secara keseluruhan apabila menentukan sama ada aliran tunainya adalah semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Ujian ‘hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan’ (Solely payments of principal and interest or return – “SPPI”) (sambungan)

Butiran klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan PIDM diterangkan di bawah.

Aset kewangan

i. Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dalam instrumen pasaran wang serta pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian. Tunai dan kesetaraan tunai dibawa pada kos terlunas di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung. Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung juga dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

ii. Sekuriti pelaburan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada kos terlunas:

- Aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak; dan
- Terma kontrak aset kewangan yang menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan (iaitu melepas ‘ujian SPPI’) ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income - “FVTOCI”*):

- Aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya tercapai melalui pengumpulan aliran tunai berkontrak dan penjualan aset kewangan tersebut; dan
- Terma-terma kontrak aset kewangan tersebut juga menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Sekuriti pelaburan PIDM merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia yang boleh dipasarkan, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Hutang Swasta. PIDM melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang dipegang sehingga tempoh matang bagi mengumpul aliran tunai berkontrak dan bukan untuk didagangkan. Aliran tunai berkontrak bagi sekuriti pelaburan tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak. Oleh yang demikian, sekuriti pelaburan ini diukur pada kos terlunas.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

iii. Akaun belum terima lain

Akaun belum terima lain merangkumi aset kewangan yang dipegang dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak, di mana aliran tunai berkontrak tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak dan dibawa pada kos terlunas dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti kewangan

Melainkan dinyatakan sebaliknya, PIDM mengukur liabiliti kewangannya pada kos terlunas, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

Penyahiktirafan

i. Aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila:

- Hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat; atau
- PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut atau telah mengambil alih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah perjanjian '*pass-through*', dan sama ada:
 - PIDM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut; atau
 - PIDM tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

Apabila PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memeterai perjanjian '*pass-through*', dan tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu, aset tersebut akan masih diiktiraf oleh PIDM selagi ada tahap penglibatan berterusan PIDM pada aset tersebut. Dalam kes itu, PIDM juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Aset dan liabiliti berkaitan yang telah dipindahkan tersebut akan diukur pada asas yang mencerminkan hak dan obligasi PIDM yang masih dikenakan.

Apabila aset kewangan yang diukur pada kos terlunas dinyahiktirafkan, perbezaan di antara nilai bawaan aset dan jumlah penerimaan yang diterima serta belum terima adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Di samping itu, apabila suatu pelaburan dalam instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai FVTOCI dinyahiktirafkan, keuntungan atau kerugian yang sebelum ini terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, akan diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian.

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penyahiktirafan (sambungan)

ii. Liabiliti kewangan

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Jika suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh liabiliti lain daripada pemberi pinjaman yang sama, tetapi atas terma yang nyata berbeza atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan ke atas liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu berlaku. Perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Penjejasan nilai asset kewangan

PIDM mengiktiraf suatu peruntukan kerugian kredit (*Expected credit loss – "ECL"*) ke atas aset kewangannya yang diukur pada kos terlunas atau pada FVTOCI. Amaun kerugian kredit yang dijangkakan dikemas kini pada setiap tarikh pelaporan untuk mencerminkan perubahan risiko kredit sejak pengiktirafan awal instrumen hutang.

Bagi semua aset kewangan yang tertakluk kepada keperluan penjejasan nilai, PIDM mengiktiraf ECL jangka hayat apabila terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit berbanding pengiktirafan awal. Walau bagaimanapun, sekiranya risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM mengukur peruntukan kerugian bagi instrumen kewangan tersebut pada amaun yang sama dengan ECL selama 12 bulan.

ECL jangka hayat merupakan kerugian kredit yang dijangkakan daripada kesemua kebarangkalian kegagalan sesuatu instrumen kewangan, dalam tempoh hayatnya. Sebaliknya, ECL 12 bulan merupakan sebahagian daripada ECL jangka hayat yang mencerminkan kebarangkalian peristiwa kegagalan suatu instrumen kewangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal

Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
(Peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal) Kerugian kredit 12 bulan yang dijangkakan	(Peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal) Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan	(Aset terjejas kredit) Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan

i. Peningkatan ketara dalam risiko kredit

Dalam menilai sama ada risiko kredit ke atas instrumen kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM membandingkan risiko kegagalan berlaku bagi suatu instrumen kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan berlaku bagi instrumen kewangan tersebut pada tarikh pengiktirafan awal. Dalam melaksanakan penilaian ini, PIDM mempertimbangkan kedua-dua maklumat kuantitatif dan kualitatif yang munasabah dan boleh disokong, termasuk pengalaman sejarah dan maklumat berpandangan ke hadapan yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Maklumat berpandangan ke hadapan yang dipertimbangkan termasuk yang diperoleh daripada laporan pakar ekonomi, penganalisa kewangan, badan-badan kerajaan serta pertimbangan pelbagai sumber luaran maklumat ekonomi sebenar dan ramalan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai asset kewangan (sambungan)

i. Peningkatan ketara dalam risiko kredit (sambungan)

Secara khusus, maklumat berikut diambil kira apabila menilai sama ada risiko kredit telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal:

- Kemerosotan ketara yang sebenar atau yang dijangkakan dalam penarafan kredit luaran atau penilaian kredit oleh agensi penarafan yang diiktiraf, bagi instrumen kewangan tersebut;
- Kemerosotan ketara dalam petunjuk pasaran luaran risiko kredit bagi instrumen kewangan tertentu, contohnya, peningkatan ketara dalam penyebaran kredit, harga swap mungkir kredit bagi peminjam, atau tempoh masa atau tahap yang mana nilai saksama suatu aset kewangan adalah rendah daripada kos terlunasnya;
- Perubahan sedia ada atau yang diramalkan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka akan menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya;
- Kemerosotan ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam hasil operasi peminjam;
- Peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain peminjam yang sama;
- Toleransi atau penstruktur semula sebenar atau yang dijangkakan; dan
- Perubahan buruk ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam persekitaran kawal selia, ekonomi, atau operasi peminjam yang menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya.

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap bahawa risiko kredit ke atas suatu aset kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal apabila pembayaran kontrak melebihi 30 hari lampau tempoh, kecuali PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang menunjukkan sebaliknya.

Walaupun demikian, PIDM mengandaikan bahawa risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal sekiranya instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan. Suatu instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah sekiranya:

- Instrumen kewangan tersebut mempunyai risiko kegagalan yang rendah;
- Peminjam mempunyai keupayaan kukuh untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontrak dalam tempoh terdekat; dan
- Perubahan buruk dalam keadaan ekonomi dan perniagaan dalam tempoh yang lebih panjang, berkemungkinan tetapi tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontraknya.

PIDM menganggap suatu aset kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah apabila aset tersebut mempunyai penarafan kredit luaran 'gred pelaburan' menurut takrifan yang difahami di peringkat global atau sekiranya tiada penarafan luaran, aset tersebut mempunyai penarafan dalaman sebagai 'baik' atau 'berbayar' ('performing'). Baik atau berbayar bermaksud bahawa pihak yang terlibat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tiada amaun tidak berbayar sebelum ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai asset kewangan (sambungan)

i. Peningkatan ketara dalam risiko kredit (sambungan)

PIDM sentiasa memantau keberkesanan kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, serta menyemak kriteria tersebut sekiranya perlu bagi memastikan kriteria tersebut berupaya mengenal pasti peningkatan ketara dalam risiko kredit sebelum amanah tersebut lewat tempoh bayarannya.

ii. Definisi kegagalan

PIDM menganggap perkara berikut sebagai peristiwa kegagalan bagi tujuan pengurusan risiko kredit dalaman, berdasarkan pengalaman sejarah yang menunjukkan bahawa aset kewangan yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut secara umumnya tidak boleh diperolehi semula:

- Apabila terdapat pelanggaran perjanjian kewangan oleh pihak yang terlibat; atau
- Maklumat yang dibangunkan secara dalaman atau diperolehi dari sumber luaran menunjukkan bahawa pihak berkenaan tidak mungkin membayar pemutangnya, termasuk PIDM, secara penuh (tanpa mengambil kira sebarang cagaran yang dipegang oleh PIDM).

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap kegagalan telah berlaku apabila pembayaran berkenaan suatu aset kewangan melebihi 90 hari lampau tempoh, kecuali apabila PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai untuk menunjukkan bahawa kriteria kegagalan yang memberi tempoh lebih lama adalah lebih sesuai untuk digunakan.

iii. Aset kewangan terjejas kredit

Aset kewangan dianggap terjejas kredit apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan berkenaan, telah berlaku. Bukti bahawa suatu aset kewangan terjejas kredit termasuk data yang dapat diperhatikan mengenai peristiwa-peristiwa berikut:

- Kesukaran kewangan ketara yang dihadapi oleh penerbit atau peminjam;
- Pelanggaran kontrak, seperti peristiwa mungkir atau kelewatan tempoh bayaran yang ketara;
- Pemberi pinjaman kepada pihak yang terlibat memberi konsesi peminjam yang dalam kebiasaannya tidak akan diberikan, atas sebab kemerosotan ekonomi atau kesukaran kewangan peminjam dalam memenuhi tuntutan kontrak;
- Peminjam berkemungkinan akan menghadapi kebankrakan atau akan melalui pengaturan semula kewangan yang lain; atau
- Kehilangan pasaran yang aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan.

iv. Hapus kira

PIDM menghapus kira suatu aset kewangan apabila terdapat maklumat yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesukaran kewangan yang teruk dan tiada prospek pemulihan yang realistik, contohnya, apabila penghutang diletakkan di bawah proses pembubaran atau telah menghadapi prosiding kebankrakan. Aset kewangan yang dihapus kira mungkin tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan di bawah prosedur pemulihan PIDM, dengan mengambil kira nasihat perundangan sekiranya wajar. Sebarang pemulihan yang dibuat adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai asset kewangan (sambungan)

v. Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit

Pengukuran ECL merupakan fungsi kebarangkalian kegagalan, kerugian akibat kegagalan (iaitu tahap kerugian sekiranya berlaku kegagalan) dan pendedahan semasa kegagalan, seperti yang diterangkan di bawah:

- PD Kebarangkalian kegagalan (*Probability of Default*) merupakan anggaran kemungkinan kegagalan entiti yang mungkin terhadap obligasi/pembayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan (iaitu lebih dari 12 bulan atau sepanjang jangka hayat instrumen kewangan).
- EAD Pendedahan semasa kegagalan (*Exposure at Default*) merupakan anggaran pendedahan pada tarikh kegagalan masa hadapan, dengan mengambil kira perubahan yang dijangkakan dalam pendedahan selepas tarikh pelaporan, termasuk pembayaran balik prinsipal dan faedah atau pulangan, sama ada kontrak berjadual atau sebaliknya, pengurangan yang dijangkakan kepada komitmen kemudahan, dan faedah atau pulangan terakru daripada pembayaran yang tidak dibuat.
- LGD Kerugian akibat kegagalan (*Loss Given Default*) merupakan anggaran kerugian yang timbul akibat kegagalan yang berlaku dalam tempoh yang dinyatakan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang perlu diterima oleh pemberi pinjaman, termasuk daripada realisasi apa-apa cagaran atau pemulihan aset. Ia biasanya dinyatakan sebagai peratusan daripada EAD.

Penilaian PD dan LGD adalah berdasarkan data sejarah yang diselaraskan dengan maklumat berpandangan ke hadapan seperti yang diterangkan di atas, khususnya input makroekonomi seperti ukuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK"), yang telah dinilai mempunyai korelasi tertinggi kepada penarafan kredit.

Apabila menganggarkan ECL, khususnya instrumen hutang, PIDM mempertimbangkan beberapa senario di mana setiap senario dikaitkan dengan PD yang berbeza yang digunakan untuk mengukur ECL. Senario yang dipertimbangkan untuk tempoh pelaporan dan wajaran senario ditentukan berdasarkan analisis statistik dan pertimbangan pakar, dengan mengambil kira pelbagai perwakilan hasil daripada setiap senario yang dipilih, serta keadaan persekitaran operasi pada tarikh pelaporan. Sekurang-kurangnya dua senario akan dipertimbangkan dalam menganggarkan ECL pada bila-bila masa.

Senarai senario dan andaian utama, yang diambil kira oleh PIDM adalah seperti berikut:

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023¹

Senario	Deskripsi – Senario Ekonomi Tempatan
Garis Dasar	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka serupa dengan keadaan dan pertumbuhan sejarah. Pertumbuhan KDNK Malaysia antara 4.0% dan 5.6%.
Negatif Sederhana	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka lebih lemah daripada norma jangka panjang. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah kurang daripada 4.0%.
Negatif	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka pada tahap rata atau negatif. KDNK Malaysia dijangka menguncup tidak lebih daripada -4.0%.
Kemerosotan Teruk	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka jauh lebih lemah daripada norma jangka panjang. KDNK Malaysia dijangka menguncup lebih daripada -4.0%.

¹ Sumber kategori senario dan kadar pertumbuhan KDNK adalah diambil dari Rating Agency Malaysia (RAM) MFRS9 SaaS version 4.0.13 – November 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai asset kewangan (sambungan)

v. Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit (sambungan)

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022²

Senario	Deskripsi – Senario Ekonomi Tempatan
Garis Dasar	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka serupa dengan keadaan dan pertumbuhan sejarah. Pertumbuhan KDNK Malaysia antara 4.5% dan 7.0%.
Negatif Sederhana	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka sama dengan situasi dan kadar pertumbuhan lampau. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 1.0% dan 4.5%.
Negatif	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka pada tahap rata atau negatif. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara -5.0% dan 1.0%.
Kemerosotan Teruk	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka jauh lebih lemah daripada norma jangka panjang. KDNK Malaysia dijangka tidak menguncup lebih daripada -5.0%.

Sekiranya PIDM telah mengukur peruntukan kerugian bagi suatu instrumen kewangan pada amaun yang sama dengan ECL jangka hayat dalam tempoh pelaporan terdahulu, tetapi menentukan pada tarikh tempoh pelaporan semasa bahawa syarat-syarat bagi ECL jangka hayat tidak lagi dipenuhi, PIDM mengukur peruntukan kerugian pada amaun yang sama dengan ECL 12 bulan pada tarikh pelaporan semasa.

PIDM mengiktiraf penjejasan nilai pendapatan atau kerugian dalam keuntungan atau kerugian bagi semua instrumen kewangan dengan pelarasian yang sesuai dengan amaun bawaannya melalui akaun peruntukan kerugian, kecuali bagi pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada FVTOCI, di mana peruntukan kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, dan tidak mengurangkan amaun bawaan aset kewangan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(b) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan PIDM pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dipegang untuk jualan.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi dan resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana Perlindungan tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Tambahan lagi, selaras dengan keperluan MFRS 10 *Consolidated Financial Statements* ("MFRS 10"), PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan untuk mempunyai kawalan ke atas subsidiari-subsidiarinya, sebagaimana yang ditakrif di dalam MFRS 10. Ini kerana PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut adalah dihubungkait secara langsung kepada Kumpulan Dana Perlindungan yang berkenaan. Perkara ini dibincangkan secara lanjut di Nota 3.1(a).

² Sumber kategori senario dan kadar pertumbuhan KDNK adalah diambil dari Rating Agency Malaysia (RAM) MFRS9 SaaS version 4.0.9 – November 2022

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(c) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran harta dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang digantikan akan dinyahiktiraf. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian bagi tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

Selepas pengiktirafan awal, harta dan peralatan dinyatakan pada kos selepas mengambil kira susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah pegangan bebas	2.00%
Perabot dan kelengkapan	20.00%
Kenderaan motor	20.00%
Ubah suai pejabat	20.00%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.33%

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. PIDM telah mempermodalkan tanah dan amaun tanah dipermodalkan adalah mengikut pengiktirafan awal menggunakan harga belian di samping kos-kos lain yang berkaitan yang dibelanjakan bagi membawa tanah tersebut kepada keadaannya pada masa sekarang.

Harta dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia untuk diguna.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi harta dan peralatan tersebut. Harta dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(d) Penjejasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan aset bukan kewangannya, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperoleh semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskon yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperoleh semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(d) Penjejasan nilai aset bukan kewangan (sambungan)

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dalam tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana akaun amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset tersebut.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperoleh semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatusnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut telah diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula.

(e) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan DIS dan TIPS diiktiraf mengikut asas akruan. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan caj semua perbelanjaan terhadap Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang berkaitan.

1. Pendapatan

Pendapatan premium dan levi yang diiktiraf dalam sesuatu tahun kewangan ditaksir berdasarkan premium dan levi yang ditaksirkan semasa tahun kewangan tersebut.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan efektif aset tersebut.

2. Perbelanjaan

Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tertentu dicaj kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tersebut.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana akan diagih berdasarkan ketetapan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) (Pindaan) 2017.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(e) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (sambungan)

2. Perbelanjaan (sambungan)

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

- Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada sama ada DIS atau TIPS tetapi merupakan perbelanjaan tidak langsung bagi sistem masing-masing.* Pengagihan bagi kategori perbelanjaan ini adalah berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) untuk sistem masing-masing pada tahun kewangan tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2023, perbelanjaan telah diagihkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022. Kadar peruntukan yang digunakan dalam tahun tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	DIS		TIPS			
	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2023	71.61%	28.39%	26.98%	55.99%	4.55%	12.48%
	100%			100%		
2022	75.11%	24.89%	31.65%	58.47%	2.68%	7.20%
	100%			100%		

- Perbelanjaan yang merupakan kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua DIS dan TIPS.* Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada mana-mana DIS atau TIPS, perlu diperuntukkan berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) bagi setiap Kumpulan Dana Perlindungan di dalam DIS dan TIPS pada tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2023, perbelanjaan sebegini telah dicajkan kepada Dana Perlindungan masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) bagi setiap Dana Perlindungan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022. Asas pengagihan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	DIS		TIPS			
		Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2023	100%	57.90%	22.95%	5.17%	10.72%	0.87%	2.39%
2022	100%	54.94%	18.20%	8.50%	15.71%	0.72%	1.93%

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(f) Manfaat kakitangan

i. Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

ii. Manfaat pasca-pekerjaan

1. Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan. PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

2. Rancangan manfaat ditentukan

PIDM melaksanakan satu rancangan manfaat ditentukan tanpa pendanaan yang dikenali sebagai Rancangan Persaraan Jangka Panjang (Long Term Retirement Plan – "LTRP") dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 Januari 2016. LTRP memberi manfaat kepada pekerja yang berbentuk satuh jaminan pembayaran persaraan secara sekaligus akan diberikan berdasar gaji akhir pekerja. Pembayaran manfaat LTRP bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan.

Peruntukan bagi LTRP yang diiktirafkan di dalam kedudukan penyata kewangan adalah nilai kini obligasi LTRP pada akhir tempoh pelaporan, termasuk pelarasan bagi untung/rugi aktuari dan mananya kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf.

PIDM akan menentukan perbelanjaan faedah bagi LTRP pada tempoh tersebut dengan menggunakan pakai kadar diskain untuk mengukur obligasi LTRP pada permulaan tempoh tahunan kepada LTRP yang seterusnya. Perbelanjaan faedah dan perbelanjaan lain berkaitan dengan LTRP akan dinyatakan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(g) Mata wang asing

i. Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang utama bagi persekitaran ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(g) Mata wang asing (sambungan)

ii. Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing akibat daripada butiran bukan kewangan tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

(h) PIDM sebagai pihak pemajak

PIDM menilai sama ada suatu kontrak merupakan pajakan atau mengandungi terma pajakan, dari permulaan kontrak tersebut. PIDM mengiktiraf aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan yang sepadan bagi semua perjanjian pajakan di mana ia adalah pemajak. Kecuali pajakan jangka pendek (ditakrifkan sebagai pajakan dengan tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang) dan pajakan aset bernilai rendah, di mana PIDM mengiktiraf pembayaran pajakan tersebut sebagai perbelanjaan operasi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan, melainkan terdapat kaedah sistematik lain yang lebih sesuai bagi corak masa di mana manfaat ekonomi aset pajakan itu digunakan.

Liabiliti pajakan di peringkat awalnya diukur pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan yang belum berbayar pada tarikh permulaan, yang didiskaunkan dengan menggunakan kadar tersirat bagi pajakan tersebut. Jika kadar ini tidak dapat ditentukan dengan tepat, PIDM menggunakan kadar peminjaman tambahannya.

Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada:

- Pembayaran pajakan tetap (termasuk isi kandungannya adalah pembayaran tetap), selepas ditolak sebarang insentif pajakan;
- Pembayaran pajakan boleh ubah yang bergantung kepada suatu indeks atau kadar, yang pada mulanya diukur dengan menggunakan indeks atau kadar berkenaan pada tarikh permulaan;
- Amaun yang dijangka dibayar oleh pemajak di bawah jaminan nilai sisa;
- Harga laksana opsyen pembelian, sekiranya pemajak adalah munasabah pasti untuk melaksanakan opsyen tersebut; dan
- Pembayaran penalti bagi penamatkan pajakan, sekiranya terma pajakan berkenaan ada mencerminkan suatu opsyen bagi menamatkan pajakan tersebut.

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi perakaunan (sambungan)

(h) PIDM sebagai pihak pemajak (sambungan)

Liabiliti pajakan dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti pajakan seterusnya diukur dengan menaikkan amaun bawaan untuk mencerminkan faedah atau pulangan ke atas liabiliti pajakan (menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan) dan dengan mengurangkan amaun bawaan untuk mencerminkan pembayaran pajakan yang dibuat.

PIDM mengukur semula liabiliti pajakan (dan membuat penyesuaian yang sepadan dengan aset berkaitan hak penggunaan) apabila:

- Terma pajakan telah berubah atau terdapat perubahan dalam penilaian pelaksanaan opsyen pembelian, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskau yang disemak semula;
- Pembayaran pajakan berubah disebabkan perubahan dalam indeks atau kadar atau perubahan dalam jangkaan pembayaran di bawah jaminan nilai sisa, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskau awal (kecuali perubahan pembayaran pajakan adalah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah atau pulangan terapung, di mana kadar diskau yang disemak semula akan digunakan); atau
- Kontrak pajakan diubahsuai dan pengubahsuai pajakan tersebut tidak diambil kira sebagai pajakan berasingan. Dalam hal ini, liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskau yang disemak semula.

Aset berkaitan hak penggunaan terdiri daripada pengukuran awal liabiliti pajakan yang sepadan, pembayaran pajakan yang telah dibuat pada atau sebelum hari permulaan dan sebarang kos langsung permulaan. Ia kemudian diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai.

Apabila PIDM menanggung obligasi bagi kos untuk menghapus dan mengeluarkan suatu aset pajakan, atau memulihkan tapak di mana aset tersebut berada atau memulihkan aset tersebut kepada keadaan asal seperti yang diperlukan oleh terma dan syarat pajakan, suatu peruntukan perlu diiktiraf dan diukur di bawah MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets* ("MFRS 137"). Kos tersebut dimasukkan dalam nilai aset berkaitan hak penggunaan yang berkenaan.

Aset berkaitan hak penggunaan adalah disusut nilai dalam jangka lebih pendek antara tempoh pajakan atau tempoh hayat aset dasar. Sekiranya suatu pajakan berpindah milik kepada pemajak atau kos aset berkaitan hak penggunaan mencerminkan bahawa PIDM dijangka untuk melaksanakan opsyen pembelian, aset berkaitan hak penggunaan tersebut akan disusut nilai berdasarkan tempoh hayat aset dasar berkenaan. Susut nilai bermula dari tarikh permulaan pajakan.

Aset berkaitan hak penggunaan dibentangkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

PIDM menggunakan MFRS 136 *Impairment of Assets* ("MFRS 136") untuk menentukan sama ada aset berkaitan hak penggunaan adalah terjejas dan mengambil kira kerugian penjejasan nilai yang dikenal pasti seperti yang diuraikan dalam Nota 2.2(d).

Sewa boleh ubah yang tidak bergantung kepada indeks atau kadar tidak dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan dan aset berkaitan hak penggunaan. Pembayaran yang berkaitan adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh yang mana peristiwa atau keadaan yang menyebabkan pembayaran tersebut berlaku dan dimasukkan dalam perenggan "perbelanjaan operasi dan pentadbiran" di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pelaksanaan MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan

MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan

Dasar perakaunan yang diguna pakai adalah konsisten dengan dasar-dasar perakaunan tahun kewangan sebelum ini.

Berikut adalah piawaian, tafsiran dan pindaan MFRS yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board - "MASB"*) yang berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023 dan telah diterima pakai oleh PIDM dalam penyata kewangan ini:

- MFRS 17 *Insurance Contracts*
- Amendments to MFRS 17: *Initial Application of MFRS 17 and MFRS 9 - Comparative Information*
- Amendments to MFRS 101: *Classification of Liabilities as Current or Non-current*
- Amendments to MFRS 101 and MFRS Practice Statement 2: *Disclosure of Accounting Policies*
- Amendments to MFRS 108: *Definition of Accounting Estimates*
- Amendments to MFRS 112: *Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction*
- Amendments to MFRS 112: *International Tax Reform-Pillar Two Model Rules*

Amendments to MFRS 101 and MFRS Practice Statement 2: Disclosure of Accounting Policies

PIDM menerima pakai pindaan kepada MFRS 101 *Presentation of Financial Statements* dan MFRS Practice Statement 2 - *Disclosure of Accounting Policies* mulai 1 Januari 2023. Pindaan tersebut memerlukan pendedahan polisi perakaunan yang 'material', berbanding 'ketara'. Pindaan ini juga menyediakan panduan mengenai penggunaan materialiti kepada pendedahan polisi perakaunan bagi membantu entiti dalam menyediakan maklumat polisi perakaunan yang berguna dan khusus kepada entiti bagi pengguna untuk memahami keseluruhan maklumat dalam penyata kewangan dengan lebih baik.

Penerimaan pakai pindaan kepada MFRS 101 *Presentation of Financial Statements* dan MFRS Practice Statement 2 - *Disclosure of Accounting Policies* tidak menyebabkan berlaku perubahan kepada polisi perakaunan dan pendedahan maklumat polisi perakaunan dalam penyata kewangan PIDM.

PIDM tidak menggunakan pakai Piawaian berikut yang berkuat kuasa pada tahun kewangan semasa kerana Piawaian ini tidak terpakai kepada PIDM:

- MFRS 17 *Insurance Contracts* kerana PIDM tidak menjalankan perniagaan insurans komersial dan sistem perlindungan yang ditadbirnya ditetapkan di bawah Akta PIDM; dan
- Amendments to MFRS 112 *Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction and International Tax Reform-Pillar Two Model Rules* kerana PIDM dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Penggunaan pindaan-pindaan lain tidak mempunyai sebarang kesan yang material ke atas penyata kewangan PIDM.

2. POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pelaksanaan MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran kepada Rangka Kerja MFRS yang telah dikeluarkan oleh MASB dan akan berkuatkuasa dalam tempoh pelaporan kewangan masa depan. PIDM berhasrat untuk menerima pakai piawaian, penambahbaikan tahunan kepada piawaian dan *IC Interpretation* tersebut, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa:

Deskripsi	Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Amendments to MFRS 107 dan MFRS 7: <i>Supplier Finance Arrangements</i>	1 Januari 2024
Amendments to MFRS 16: <i>Lease Liability in a Sale and Leaseback</i>	1 Januari 2024
Amendments to MFRS 101: <i>Non-current Liabilities with Covenants</i>	1 Januari 2024
Amendments to MFRS 121: <i>Lack of Exchangeability</i>	1 Januari 2025
Amendments to MFRS 10 dan MFRS 128: <i>Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture</i>	Ditunda kepada tarikh yang akan diumumkan oleh MASB

PIDM tidak menjangkakan bahawa penggunaan Piawaian yang disenaraikan di atas akan memberi kesan yang material ke atas penyata kewangan PIDM dalam tempoh masa hadapan.

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA

Penyediaan penyata kewangan PIDM secara amnya tidak memerlukan pihak Pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun yang dilaporkan kecuali bagi perkara yang dibincangkan di bawah serta pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Sekiranya penilaian diperlukan, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran yang digunakan boleh menyebabkan hasil yang akan memerlukan pelarasan ketara terhadap amaun bawaan aset atau liabiliti berkenaan pada masa hadapan.

3.1 Penilaian yang dibuat dalam menggunakan polisi perakaunan

Bagi proses menggunakan polisi perakaunan PIDM, pihak Pengurusan, selain daripada perkara yang melibatkan anggaran, telah membuat penilaian berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Menurut MFRS 10 *Consolidated Financial Statements* ("MFRS 10"), penggabungan keputusan operasi subsidiari-subsidiari dengan syarikat induk diperlukan apabila syarikat induk mempunyai 'kawalan' ke atas subsidiari-subsidiarinya. Bagi wujudnya kawalan tersebut, pelabur perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. Kuasa ke atas pelaburan;
- ii. Pendedahan, atau hak, terhadap pulangan serba berubah daripada penglibatannya dalam pelaburan tersebut; dan
- iii. Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

3.1 Penilaian yang dibuat dalam menggunakan polisi perakaunan (sambungan)

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari (sambungan)

PIDM merupakan badan resolusi bagi semua institusi ahli dengan kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. Subsidiari-subsidiari telah ditubuhkan sebagai medium bagi PIDM untuk menjalankan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dan bukannya untuk tujuan pelaburan. Sebarang pulangan daripada subsidiari-subsidiari tersebut adalah untuk manfaat Kumpulan Dana Perlindungan masing-masing, yang akan digunakan untuk aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan pada masa hadapan. PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut dihubungkait secara langsung kepada Kumpulan Dana Perlindungan yang berkenaan. Walaupun PIDM mempunyai hak untuk menggunakan wang dalam Kumpulan Dana Perlindungan untuk menampung apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan operasinya, perbelanjaan ini adalah terhad dan ditadbir oleh Akta PIDM.

Memandangkan perkara seperti di atas, kriteria untuk mempunyai ‘kawalan’ seperti yang ditakrifkan dalam MFRS 10 tidak dipenuhi, justeru penyata kewangan disatakan tidak disediakan. Walau bagaimanapun, ringkasan maklumat kewangan bagi setiap subsidiari dinyatakan di Nota 7 kepada penyata kewangan.

(b) Klasifikasi aset kewangan – penilaian model perniagaan

Klasifikasi dan pengukuran aset kewangan bergantung kepada hasil penilaian model perniagaan dan ujian SPPI (rujuk Nota 2.2(a)). PIDM menentukan model perniagaan pada tahap yang mencerminkan kaedah pengurusan aset kewangan untuk mencapai matlamat perniagaan tertentu. Penilaian ini termasuk pertimbangan yang mencerminkan semua bukti yang relevan termasuk kaedah penilaian dan pengukuran prestasi aset serta cara risiko yang berkaitan dengan aset tersebut diuruskan. PIDM terus memantau kesesuaian model perniagaan yang diguna pakai bagi asset-asset ini bagi menentukan sama ada terdapat perubahan dalam model perniagaan serta perubahan prospektif kepada klasifikasi aset tersebut. Tiada perubahan diperlukan bagi tempoh pelaporan semasa.

(c) Komitmen pajakan

PIDM telah memeterai kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat dan pelbagai peralatan pejabat. PIDM telah menentukan, berdasarkan penilaian terhadap terma-terma dan syarat-syarat perjanjian, tempoh pajakan yang melibatkan sebahagian besar daripada hayat asset-asset dan tidak ada opsyen pembelian termasuk di dalam kontrak. Oleh kerana tiada pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan asset-asset ini kepada PIDM, maka kontrak-kontrak ini diambil kira sebagai pajakan.

3.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkenaan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara dan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan seperti di bawah:

Kerugian penjejasan nilai ke atas aset kewangan

Pengukuran kerugian penjejasan nilai di bawah MFRS 9 *Financial Instruments* (“MFRS 9”) bagi semua kategori aset kewangan memerlukan pertimbangan. Khususnya, anggaran diperlukan bagi jumlah dan tempoh aliran tunai masa hadapan dan nilai cagaran apabila menentukan kerugian penjejasan nilai dan penilaian peningkatan risiko kredit yang ketara. Anggaran ini didorong oleh beberapa faktor yang mana perubahannya yang boleh menyebabkan tahap peruntukan yang berbeza.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

3.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

Kerugian penjejasan nilai ke atas aset kewangan (sambungan)

Pengiraan ECL PIDM merupakan output model yang kompleks dengan beberapa anggapan pendasar mengenai pilihan input boleh ubah dan kebergantungannya. Unsur-unsur model ECL yang dianggap sebagai pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Penentuan kriteria bagi peningkatan dalam risiko kredit yang ketara;
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai rumusan dan pilihan input;
- Penetapan hubungan antara senario makroekonomi dan input ekonomi yang relevan kepada kelas aset kewangan, seperti KDNK, dan kesan terhadap PD, EAD dan LGD;
- Pembahagian aset kewangan apabila ECL masing-masing dinilai secara kolektif; dan
- Penentuan bilangan dan wajaran relatif bagi senario berpandangan ke hadapan, untuk mendapatkan anggaran ECL.

Apabila mengukur ECL, PIDM menggunakan maklumat berpandangan hadapan yang munasabah dan disokong, yang berdasarkan kepada andaian pergerakan KDNK pada masa hadapan.

LGD merupakan anggaran kerugian yang timbul dari peristiwa kegagalan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang dijangka akan diterima oleh PIDM, dengan mengambil kira aliran tunai daripada cagaran dan peningkatan kredit yang penting.

PD merupakan input utama dalam mengukur ECL. PD merupakan anggaran kebarangkalian berlakunya sesuatu kegagalan sepanjang tempoh masa tertentu, di mana pengiraannya merangkumi data sejarah serta andaian dan jangkaan keadaan masa hadapan.

Nota 22(c) menyatakan sumber sensitiviti utama ECL terhadap perubahan input dan andaian utama.

Rancangan manfaat ditentukan – Rancangan Persaraan Jangka Panjang

Obligasi LTRP, dikira berdasarkan unjuran kaedah kredit unit yang ditentukan oleh aktuari bertaualiah. Penilaian aktuari adalah berdasarkan kepada pelbagai andaian yang mungkin berbeza dengan perkembangan sebenar pada masa hadapan. Andaian yang diguna pakai termasuklah penentuan kadar diskau, kenaikan gaji pada masa hadapan, kadar pusingan pekerja, kadar kematian dan kadar kehilangan upaya. Kesemua andaian akan disemak pada setiap tarikh pelaporan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2023

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

3.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

Aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan

